

**PENERIMAAN GURU-GURU BAHASA ARAB
TERHADAP PdPc BAHASA ARAB SECARA
MAYA: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI NEGERI KELANTAN**

SITI NORHIDAYAH BINTI MAHD NAYAI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

**PENERIMAAN GURU-GURU BAHASA ARAB
TERHADAP PdPc BAHASA ARAB SECARA
MAYA: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI NEGERI KELANTAN**

SITI NORHIDAYAH BINTI MAHD NAYAI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
PENGAJIAN ISLAM**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **SITI NORHIDAYAH BINTI MAHD NAYAI**

No. Pendaftaran/Matrik: **17116664/3**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN ISLAM**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**"PENERIMAAN GURU-GURU BAHASA ARAB TERHADAP PdPc BAHASA ARAB SECARA MAYA:
KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI NEGERI KELANTAN"**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 01.03.2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 01.03.2023

Nama:

Jawatan:

**PENERIMAAN GURU-GURU BAHASA ARAB TERHADAP PdPc BAHASA
ARAB SECARA MAYA: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DI NEGERI KELANTAN**

ABSTRAK

Isu yang berlaku adalah pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab yang dijalankan secara maya sewaktu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat kurang berkesan dan tidak begitu memuaskan disebabkan oleh pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh murid yang menghalang mereka dari mengikuti pembelajaran secara maya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, melihat perbezaan penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya antara guru yang mengajar di bandar dengan luar bandar dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Kajian yang dijalankan ini penting untuk melihat sejauh mana tahap penerimaan guru terhadap pembelajaran bahasa Arab secara maya. Selain itu, suasana arus teknologi pada masa kini yang sedang membangun berkemungkinan menjadikan pembelajaran secara maya tidak hanya digunakan sewaktu kecemasan sahaja. Menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya juga menjadikan masyarakat lebih bersedia untuk menjalankan kelas secara maya sekiranya terdapat apa-apa kemungkinan yang memerlukan pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan secara maya. Di samping itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga boleh menghalusi setiap faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya bagi mencapai target Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-

2025. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk soal selidik yang terdiri daripada 53 item soalan dan menggunakan skala Likert yang ditadbirkan kepada sampel kajian yang terdiri daripada guru-guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di seluruh negeri Kelantan. Dapatan kajian dianalisis menggunakan *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)*. Hasil analisis menunjukkan penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya tiada perbezaan penerimaan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dengan luar bandar. Hasil analisis faktor pula menunjukkan 4 faktor yang terbentuk iaitu faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar, faktor sokongan pentadbiran, faktor sokongan sosial dan faktor kandungan mata pelajaran. Hasil analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai menunjukkan faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa Arab secara maya diikuti oleh faktor sokongan sosial, faktor sokongan pentadbiran dan faktor terakhir yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan adalah faktor kandungan mata pelajaran.

Kata kunci: Penerimaan guru bahasa Arab, pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, faktor yang mempengaruhi.

**ARABIC LANGUAGE TEACHER'S ACCEPTANCE OF ARABIC LANGUAGE
PdPc VIRTUALLY: A STUDY IN NATIONAL SECONDARY SCHOOLS IN
THE STATE OF KELANTAN**

ABSTRACT

The issue that occurs is the learning and facilitation of the Arabic language that is conducted virtually during the Movement Control Order (MCO) period is seen to be less effective and not very satisfactory due to various problems and constraints faced by students that prevent them from undergoing the virtual learning. Therefore, this study aims to identify the level of acceptance of national secondary school Arabic teachers in Kelantan towards virtual Arabic language learning and facilitation, looking at the difference in acceptance of national secondary school Arabic teachers in Kelantan towards virtual Arabic language learning and facilitation between teachers who teaching in the city and outside the city and studying the factors that affect the learning and facilitation of the Arabic language virtually. The study carried out is important to see the extent of teachers' acceptance of virtual Arabic language learning. In addition, we are currently in a phase of technology development where it is possible that virtual learning is not only used in times of emergency. It also makes us more prepared to conduct classes virtually if there is any possibility that causes learning and facilitation to be conducted virtually. In addition, the Ministry of Education Malaysia can also refine every factor that contributes to the effectiveness of virtual learning and facilitation to achieve the target of the Ministry of Education Malaysia as translated in the Malaysian Education Development Plan 2013-2025. This study uses a quantitative method in the form of a questionnaire consisting of 53 question items and using a Likert scale administered to a study sample consisting of Arabic teachers of national secondary schools throughout the state of Kelantan. The findings of the study were analyzed using

SPSS (Statistical Package for the Social Sciences). The results of the analysis show that the acceptance of the Arabic language teachers of national secondary schools in Kelantan towards learning and facilitating the Arabic language virtually is at a medium level. Overall, there is no difference in the acceptance of virtual Arabic language learning and facilitation between national high school Arabic teachers in Kelantan who teach in urban and rural areas. The results of the factor analysis showed that 4 factors were formed, namely the technical support, teacher's teaching style and student readiness factor, the administrative support factor, the social support factor and the subject content factor. The results of the descriptive analysis using the mean and standard deviation show that the technical support, teacher's teaching style and student readiness factor are the main factors in influencing the effectiveness of virtual Arabic learning followed by the social support factor, the administrative support factor and the last factor that affects the effectiveness of learning and facilitation is the factor course content.

Keywords: Acceptance, Arabic language teachers, virtual learning and facilitation, influencing factors.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya yang tidak terhingga memberikan kekuatan dan kesabaran kepada penulis untuk menyiapkan disertasi ini dengan sepenuhnya. Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada suami tercinta Muhamad Faris Abdul Kahar dan juga anak-anak yang menyumbangkan pelbagai pertolongan, sokongan dan mahabbah kepada penulis sepanjang menyiapkan disertasi ini. Begitu juga jutaan penghargaan buat ayah dan ibu tercinta Mahd Nayai Ahmad dan Rahani Mohd Nor kerana telah banyak memberi kasih sayang, galakan dan semangat kepada penulis. Doa dan restu daripada kalian semua adalah kekuatan buat penulis. Buat kakak, abang-abang dan adik-adikku sekalian doa kalian amat bermakna buat penulis. Jutaan terima juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di atas peluang yang diberikan kepada penulis sehingga berjaya menyudahkan disertasi ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih buat yang berbahagia Dr. Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Dr. Nor Hazrul Mohd Salleh selaku penyelia disertasi ini yang tidak jemu memberikan bimbingan, panduan, dan tunjuk ajar kepada penulis. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang sama-sama memberikan semangat dan tunjuk ajar selama ini. Semoga segala ilmu yang diberikan mendapat keberkatan Allah SWT. Ribuan terima kasih juga kepada pegawai-pegawai bahagian Pendidikan Islam di Pejabat Pendidikan Daerah seluruh negeri Kelantan serta guru-guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan dalam membantu penulis menyiapkan bahagian kajian lapangan dalam disertasi ini. Akhirnya, tidak lupa ucapan terima kasih untuk rakan-rakan, pihak pengurusan perpustakaan dan semua pihak yang secara langsung memberi sumbangan dan idea kepada penulis sehingga berjaya dalam menyiapkan disertasi ini.

Maklumat Penyelidik:
SITI NORHIDAYAH BINTI MAHD NAYAI
Program Pendidikan Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya
17116664/3

hidayahnayai@gmail.com

Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
Abstrak	iii
Abstract	vi
Penghargaan	ix
Isi Kandungan	xi
Senarai Rajah	xiv
Senarai Jadual	v
Panduan Transliterasi	xvi
Senarai Kependekan	xviii
Senarai Lampiran	xix

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.2	PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	5
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	14
1.4	PERSOALAN KAJIAN	14
1.5	HIPOTESIS KAJIAN	15
	1.5.1 Penerimaan Guru yang Mengajar di Bandar dan Guru yang Mengajar di Luar Bandar	15
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	16
1.7	SKOP KAJIAN	18
1.8	BATASAN KAJIAN	18
1.9	DEFINISI DAN ISTILAH	19
	1.9.1 Perspektif	19
	1.9.2 Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara dalam Talian	19
	1.9.3 Bahasa Arab	19
1.10	RUMUSAN	20

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	BAHASA ARAB SEBAGAI KURIKULUM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA	22
2.3	KAJIAN BERKAITAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA	24
2.4	KAJIAN BERKAITAN PEMBELAJARAN MAYA ATAU E PEMBELAJARAN	52
2.5	TEMPOH PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN SECARA DALAM TALIAN EKORAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	76

2.6	PEMBELAJARAN SECARA MAYA KETIKA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA	89
2.7	TEORI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA	108
2.7.1	Teori Pembelajaran Connectivisme	109
2.7	RUMUSAN	113

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	PENGENALAN	115
3.2	REKA BENTUK KAJIAN	115
3.3	PROSES PENYELIDIKAN	116
3.3.1	Analisis Dokumen/Sorotan Literature (Teori dan Kajian Terdahulu)	117
3.3.2	Membentuk objektif, persoalan dan hipotesis kajian	117
3.3.3	Instrumen Kajian (Soal Selidik)	117
3.3.4	Kesahan Muka	120
3.3.5	Kajian Rintis	121
3.3.6	Analisis Kajian Rintis	122
3.3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian (Soal Selidik)	122
3.3.8	Kajian Sebenar	123
3.3.9	Pengumpulan Data	124
3.3.10	Analisis Dapatan Kajian	124
3.3.10.1	Ujian Kenormalan Data	124
3.3.10.2	Ringkasan Analisis Data	125
3.3.10.3	Analisis Deskriptif	125
3.3.10.4	Analisis Nonparametrik (Man-Whitney Test)	126
3.3.10.5	Analisis Faktor	126
3.4	POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN	126
3.5	RUMUSAN	129

BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	PENGENALAN	130
4.2	ANALISIS SOAL SELIDIK	130
4.2.1	Analisis Data Demografi	130
4.2.1.1	Demografi Responden	130
4.2.1.2	Bilangan Responden Mengikut Daerah	132
4.2.2	Persoalan Kajian 1: Bagaimanakah Tahap Penerimaan Guru Terhadap PDPC Secara Maya?	134
4.2.3	Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Perbezaan Penerimaan Guru Terhadap PDPC Secara Maya di antara Guru yang Mengajar di Bandar dengan Guru yang Mengajar di Luar Bandar?	142

4.2.3.1	Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap PDPC Bahasa Arab Secara Maya dari Segi Penggunaan	144
4.2.3.2	Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap PDPC Bahasa Arab Secara Maya dari Segi Kelebihan	145
4.2.3.3	Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap PDPC Bahasa Arab Secara Maya dari Segi Penglibatan Pelajar	146
4.2.4	Persoalan Kajian 3: Apakah Faktor-Faktor yang Mempengaruhi PDPC Bahasa Arab Secara Maya?	147
4.2.4.1	Analisis Faktor	147
4.2.4.2	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya	150
4.2.4.2.1	Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru Dan Kesiediaan Pelajar	151
4.2.4.2.2	Faktor Sokongan Sosial	153
4.2.4.2.3	Faktor Sokongan Pentadbiran	154
4.2.4.2.4	Faktor Kandungan Mata pelajaran	155
4.3	RUMUSAN	156

BAB 5:

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	157
5.2	Ringkasan Kajian	157
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	158
5.3.1	Data Demografi Responden	158
5.3.2	Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya	159
5.3.2.1	Elemen Penerimaan dari Segi Penggunaan	160
5.3.2.2	Elemen Penerimaan dari Segi Kelebihan	161
5.3.2.3	Elemen Penerimaan dari Segi Penglibatan Pelajar	164
5.3.3	Perbezaan Penerimaan Guru di Bandar dengan Guru Luar Bandar Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya	166
5.3.4	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab Secara Maya	170
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	175
5.5	RUMUSAN	175

BIBLIOGRAFI	176
--------------------	-----

LAMPIRAN	200
-----------------	-----

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah		Halaman
Rajah 2.1	: Kerangka Teori Kajian	108
Rajah 3.1	: Proses Penyelidikan	116
Rajah 4.1	: Bilangan Responden Mengikut Kelompok (Daerah/PPD)	132

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual		Halaman
Jadual 3.1	: Pecahan Item Soal Selidik Konstruk Penerimaan Guru	119
Jadual 3.2	: Pecahan Item Soal Selidik Konstruk Faktor	120
Jadual 3.3	: Pakar yang Terlibat bagi Kesahan Muka	121
Jadual 3.4	: Ringkasan Analisis Kajian	125
Jadual 3.5	: Interpretasi Skor Min	126
Jadual 3.6	: Bilangan Guru Bahasa Arab di Setiap Daerah di Kelantan	127
Jadual 4.1	: Ringkasan Profil Responden	132
Jadual 4.2	: Tahap Penerimaan Guru Terhadap PdPc Bahasa Arab	134
Jadual 4.3	: Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab dari Segi Penggunaan	135
Jadual 4.4	: Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab dari Segi Kelebihan	140
Jadual 4.5	: Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab dari Segi Penglibatan Pelajar	141
Jadual 4.6	: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesediaan Pelajar, Faktor Sokongan Sosial, Faktor Sokongan Pentadbiran dan Faktor Kandungan Mata pelajaran (N=65)	151
Jadual 4.7	: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesediaan Pelajar (N=65)	153
Jadual 4.8	: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Sosial (N=65)	154
Jadual 4.9	: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Pentadbiran (N=65)	155
Jadual 4.10	: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Kandungan Mata pelajaran (N=65)	156

PANDUAN TRANSLITERASI

a. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	' (a,i,u)	الْقِرَاءَةُ	<i>al-Qirā'ah</i>
ب	b	بَعَثَ	<i>ba'tha</i>
ت	t	تَابَ	<i>tāba</i>
ث	th	ثَوَابٌ	<i>thawāba</i>
ج	j	جَعَلَ	<i>ja'ala</i>
ح	h	حَلَبَ	<i>ḥalaba</i>
خ	kh	خَطَبَ	<i>khaṭaba</i>
د	d	دَفَعَ	<i>dafa'a</i>
ذ	dh	ذَهَبَ	<i>dhahaba</i>
ر	r	رَجَعَ	<i>raja'a</i>
ز	z	زَرَاعٌ	<i>zara'a</i>
س	s	سَمِعَ	<i>sami'a</i>
ش	sh	شَفَعَ	<i>shafa'a</i>
ص	ṣ	صَعَدَ	<i>ṣa'ada</i>
ض	ḍ	ضَلَّلَ	<i>ḍalala</i>
ط	ṭ	طَلَعَ	<i>ṭala'a</i>
ظ	ẓ	ظَفَرَ	<i>ẓafara</i>
ع	' (a,i,u)	عَلَيْهِ	<i>'alayh</i>
غ	gh	غَفَرَ	<i>ghafara</i>
ف	f	فَلَحَ	<i>falaḥa</i>
ق	q	قَلَمَ	<i>qalama</i>
ك	k	كَتَبَ	<i>kataba</i>
ل	l	لَعِبَ	<i>la'iba</i>
م	m	مَنَعَ	<i>mana'a</i>
ن	n	نَالَ	<i>nāla</i>
و	w	وَعَدَ	<i>wa'ada</i>
هـ	h	هَدَمَ	<i>hadama</i>
ي	y	يَعْلَمُ	<i>ya'lamu</i>

b. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	ā	قَالَ	qāla
أو	ū	مُوسَى	Mūsā
إي	ī	إِيمَان	īmān

c. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
فتحة)-----	a	نَصَرَ	naṣara
كسرة)-----	i	نَاصِرَ	nāṣira
ضمّة)-----	u	يَنْصُرُ	yanṣuru

d. Diftong

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أو	aw	أَوَاب	awwāba
أي	ay	أَيَّام	ayyāma
إي	iy	إِيَّكَ	iyyāka

Nota:

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab, tetapi telah menjadi sebutan bahasa Melayu seperti perkataan ulama, ilmiah, al-Quran, hadith dan lain-lain.¹

¹ Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2020).

SENARAI KEPENDEKAN

1. % : Peratus
2. & : Dan
3. BA : Bahasa Arab
4. BBM : Bahan Bantu Mengajar
5. BERNAMA : Berita Nasional Malaysia
6. Bil : Bilangan
7. et. al : et alii/ alia (dan lain-lain yang melebihi dua)
8. ICT : *Information and Communication Technology*
9. IPTA : Institut Pengajian Tinggi Awam
10. JPN : Jabatan Pendidikan Negeri
11. KAA : Kelas Aliran Agama
12. KKM : Kementerian Kesihatan Malaysia
13. KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia
14. KSSM : Kurikulum Standard Sekolah Menengah
15. MBK : Murid Berkeperluan Khas
16. MKN : Majlis Keselamatan Negara
17. No. : Nombor
18. PBB : Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
19. PBBK : Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berbantuan Komputer
20. PdP : Pengajaran dan Pembelajaran
21. PdPc : Pembelajaran dan Pemudahcaraan
22. PdPR : Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
23. PJJ : Pembelajaran Jarak Jauh
24. PKP : Perintah Kawalan Pergerakan
25. PPD : Pejabat Pendidikan Daerah
26. PPKI : Program Pendidikan Khas Integrasi
27. P&P : Pengajaran dan Pembelajaran
28. SMKA : Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
29. SPSS : *Statistical Package for Social Science*
30. t.t. : Tanpa Tarikh
31. UiTM : Universiti Teknologi Mara
32. VLE : *Virtual Learning Environment*
33. vol. : *Volumn*

SENARAI LAMPIRAN

Senarai Lampiran

- Lampiran 1** : Borang Soal Selidik
- Lampiran 2** : Pengesahan Semakan Borang Soal Selidik oleh Pakar-Pakar Penilai
- Lampiran 3** : Surat-Surat Rasmi yang Berkaitan (Kebenaran Menjalankan Kajian)
- Lampiran 4** : Jadual Dapatan Analisis Kajian

Universiti Malaya

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada hari ini, bahasa Arab terus mengalami perkembangan dan kemajuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bahasa Arab mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Pendidikan yang dahulunya bersistem pondok beralih kepada sistem sekolah yang lebih kemas dan rapi serta memenuhi keperluan semasa. Sistem pendidikan ini ditadbir secara langsung oleh pihak-pihak kerajaan mahupun swasta. Bahasa Arab kemudiannya dimasukkan secara rasmi dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia melalui Akta Pendidikan pada tahun 1996. Bahasa Arab dimasukkan ke dalam kurikulum sebagai bahasa asing. Tambahan lagi, bahasa Arab kini bukan sahaja diajar sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah sama ada peringkat rendah mahupun peringkat menengah (Noorafini Kassim et al., 2017), namun dikembangkan lagi sehingga ke peringkat pengajian tinggi dengan perkembangan yang menggalakkan dengan adanya institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus-kursus bahasa Arab sama ada untuk mendapatkan ijazah atau kursus-kursus wajib atau kursus elektif (Rosni Samah, 2012).

Pada era globalisasi, perkembangan zaman telah membawa perkembangan dalam bidang teknologi. Kemajuan teknologi digunakan secara meluas dalam semua sistem di seluruh pelosok dunia kerana teknologi dapat memudahkan sesuatu kerja dan menjimatkan masa. Bidang pendidikan juga tidak ketinggalan dalam menggunakan teknologi yang mana penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan dapat meningkatkan kecekapan dan hasil pembelajaran. Guru-guru lebih mudah mendapatkan maklumat yang lebih luas berkenaan dengan pengajaran sama ada dari segi maklumat bahan pengajaran atau kaedah-kaedah serta teknik yang boleh digunakan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru juga boleh mendapatkan

pelbagai bahan yang menarik yang dikongsikan di laman sesawang untuk dijadikan bahan bantu mengajar. Penggunaan alat teknologi sebagai bahan bantu belajar seperti *PowerPoint, flash, video* dan juga visual membuatkan pengajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan lebih menarik minat murid untuk belajar kerana pelajar akan didedahkan dengan gambaran dan persembahan menarik serta mudah untuk di fahami.

Antara usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memanfaatkan teknologi dalam sistem pendidikan antaranya adalah penerbitan video-video pengajaran untuk TV Pendidikan dan *EduWebTV*, pembestarian sekolah, penggunaan platform Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (Frog VLE), pelancaran pelantar pembelajaran digital secara tunggal baharu yang dikenali sebagai DELIMa (Digital Educational Learning Initiative Malaysia) pada 15 Jun 2020 dan sebagainya. Melalui teknologi, pembelajaran tidak hanya berlaku secara bersemuka antara guru dengan pelajar, namun proses pembelajaran turut dijalankan secara maya atau dalam talian.

Pembelajaran secara maya atau dalam talian mula digunakan seiring dengan perkembangan internet. Istilah pembelajaran dalam talian sering dikaitkan dengan istilah-istilah seperti e-pembelajaran (*e-learning*), pembelajaran jarak jauh (PJJ) dan sebagainya. Menurut Jamaludin Mohaidin (2000), pembelajaran maya adalah satu corak memperolehi ilmu atau pendidikan menggunakan sistem pendekatan penyampaian pengajaran bagi membolehkan perubahan kekal dalam diri seseorang individu dari segi mental, pemikiran, konsep, sikap dan perlakuan melalui pengalaman yang tertentu yang diuruskan melalui suatu sistem talian (*online*) yang menguruskan pembelajaran, membekalkan mekanisme penghantaran pengetahuan/maklumat. Pembelajaran secara maya adalah sama seperti pembelajaran biasa yang melibatkan komunikasi antara tenaga pengajar dengan pelajar, tetapi yang membezakannya ialah mereka tidak bertemu secara bersemuka, malah bertemu melalui ruang maya. Selain itu, penilaian dan

pemantauan oleh tenaga pengajar juga dilakukan seperti pembelajaran biasa (TVET & Vocational Training, 2020).

Menurut Mahizer Hamzah, perkembangan pembelajaran dalam talian di sekolah di Malaysia bermula apabila KPM memperkenalkan Sekolah Bestari bermula dengan lapan puluh lapan (88) buah sekolah. Sekolah Bestari kemudian diperluaskan kepada semua sekolah melalui Pembestarian Sekolah, seterusnya memperkenalkan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog. Sebelum ini, guru menggunakan pembelajaran dalam talian ini sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan dalam bilik darjah di sekolah. Namun, pada peringkat awal penggunaannya, penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog amat terbatas dan tidak semua guru menggunakannya. Kebanyakan guru menjadikan pelantar pembelajaran dalam talian sebagai repositori untuk murid mendapatkan bahan pembelajaran dalam bentuk *Power Point* dan nota dalam format PDF. Namun demikian, pelaksanaan pemantauan penggunaan di setiap sekolah yang dijalankan oleh KPM telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan pembelajaran dalam talian (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Pembelajaran secara maya semakin meluas dan giat digunakan setelah kemunculan pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan hampir seluruh dunia melakukan sekatan pergerakan (*lockdown*) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia bagi menghapuskan rantaian wabak tersebut. PKP telah menyebabkan penutupan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Lantaran penutupan sekolah dan universiti sejak PKP fasa 1 di Malaysia, proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara maya dilihat sebagai pilihan yang tepat. PdP secara maya adalah sejajar dengan saranan Kerajaan Malaysia ke arah kehidupan secara kebiasaan baharu. Kelas-kelas maya telah

mula dipraktikkan oleh para guru di sekolah dan pensyarah di universiti bagi memastikan pelajar masih boleh menjalani proses PdP.

Menjalankan persekolahan di rumah bukan sekadar kejutan besar kepada ibu bapa, tetapi juga untuk kehidupan sosial dan pembelajaran anak-anak. Pengajaran dan pembelajaran bergerak secara maya pada skala yang belum diuji dan belum pernah terjadi sebelumnya. Pentaksiran dan penilaian pelajar juga bergerak secara dalam talian. Kebanyakannya secara percubaan (*trial and error*) dan ketidakpastian semua orang. Gangguan ini bukan sahaja menjadi masalah jangka pendek, tetapi juga boleh menyebabkan akibat jangka panjang bagi pelajar yang terjejas dan ini mungkin meningkatkan isu ketidaksamaan. Penggunaan persidangan video dan sebagainya telah meningkat dan diaplikasikan oleh pendidik dan pelajar. Ada juga yang tidak pernah tahu dan mendengarnya. Sebelum ini, kebanyakan guru sekolah hanya menggunakan *VLE Frog* dan sekarang *Google Classroom*, tetapi medium tersebut masih tidak digunakan secara meluas. Pembelajaran secara maya dipilih sebagai medium utama pada waktu pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) ekoran dari penutupan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan akibat wabak pandemik yang melanda adalah bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan yang mana masyarakat dalam keadaan tidak bersedia menyebabkan tiada kursus atau bengkel latihan yang disediakan pemimpin sekolah untuk krisis ini. Masyarakat seolah berada di wilayah baru. Untuk memastikan gangguan yang terhad dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pemimpin pendidikan perlu memastikan pendekatan pengajaran dalam talian dapat dilaksanakan untuk pelajar mereka (Azizi Ahmad, 2020).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) secara maya, melihat perbezaan penerimaan guru terhadap PdPC secara maya antara guru yang mengajar di

bandar dengan luar bandar serta mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi PdPC bahasa Arab secara maya.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Isu yang berlaku adalah pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab yang dijalankan secara maya dilihat kurang berkesan. Menurut Izzat Akram Ibrahim (2020), pengadaptasian pendidikan maya di Malaysia sewaktu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tidak begitu memuaskan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan belajar dari rumah kurang berkesan berbanding secara bersemuka (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Anuar Ahmad turut berpendapat sedemikian yang mana pembelajaran secara maya telah menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcaraan (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Sunil Kumar (2015) berpendapat pembelajaran secara maya dari sudut fleksibiliti masa dan tempat dapat menarik minat murid, tetapi kebanyakan mereka menghadapi cabaran yang serius yang menghalang mereka untuk menyelesaikan pembelajaran mereka dengan jaya. Menurut guru cemerlang bahasa Melayu, Haslinda Nor Ismail yang berpengalaman mengajar hampir 20 tahun, beliau menjalankan pembelajaran secara maya melalui aplikasi *Google Classroom* sewaktu PKP, namun tidak semua murid mengikuti kelas beliau (Sinar Harian, 2020a). Theresa Wong Kooi Choon, salah seorang guru di sekolah menengah memaklumkan beliau mendapat maklum balas yang kurang menggalakkan daripada pelajar sewaktu melaksanakan pembelajaran secara maya. Begitu juga dengan Kamalakannan Letchmanan yang merupakan guru sekolah rendah, hanya dua pertiga (2/3) daripada pelajarinya mengikuti pelajaran atas talian (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020). Menurut Mansor Abu Talib, laporan kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diterbitkan pada Ogos 2020 mendedahkan sekurang-kurangnya satu pertiga pelajar

terkesan di seluruh dunia kerana tidak memiliki akses pendidikan maya apabila sekolah ditutup akibat penularan COVID-19. Namun begitu, menurut laporan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF), kanak-kanak yang memiliki akses yang mencukupi juga menghadapi cabaran lain dalam pendidikan secara maya disebabkan oleh faktor lain yang turut mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian (Shanika Abdullatib, 2020). Menurut Zuraidah Abdullah, pembelajaran secara maya di Malaysia berada pada tahap yang sederhana kerana sebahagian guru, murid dan ibu bapa belum bersedia sepenuhnya (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020).

Perkara ini berlaku disebabkan oleh pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh murid yang menghalang mereka dari mengikuti pembelajaran secara maya. Menurut Anuar Ahmad yang merupakan guru penerima anugerah cemerlang, capaian internet menjadi masalah utama yang dihadapi oleh murid (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Menteri Kanan (Pendidikan) menyebut ramai dalam kalangan murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian disebabkan oleh akses kepada teknologi komunikasi yang terhad (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Mahizer Hamzah (2020) juga turut berpendapat bahawa capaian internet merupakan masalah utama yang dihadapi oleh murid. Pendapat ini turut disokong oleh Hariayati Ariffin (2021). Agatha Wong yang juga merupakan seorang guru menyatakan tidak semua pelajar mempunyai kemudahan capaian internet terutamanya pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah. Ini turut diakui oleh Theresa Wong Kooi Choon yang juga merupakan seorang guru (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020). Izat Akram Ibrahim (2020), turut mengakui bahawa capaian internet menjadi masalah kepada murid untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian dan perkara ini turut disebut oleh Sharlini (2011) dan Mansor Abu Talib (Shanika Abdullatib, 2020).

Antara masalah atau kekangan lain yang turut dihadapi oleh pelajar adalah kemudahan alat peranti sama ada komputer riba, komputer, tablet, telefon pintar dan

sebagainya. Menurut Agatha Wong yang merupakan seorang guru, bukan semua pelajar mampu memiliki alat peranti menyebabkan beliau tidak dapat memantau kesemua pelajarinya (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020). Kenyataan ini turut diakui oleh Anuar Ahmad bahawa ramai dalam kalangan pelajar yang tidak mempunyai telefon pintar, komputer riba atau komputer di rumah terutamanya mereka yang berasal dari keluarga yang tidak berkemampuan (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Sharlini (2011) juga menyebut antara masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian adalah tidak mempunyai kemudahan alat peranti. Perkara ini juga turut dinyatakan oleh Hariayati Ariffin (2021) dan Syahidatul Akmal Dunya (2020) bahawa pelajar menghadapi masalah peralatan dan keperluan pembelajaran yang tidak mencukupi yang mana peralatan tersebut menjadi satu kemestian dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Zuraidah juga menyatakan sekurang-kurangnya pelajar perlu memiliki telefon pintar (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020). Menurut Mahizer Hamzah, kegagalan peralatan teknologi adalah antara faktor yang menyumbang kepada hilang tumpuan murid terhadap pembelajaran dalam talian (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Anuar Ahmad menyebut hasil kajian yang dilakukan oleh KPM mendapati 36.9 peratus murid di seluruh negara tidak mempunyai sebarang peranti elektronik. Peranti elektronik seperti komputer dan telefon pintar bagi membolehkan pengajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan di rumah adalah terhad. Kira-kira enam peratus murid mempunyai komputer peribadi, telefon pintar 46 peratus, komputer riba 9 peratus dan tablet 5.67 peratus (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Menurut Mansor Abu Talib yang merupakan Timbalan Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia (Perkama), laporan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) menyatakan anggaran 463 juta kanak-kanak mengalami masalah kekurangan kelengkapan atau akses elektronik yang membolehkan mereka meneruskan pembelajaran dalam talian (Shanika Abdullatib, 2020).

Suasana pembelajaran yang tidak kondusif juga turut menjadi penghalang kepada pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian yang berkesan. Perkara ini diakui oleh Mansor Abu Talib bahawa pelajar berhadapan dengan masalah kurang ruang belajar yang baik di rumah (Shanika Abdullatib, 2020). Menurut Mahizer Hamzah, persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada hilang tumpuan murid terhadap pelajaran yang diikuti (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Izzat Akram Ibrahim (2020) juga berpandangan bahawa suasana pembelajaran yang tidak kondusif merupakan salah satu halangan yang dihadapi oleh pelajar ketika mengikuti proses pengajaran dan pemudahcaraan secara maya. Begitu juga menurut TVET & Vocational Training - Malaysian News (2020) yang menyebut suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar menjadi cabaran kepada pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya. Pendapat ini turut disokong oleh Hariayati Ariffin (2021) yang berpendapat persekitaran pembelajaran di rumah adalah antara faktor yang menghalang keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Antara masalah lain yang turut dihadapi oleh pelajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara maya adalah kurang sokongan ibu bapa atau keluarga. Menurut Aghata Wong, ibu bapa terlalu sibuk bekerja dan tidak dapat memantau pembelajaran anak-anak mereka (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020). Menurut Mahizer Hamzah, kurang sokongan ibu bapa antara salah satu faktor pelajar hilang tumpuan terhadap pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Hariayati Ariffin (2021) juga turut berpendapat sedemikian bahawa terdapat ibu bapa atau ahli keluarga yang tidak memahami keadaan pelajar yang berkurung di dalam bilik untuk menjalani kelas secara dalam talian. Anuar Ahmad menyatakan sepatutnya ibu bapa perlu bijak menyediakan proses pembelajaran untuk anak mereka di rumah (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Disiplin atau motivasi pelajar itu sendiri juga merupakan salah satu masalah dan kekangan yang boleh menghalang murid dari mengikuti pembelajaran secara maya. Murid seolah berada dalam suasana yang dikatakan selesa menyebabkan mereka tiada inisiatif untuk belajar sendiri bahkan menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti hiburan, permainan dalam talian atau melayari laman media sosial (Anim Zalina Azizan, 2020). Sebahagian murid bersikap sambil lewa dalam mengambil bahagian ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian dilaksanakan kerana mengikut kesesuaian masa mereka (TVET & Vocational Training, 2020). Menurut Anuar Ahmad, murid sepatutnya lebih bersedia untuk belajar secara sendiri sesuai dengan norma baharu ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mana boleh dikatakan semua rutin harian berubah kepada norma baharu (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Masalah atau kekangan tersebut bukan sahaja dialami oleh pelajar. Namun turut dialami oleh tenaga pengajar. Menurut Sharlini (2011), antara masalah yang dihadapi oleh sebahagian tenaga pengajar seperti guru ialah masalah capaian internet yang lemah terutamanya bagi guru yang tinggal di luar bandar. Kenyataan ini turut disokong oleh Anuar Ahmad (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020) dan juga diakui oleh TVET & Vocational Training - Malaysian News (2020) yang turut berpandangan sedemikian. Di samping itu, tidak menguasai kemahiran teknologi juga merupakan halangan kepada guru bagi memastikan pengajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan secara dalam talian berkesan. Menurut Anuar Ahmad, masih ramai guru yang tidak menguasai kemahiran teknologi menyebabkan mereka tidak dapat menyampaikan bahan pengajaran dalam talian (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Begitu juga pendapat yang diutarakan oleh TVET & Vocational Training - Malaysian News (2020) bahawa terdapat sebahagian guru yang tidak menguasai kepakaran dalam menggunakan peralatan teknologi dan inovasi. Menurut Lai Chee Sern et al. (2017), berdasarkan kajian yang mereka jalankan berkaitan penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru

sekolah rendah, mereka mendapati masih ramai guru-guru yang tidak menggunakan *VLE Frog* dalam pengajaran dan pemudahcaraan mereka disebabkan oleh tidak menguasai kemahiran menggunakan komputer dan ramai dalam kalangan guru lebih suka perubahan cara mengajar yang melibatkan penggunaan teknologi. Selain itu, guru juga berhadapan dengan masalah penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar elektronik yang melibatkan kos yang tinggi (Sharlini, 2011)

Menurut Anuar Ahmad, sebenarnya pembelajaran secara maya di negara Malaysia bukanlah perkara yang baru. Bahkan pembelajaran secara maya telah pun segandingan dengan negara maju, cuma sebelum ini pembelajaran secara maya agak kurang popular dan menjadi pilihan utama ketika perintah kawalan pergerakan (PKP). Sebelum PKP lagi sebenarnya pembelajaran dalam talian telah pun bermula. Ini dapat dilihat melalui sebahagian guru-guru dari seluruh negara yang berkongsi bahan-bahan pengajaran mengikut subjek mereka melalui aplikasi *Youtube* dan dikenali sebagai *Cikgootube*, portal pendidikan yang menyediakan maklumat-maklumat berkaitan pendidikan yang mana maklumat tersebut boleh didapati secara percuma dan juga program-program yang dianjurkan oleh KPM seperti Program Khidmat Bantu Pengintegrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran oleh Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan KPM yang disediakan secara percuma sahaja (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Menurut Khoirun Nisak Mat Saad et al. (2015), pembelajaran secara maya telah termaktub dalam Agenda IT Kebangsaan yang dilancarkan sejak tahun 1996 dengan menggariskan beberapa panduan bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang maju dengan mewujudkan pembelajaran secara maya. Menurut Mahizer Hamzah pula, perkembangan pembelajaran dalam talian di sekolah telah lama diperkenalkan oleh KPM dengan memperkenalkan sekolah Bestari yang dimulakan dengan 88 buah sekolah dan kemudiannya diperluaskan kepada semua sekolah di

Malaysia melalui pembedian sekolah. Kemudian KPM memperkenalkan penggunaan persekitaran Pembelajaran Maya Frog dan kemudiannya Pelantar Pembelajaran Digital (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Menurut Mazlina Abdul Majid (2020), penutupan semua sekolah dan institusi pendidikan ketika perintah kawalan pergerakan (PKP), proses pengajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian mula digunakan secara meluas. Pembelajaran secara maya bukanlah sesuatu yang baharu, tetapi merupakan pilihan yang tepat.

Menurut Menteri Kanan Pendidikan, pembelajaran di rumah merupakan sesuatu yang baharu dalam kalangan guru, murid dan ibu bapa (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Shanika Abdullatib (2020) juga menyebut bahawa semua murid terpaksa berhadapan dengan norma baharu sesi pengajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan akibat penularan wabak COVID-19. Haslinda Nor Ismail juga menjelaskan bahawa kaedah pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian telah lama diperkenalkan tetapi sebelum ini pembelajaran secara maya hanya sekadar bahan bantu mengajar dan tidak dikira sebagai kaedah utama dalam pembelajaran. PdP secara maya hanya menjadi pilihan utama setelah perintah kawalan pergerakan dilaksanakan di seluruh negara (Sinar Harian, 2020a) dan (Muzaffar Syah Mallow, 2020)

Pembelajaran secara maya atau dalam talian sebelum ini hanya dianggap sebagai bahan bantu mengajar (BBM) sebagaimana disebutkan oleh Haslinda Nor Ismail. Perkara ini turut disokong oleh Mahizer Hamzah bahawa sebelum berlakunya pandemik COVID-19 yang menyebabkan semua sekolah ditutup, kebanyakan guru menjadikan pelantar pembelajaran dalam talian hanyalah sebagai repositori untuk murid mendapatkan bahan pembelajaran dalam bentuk persembahan *Power Point* dan juga nota dalam format PDF (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Zuraidah juga berpandangan sedemikian yang mana kaedah pengajaran dan pemudahcaraan dalam

talian hanya digunakan sebagai bahan bantu mengajar sebelum berlakunya penularan wabak COVID-19 (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020).

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) bahasa Arab secara maya turut mengalami perkara yang sama iaitu PdPC bahasa Arab secara maya baharu dilaksanakan secara meluas setelah penutupan sekolah akibat penularan wabak COVID-19. Jika dilihat pada kajian-kajian lepas berkaitan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, kaedah pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian hanya digunakan sebagai bahan bantu mengajar. Antaranya penggunaan laman web yang menyediakan bahan pembelajaran yang mudah dicapai, tempat membuat rujukan serta penyalur maklumat pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab (Rahimi Md Saad, et al., 2005) dan kajian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Ashinida Aladdin et al., 2004).

Pengajaran dan pemudahcaraan secara maya atau dalam talian masih baru digunakan secara meluas setelah penutupan semua sekolah di seluruh negara setelah perintah kawalan pergerakan dilaksanakan akibat penularan wabak COVID-19 menyebabkan timbulnya pelbagai masalah dan cabaran yang bukan sahaja dihadapi oleh pelajar, tetapi turut dihadapi oleh guru termasuklah pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Arab yang mana jika perkara ini dibiarkan berterusan berlaku dan tidak diatasi, masalah tersebut boleh memberi kesan yang tidak baik kepada perkembangan pembelajaran murid. Antaranya adalah mereka akan menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran yang sepatutnya mereka kuasai yang mana perkara ini telah diakui dan disebut oleh Menteri Kanan Pendidikan (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Menurut Mahizer Hamzah, pelajar yang tidak dapat mengikuti pengajaran dan pemudahcaraan secara maya juga akan tercicir dan ketinggalan dengan pelajar yang lain (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Perkara ini diakui oleh Nik Salida Suhaila Nik Saleh bahawa perkara ini memberi kesan

terutamanya terhadap pelajar yang terdiri dari golongan B40 (Sinar Harian, 2020b). Selain itu, masalah yang dihadapi ekoran daripada pelaksanaan PdPC secara maya boleh memberi kesan kepada disiplin dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Hasil tinjauan yang dilakukan terhadap 3500 orang pelajar menunjukkan sebanyak 71 peratus pelajar menyatakan mereka sering berjuang dengan minat dan motivasi untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian (Hello Health Group, 2021). Disebabkan oleh pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian menyebabkan mereka menghadapi tekanan dan kemurungan sehingga ada pelajar yang perlu mendapatkan bantuan kaunseling untuk rawatan psikologi (Hariayati Ariffin, 2021).

Oleh itu, memandangkan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya atau dalam talian baru diaplikasikan secara meluas sejak perintah kawalan pergerakan dilaksanakan dan menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam melaksanakannya, pengkaji berpandangan perlunya satu kajian dilakukan untuk melihat penerimaan guru-guru bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya serta mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya supaya semua pihak yang terlibat dapat mengambil tanggungjawab dan melakukan penambahbaikan bagi menangani masalah-masalah dan kekangan yang dihadapi supaya proses pengajaran dan pemudahcaraan secara maya atau dalam talian dapat dilaksanakan dengan baik. Semua pihak juga lebih bersedia untuk melaksanakan PdPC secara maya pada bila-bila masa sahaja apabila keadaan memerlukan bertindak demikian serta dapat mencapai target Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang meletakkan pembelajaran dalam talian dalam sistem pendidikan negara setanding dengan negara maju (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap penerimaan guru bahasa Arab SMK di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.
2. Melihat perbezaan penerimaan guru bahasa Arab SMK di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya antara guru yang mengajar di bandar dengan luar bandar.
3. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah tahap penerimaan guru SMK di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya?
2. Apakah perbezaan penerimaan guru-guru bahasa Arab SMK di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya antara guru yang mengajar di bandar dengan luar bandar?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya?

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat hipotesis yang terbentuk untuk mendapatkan penjelasan terhadap persoalan kajian yang dikaji.

1.5.1 Penerimaan Guru yang Mengajar di Bandar dan juga Guru yang Mengajar di Luar Bandar

Hipotesis kajian ini adalah untuk melihat penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya secara keseluruhannya serta penerimaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi elemen penggunaan, kelebihan dan penglibatan pelajar. Pembelajaran secara maya merupakan pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian menggunakan alat peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar dan disokong oleh capaian internet. Alat peranti dan capaian internet merupakan keperluan asas dalam pelaksanaan kelas maya (My Tv Online, 2021). Capaian internet di kawasan bandar mungkin tidak mengalami sebarang masalah. Namun, bagi kawasan luar bandar, mereka menghadapi masalah dari segi capaian internet yang kurang baik (Mohd Iskandar Ibrahim, 2021 dan Nik Amirulmumin Nik Min, 2021). Namun begitu, pelbagai usaha dan tindakan telah diambil oleh pihak kerajaan dalam meluaskan capaian internet sehingga ke kawasan pedalaman (Syaherah Mustafa, 2021). Antaranya memuktamadkan proses pemberian tender bagi perkhidmatan capaian jalur lebar menerusi satelit di beberapa lokasi terpencil melibatkan penempatan orang Asli dan pedalaman Sabah dan Sarawak (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2021).

Jika dilihat pada beberapa kajian lepas berkaitan penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru bandar dan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Antaranya kajian oleh Muhammad Azrin Abu Bakar & Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021). Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Noor Desiro Saidin & Hazrati Husnin (2021) yang menunjukkan tahap kesediaan guru-guru

sekolah menengah di kawasan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya adalah tinggi dan hasil kajiannya menunjukkan tiada perbezaan dengan penerimaan guru di bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya sebagaimana kajian oleh Siti Nurfitri Moyang & Khadijah Abdul Razak (2022), Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop (2016) dan Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018). Oleh itu hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- H¹ : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.*
- H² : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi penggunaan.*
- H³ : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi kelebihan.*
- H⁴ : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi penglibatan pelajar.*

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan kepentingan kajian ini dijalankan. Pengkaji membahagikan kepentingan kajian kepada dua aspek iaitu aspek akademik dan aspek praktikal.

1.8.1 Aspek Akademik

Dari aspek akademik, kajian ini dapat menambah sumber rujukan ilmiah kepada pengkaji yang akan datang memandangkan kajian berkaitan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya mungkin akan dijalankan secara lebih meluas oleh pengkaji-pengkaji akan datang disebabkan oleh penggunaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya mula digunakan semakin meluas pada masa kini. Selain itu kajian ini juga dapat mengisi jurang ilmu dan penyelidikan yang ada seterusnya menambah koleksi ilmu yang berguna kepada dunia penyelidikan ilmiah dan juga bidang pendidikan.

1.8.2 Aspek Praktikal

Dari aspek praktikal pula kajian yang dijalankan ini penting untuk melihat sejauhmana tahap penerimaan guru terhadap pembelajaran bahasa Arab secara maya serta masalah-masalah yang timbul semasa mereka mengendalikan kelas tersebut supaya penyelesaian terhadap permasalahan itu serta faktor-faktor yang memastikan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya diambil tindakan oleh semua pihak yang terlibat. Ini bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya serta permasalahan yang dihadapi sekurangnya berada pada tahap yang minimum sahaja. Perkara ini penting supaya pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya bukan sahaja sekadar meneruskan proses pembelajaran disebabkan oleh penutupan sekolah-sekolah tanpa melihat kepada keberkesanan pelaksanaannya, tetapi PdPC secara maya yang dijalankan benar-benar dapat memastikan guru dan pelajar dapat mengikuti proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan dengan baik, suasana yang menyeronokkan, kesediaan pelajar untuk menyertai kelas maya sama sebagaimana keinginan mereka untuk hadir ke sekolah, mendapat penglibatan yang aktif antara guru dan pelajar dan

pelajar mendapat input yang sama dengan kelas bersemuka bahkan lebih lagi disebabkan oleh kelebihan alat peranti dan sokongan internet yang mereka gunakan pada masa tersebut membolehkan mereka mendapat pelbagai bahan dengan mudah sama ada bahan yang dikongsi oleh guru atau yang diakses sendiri oleh pelajar. Ini memandangkan keadaan dunia pada hari ini dalam suasana arus teknologi yang membangun yang mana berkemungkinan pembelajaran secara maya tidak hanya digunakan sewaktu kecemasan sahaja. Masyarakat akan lebih bersedia untuk menjalankan kelas secara maya sekiranya terdapat apa-apa kemungkinan yang menyebabkan pembelajaran dan pemudahcaraan perlu dijalankan secara maya. Di samping itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga boleh menghalusi setiap faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya bagi mencapai target Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

1.9 SKOP KAJIAN

Skop Kajian ini adalah untuk mengkaji perspektif guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penerimaan dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

1.10 BATASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan guru yang mengajar bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan di Kelantan, Malaysia merangkumi guru yang mengajar di sekolah di kawasan bandar dan juga luar bandar.

1.11 DEFINISI DAN ISTILAH

1.11.1 Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara dalam Talian

Pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian menggunakan telefon bimbit atau komputer riba dan disokong dengan capaian internet. Guru berkomunikasi dengan pelajar dalam menyampaikan pengajaran dan berkongsi bahan pengajaran kepada pelajar. Dalam masa yang sama pelajar mendapat maklumat daripada guru serta memberi tindak balas terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru.

1.11.2 Bahasa Arab

Bahasa Arab yang dimaksudkan di sini ialah sukatan kurikulum bahasa Arab KSSM yang diajar di sekolah menengah kebangsaan Agama dan juga sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan Kelas Aliran Agama (KAA).

1.12 RUMUSAN

Dapat disimpulkan, bab ini adalah pengenalan awal terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang telah lama diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia seawal tahun 1999 bermula dengan pengenalan kepada sekolah-sekolah Bestari. Walau bagaimanapun pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya khususnya mata pelajaran bahasa Arab menghadapi pelbagai cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pelbagai pihak apabila pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dilaksanakan secara meluas setelah pelaksanaan PKP akibat penularan wabak COVID-19.

Melihat kepada isu-isu berbangkit yang telah dikenalpasti sepanjang pelaksanaan PdPC secara maya dijalankan di dalam tempoh pelaksanaan PKP, beberapa persoalan-persoalan dan objektif-objektif kajian dikenalpasti dan diterokai dalam kajian

ini. Hal ini bagi memastikan PdPC secara maya dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan apabila keadaan memerlukan kepada pelaksanaan PdPC secara maya dijalankan serta dapat mencapai target Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang meletakkan pembelajaran dalam talian dalam system pendidikan negara setanding dengan negara maju.

Dalam kepentingan kajian pula dihuraikan keperluan kajian ini dijalankan untuk diambil tindakan dan jalan penyelesaian oleh pihak yang terlibat seperti warga pendidik, ibu bapa dan Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap permasalahan dan caaran yang diadapi semasa pelaksanaan PdPC secara maya bagi menghasilkan PdPC secara maya yang berkesan. Dalam bab ini juga dibincangkan definisi bagi setiap perkataan yang dipilih untuk membentuk tajuk kajian ini dan skop kajian ini dilaksanakan.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Pembelajaran dalam talian adalah pendidikan yang berlaku melalui Internet. Pembelajaran dalam talian juga disebut sebagai *E-Learning* atau E-Pembelajaran. Pembelajaran dalam talian atau secara maya merupakan salah satu daripada jenis pembelajaran jarak jauh dan bukan secara tradisional yang dijalankan dalam bilik darjah (Joshua Stern, t.t.)

Pembelajaran secara maya merupakan salah satu daripada pembelajaran yang menggunakan media elektronik yang terhubung dengan internet dan intranet. Pembelajaran secara maya diperkenalkan sebagai alternatif untuk disampaikan secara elektronik kepada pelajar. Murid boleh memperoleh maklumat dan belajar luar daripada kelas formal. Perkongsian maklumat berlaku dengan berkesan melalui teknologi dalam pendidikan. Pembelajaran secara maya juga dapat menyediakan bahan bantu belajar yang relevan dengan teknologi hari ini dan membantu guru mendapatkan bahan pengajaran dengan lebih mudah yang mana secara tak langsung dapat mengurangkan beban tugas guru (Muhammad Yusup, 2008).

Dalam definisi yang dinyatakan dalam buku DePAN (2010) didapati bahawa kebanyakan takrifan menjelaskan dua perkara pokok iaitu teknologi (penggunaan alatan teknologi) dan pedagogi (cara/teknik/proses pendidikan yang dilaksanakan). Hasil daripada takrifan ini, Jawatan Kuasa ECAP (mereka yang terlibat dalam perletakan DePAN) bersetuju dengan definisi e-pembelajaran adalah “penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudah cara proses pembelajaran dan pengajaran”. Definisi ini dilihat lengkap kerana merangkumi aktiviti e-pembelajaran dan juga penggunaan peralatan elektronik dalam aktiviti tersebut (Ahmad Zaki Amiruddin et al, 2015). Kesimpulannya fokus utama e-pembelajaran adalah untuk memaksimumkan

penggunaan peralatan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan kepelbagaian aktiviti berkaitan bagi meningkatkan kefahaman dan minat para pelajar “Gen-Y” yang tidak dapat lagi dipisahkan dengan teknologi, di samping kaedah e-pembelajaran ini membuka ruang pengajaran dan pembelajaran secara lebih luas dan tidak terikat di dalam kelas sahaja (Ahmad Zaki Amiruddin et al, 2015).

Menurut Chin Paul (2004), e-Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai penyampaian pengajaran yang disokong oleh teknologi dan pembelajaran berdasarkan amalan pengajaran pedagogi yang baik. E-Pembelajaran bukanlah medium yang pasif dalam menyampaikan kandungan, tetapi merupakan proses interaktif antara guru dan pelajar, dengan mendapat kemudahan dan faedah yang ditawarkan oleh teknologi. Sloman (2002) pula mendefinisikan e-Pembelajaran sebagai penyampaian pembelajaran atau latihan menggunakan pendekatan berasaskan elektronik, terutamanya melalui internet, intranet, extranet, atau Web (Sudendra R. Rao, 2011). Umumnya, e-pembelajaran bermaksud belajar dengan menggunakan teknologi iaitu satu kaedah pembelajaran baru yang mana maklumat seperti nota dan tugas yang diperlukan oleh pelajar akan dihantar oleh ahli akademik melalui mel elektronik (e-mel) dan *Compact Disc Read Only Memory* (CD ROM) (Rubiah Omar & Jamilah Hj. Ahmad, 2009).

2.2 BAHASA ARAB SEBAGAI KURIKULUM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

Bahasa Arab mula dipelajari di Tanah Melayu pada zaman dahulu melalui pembelajaran secara tidak formal yang mana bahasa Arab diajar di pondok, surau atau masjid bermula dengan pengenalan huruf abjad arab, menghafal huruf-huruf abjad Arab diikuti dengan perkataan-perkataan Arab. Menurut Mok Soon Sang (2000), matlamat pembelajaran mereka pada masa itu hanyalah sebagai panduan untuk membaca doa dan juga teks-teks arab.

Kurikulum Bahasa Arab mula digubal secara rasmi pada tahun 1977 ekoran dari penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Pada peringkat awal empat tahun pertama penubuhan SMKA, kurikulum bahasa Arab adalah berdasarkan kepada prosedur peperiksaan mata pelajaran bahasa Arab yang telah sedia di Lembaga Peperiksaan Malaysia. Namun pada tahun 1981, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan dua sukatan pelajaran yang berasingan yang mana satu sukatan pelajaran bahasa Arab untuk kegunaan di seluruh SMKA dan satu lagi sukatan pelajaran bahasa Arab untuk kegunaan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) untuk tujuan pengajaran bahasa asing. Bagaimanapun kurikulum bahasa Arab telah digubal semula apabila Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pada tahun 1991, sukatan pelajaran yang baru telah dilaksanakan di semua SMKA, SBP dan kelas aliran agama (KAA). Nama bagi mata pelajaran bahasa Arab juga telah diubah kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK) (Hassan Basri Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Zailani, 2004).

Pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan dan memperkenalkan mata pelajaran baru yang dikenali sebagai Bahasa Arab Tinggi. Buku teks, sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran dan format peperiksaan antara mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi adalah berbeza. Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan kepada murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5 yang berminat dan Bahasa Arab Tinggi ditawarkan kepada murid tingkatan 4 hingga tingkatan 5 bagi murid yang berminat untuk mempelajari mata pelajaran tersebut. Namun, Bahasa Arab Komunikasi menjadi mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid tingkatan 1 hingga tingkatan 3 di SMKA dan juga KAA dan Bahasa Arab Tinggi pula wajib dipelajari oleh semua murid tingkatan 4 hingga tingkatan 5 di SMKA dan KAA (Hassan Basri Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Zailani, 2004).

Bermula tahun 2017, sukatan kurikulum KSSM mula diperkenalkan di sekolah menengah bermula dengan tingkatan satu dan pada tahun berikutnya diperkenalkan pada tingkatan-tingkatan yang berikutnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) dan mata pelajaran tersebut disebut sebagai Bahasa Arab dan tidak lagi menggunakan istilah Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi.

2.3 KAJIAN BERKAITAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap bahasa Arab, persepsi murid terhadap bahasa Arab, faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid terhadap bahasa Arab dan juga pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh guru-guru ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang bertujuan untuk memastikan murid dapat memahami, menguasai dan minat untuk belajar bahasa Arab. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Abdul Razif Zaini et al. (2019) yang bertujuan membincangkan secara terperinci tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan mengumpul dan membuat penelitian terhadap maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pendidikan bahasa Arab serta kajian-kajian lampau seperti artikel, jurnal dan juga buku mendapati faktor guru, bahan bantu mengajar dan juga faktor persekitaran merupakan permasalahan utama yang dihadapi oleh guru bahasa Arab manakala cabaran dalam pendidikan bahasa Arab di Malaysia berkait rapat dengan isu dasar, polisi, status dan kedudukannya dalam Akta Pendidikan 1996 dan ianya perlu ditangani dengan baik.

Berdasarkan kajian tinjauan literatur di Negeri Sembilan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab oleh Al-Muslim Mustapa dan Zamri Arifin (2012) menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Negeri Sembilan berada di tahap sederhana dan selari dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Kajian yang dijalankan oleh Mohammad Haafiz Ahmid et al. (2018) yang menjelaskan tentang kemungkinan aspek pengajaran guru memberi kesan kepada motivasi pelajar terhadap bahasa Arab menggunakan reka bentuk kuantitatif secara tinjauan menggunakan soal selidik *Students' Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale* (SETERS) dan *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) sebagai instrumen, kajian ini mendapat respon dari 542 pelajar tingkatan 4 aliran agama dan data yang dikumpul diproses menerusi analisis korelasi Pearson mendapati wujudnya hubungan yang sederhana namun signifikan dan positif antara cara pengajaran guru dan perubahan motivasi pelajar aliran agama terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Sehubungan itu, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mereka dari segi penyampaian bahan pembelajaran, interaksi dan aspek penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Usaha ini akan dapat meningkatkan kepercayaan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab sekaligus mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih berkesan dan komprehensif.

Menurut Azlin Ariffin @ Riffin dan Muhamad Suhaimi Taat (2020) dalam kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap murid dan pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid, bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dijalankan terhadap 200 orang pelajar di sekolah rendah di Sabah. Instrumen yang dijalankan adalah menggunakan borang soal selidik dan set ujian bertulis. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati

bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar ($r=0.210$, $p<0.05$) dan pengajaran guru ($r=0.229$, $p<0.05$) dengan penguasaan bahasa Arab. Selain itu, analisis deskriptif menunjukkan bahawa skor min bagi variabel sikap pelajar adalah pada tahap sederhana (3.37) dan begitu juga persepsi pelajar bagi pengajaran guru (3.56).

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Hakim Abdullah et al. (2015) yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan, kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 93 orang pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel yang merupakan 40% daripada jumlah populasi kajian. Hasil kajian ini mendapati terdapat lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan menurun iaitu sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, persekitaran bahasa Arab, sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Ujian korelasi Pearson memperlihatkan wujud hubungan positif yang signifikan pada kadar sederhana antara tahap motivasi dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat.

Kajian tinjauan terhadap faktor terpilih iaitu guru, pelajar dan buku teks ke atas pencapaian peperiksaan akhir tahun 2009 pelajar dalam bahasa Arab di SMKA persekutuan, kajian oleh Mohd Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012) menggunakan analisis soal selidik mendapati tidak terdapat sumbangan faktor guru, pelajar dan buku teks yang signifikan terhadap pencapaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tingkatan 2, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor guru dan

faktor pelajar yang berlainan pencapaian serta faktor buku teks tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan.

Kajian yang dilakukan oleh Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub (2010) yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan pengajar bahasa Arab terhadap kaedah transliterasi dan sejauh mana penggunaannya oleh pelajar-pelajar bahasa Arab sebagai salah satu strategi pembelajaran yang mana kajian ini menggunakan data-data yang dikutip menerusi dua instrumen iaitu soal selidik dan temu bual, subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah 334 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk mengisi soal selidik sementara 10 orang pensyarah bahasa Arab dari beberapa institusi pengajian tinggi di Terengganu dan Kelantan serta 10 orang lagi pelajar UiTM dipilih untuk ditemu bual, dapatan kajian dianalisis menggunakan dua pendekatan iaitu kualitatif dan kuantitatif dan hasil kajian mendapati terdapat pensyarah yang menyokong penggunaan kaedah transliterasi dan ada yang menolaknya dengan hujah masing-masing. Bagaimanapun, kebanyakan pelajar yang terlibat dengan kajian menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan kaedah ini.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Azani Ismail @ Yaakub et al. (2012) untuk melihat permasalahan bahasa dan sikap pelajar bahasa Arab menerusi aktiviti lakonan yang mana dapatan kajian didapati dengan menggunakan teknik rakaman dan soal selidik yang melibatkan 30 pelajar sekolah menengah tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur, dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar bersikap positif terhadap aktiviti lakonan yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kajian yang dilakukan oleh Zamri Ahmad dan Ibtisam Abdullah (2014) bertujuan untuk mengkaji metode dan pendekatan yang telah diaplikasikan oleh para pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan empat kemahiran iaitu kemahiran membaca, bertutur, menulis dan mendengar serta melihat

bagaimana metode dan pendekatan yang telah diaplikasikan oleh para pendidik bagi mengatasi masalah kelemahan para pelajar dalam memahami dan menguasai bahasa Arab ini. Hasil kajian mendapati bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, pelbagai pendekatan dan metode yang bersesuaian dalam menyampaikan pengajaran telah diaplikasi oleh para pendidik. Dengan adanya pelbagai jenis pendekatan dan metode ini boleh membantu para pelajar menguasai bahasa. Oleh itu, pendekatan komunikatif telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berasaskan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Empat kemahiran ini membantu pelajar untuk menguasai bahasa secara berperingkat-peringkat. Setiap kemahiran ini membimbing para pelajar untuk memahami dan menguasai bahasa sebaik mungkin. Oleh yang demikian, pendekatan komunikatif telah memberikan cara yang sistematik bagi menguasai pembelajaran bahasa Arab.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Nazilah Mohamad et al. (2017) yang bertujuan untuk meneliti strategi pembelajaran bahasa Arab untuk peringkat sekolah rendah dan cabaran dalam pengajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah serta meneliti bahan buku teks tahap satu [1] sekolah rendah, bahan bantu mengajar dalam talian dan temu bual yang dilakukan dengan dua orang informan yang terdiri daripada guru Bahasa Arab sekolah rendah di sekitar Terengganu merumuskan bahawa pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah adalah bergantung kepada teknik dan daya kreativiti guru berkenaan tanpa ada satu teknik inovasi khusus bagi membantu mereka dalam aktiviti pengajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti murid menguasai sebutan dan kosa kata dengan cara menghafal. Antara cabaran yang dihadapi dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah adalah untuk mengasah minat pelajar, kurang penggunaan teknologi, kurang mempraktikkan permainan bahasa, dan hala tuju pembelajaran bahasa Arab.

Kajian yang dilakukan oleh Rosni Samah (2010) yang bertujuan untuk mengkaji apakah pendekatan pengajaran kosa kata yang diaplikasikan oleh guru-guru bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka yang mana data kajian didapati melalui borang soal selidik yang dibina dengan mengambil kira pandangan sarjana pendidikan bahasa Arab melalui sorotan kajian dan ditadbir kepada guru-guru bahasa Arab di SMKAKL mendapati majoriti guru-guru tersebut mengaplikasikan pendekatan pengajaran kosa kata yang diutarakan oleh sarjana pendidikan bahasa Arab.

Kajian yang dilakukan oleh Ku Fatahiyah Ku Azizan et al. (2019) yang bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar tahfiz wa al-qiraat terhadap pembelajaran bahasa Arab serta tahap proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab, kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik pelajar. Teknik persampelan rawak digunakan dengan melibatkan seramai 279 orang responden pelajar tahfiz wa al-qiraat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Darul Quran (DQ), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar tahfiz terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah sederhana dengan nilai min keseluruhan = 2.56 dengan sisihan piawai = 0.335. Sementara tahap proses pembelajaran dan pengajaran pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.05 dengan sisihan piawai = 0.418. Justeru dapatan kajian ini mencadangkan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz perlu diperhalusi. Teknik penggabung jalinan dalam pengajaran dengan mengaitkan ayat-ayat al-Quran dalam pengajaran bahasa Arab perlu dititikberatkan oleh guru bahasa Arab yang mengajar pelajar tahfiz wa al-qiraat.

Dalam pembentangan kertas kerja oleh Rahimi Md Saad et al. (2005), cuba mengutarakan satu alternatif yang relevan dengan perkembangan teknologi terkini untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu menerusi penggunaan laman web yang akan meninjau pandangan dan kajian yang berkaitan di

samping mengemukakan saranan-saranan yang boleh membantu guru-guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa tersebut mendapat idea untuk mewujudkan inovasi baru dalam amalan pengajaran mereka di dalam atau di luar bilik darjah. Antara saranan yang diberikan ialah semua pihak perlu bekerjasama untuk membina sistem e-Pembelajaran yang menyeluruh, meningkatkan kemudahan capaian bahan pembelajaran dan meningkatkan kemudahan peralatan multimedia serta memastikan kesemua kursus bahasa Arab yang ditawarkan boleh diakses secara *online* bagi memudahkan pembelajaran bahasa ini sama ada di kalangan pelajar atau orang awam.

Perlaksanaan program tersebut diharapkan dapat meningkatkan proses pembelajaran bahasa Arab serta menjadikan laman web sebagai tempat membuat rujukan serta penyalur maklumat pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab yang boleh dikongsi bersama. Usaha sama yang dibuat dalam mendapatkan sumbangan bahan-bahan dari sarjana serta pihak yang bertauliah akan mewujudkan suasana kerjasama yang lebih bermakna dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di negara ini khususnya. Laman web tersebut juga mempunyai masa depan yang cerah di mana kandungannya dapat digunakan untuk meningkatkan komunikasi antara guru, ibu bapa dan pelajar-pelajar.

Kompetensi penggunaan e-Pembelajaran di kalangan tenaga pengajar bahasa Arab di Malaysia perlu ditingkatkan. Ia boleh dilakukan dengan mengintegrasikan program pembudayaan dan latihan berkaitan teknologi (*ICT*) kepada pegawai akademik, memberi pengiktirafan kepada mereka yang menghasilkan inovasi *ICT* dalam e-Pembelajaran dan memperluas aktiviti Pusat Rekabentuk Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Para sarjana dalam bahasa Arab tidak sewajarnya hanya menjadi pengguna tetapi juga seharusnya meneroka dan menjana teknologi tersebut dengan memperkukuh kerjasama penyelidikan *ICT* dengan agensi di dalam dan di luar negara bagi memantapkan kualiti pengajaran dan

pembelajaran dari segi sumber rujukan serta komunikasi dan sokongan. Pelaksanaannya memerlukan inisiatif dan perkongsian pintar daripada semua pihak. Usaha *MIMOS* (*Multiple Input, Multiple Output*) mengendalikan satu model perkongsian di antara para pembekal maklumat pendidikan wajar dikembangkan. *MIMOS* boleh membantu melalui penyediaan teknologinya seperti kemudahan e-mel, ruang web, perbincangan, enjin carian, ruang sembang (*chat*), ruang penyediaan rancangan pembelajaran dan editor pembinaan laman. Para rakan kongsi *MIMOS* pula akan mengisi landasan portal ini dengan bahan-bahan pendidikan untuk dikongsi dan dimanfaatkan oleh para pendidik dan juga para pelajar. Usaha ini boleh menjadi model serta standard bagi para pendidik dalam penyediaan dan perkongsian bahan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dilihat melalui *cikgu.net*.

Para pencinta bahasa Arab boleh menggunakan kemudahan ini untuk menyemarakkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini di Malaysia. Semua pihak mestilah memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tekun untuk merealisasikan matlamat-matlamat yang telah diputuskan serta tidak seharusnya gentar untuk meletakkan impian yang besar kerana ia akan menjadi pemangkin untuk berusaha mencapai kejayaan yang lebih gemilang. Semua pihak perlulah bersama-sama menggembelingkan seluruh daya usaha dan tenaga untuk menjadikan matlamat memartabatkan bahasa al-Quran ini sebagai satu kenyataan dan tidak gentar kepada kegagalan. Semua pihak tidak seharusnya berpuas hati dengan apa yang dicapai selama ini bahkan mesti berusaha mencapai yang terbaik. Adalah lebih baik gagal dalam usaha meneroka sesuatu yang lebih baik dan bermanfaat daripada berdiam diri sahaja kerana kluatir menemui kegagalan.

Menurut Zamri Rajab et al. (2015) dalam kajian mereka yang menyingkap aplikasi Gaya Shahid Al-Quran (GSQ) sebagai bahan sokongan kepada bahan sedia ada dalam amalan pengajaran dan pembelajaran subjek bahasa Arab untuk melihat tahap

kepuasan guru menggunakan bahan berbentuk shahid al-Quran yang mengandungi perkataan-perkataan yang disukatankan kepada pelajar mengikut tahun dan kajian kepuasan murid terhadap GSQ dengan melaksanakan model pengajaran menggunakan GSQ di tiga buah Sekolah di Daerah Besut iaitu, Sekolah Kebangsaan Pusat Jerteh, Sekolah Kebangsaan Pasir Akar, Jerteh dan Sekolah Kebangsaan Sri Payung, Besut Terengganu mendapati, guru-guru yang terlibat lebih mudah dan bersemangat mengajar bahasa Arab kerana shahid al-Quran telah memotivasikan mereka. Kajian terhadap murid pula mendapati mereka suka kepada inovasi bahan yang digunakan dan pelajaran bahasa Arab GSQ menjadikan motivasi mereka membaca al-Quran turut meningkat.

Kajian yang dilakukan oleh Mohammad Rusdi Ab Majid (2017), yang bertujuan mengkaji Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) dan hubungannya dengan kreativiti pengajaran guru dengan menjadikan *Model Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) atau Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) sebagai landasan utama untuk penyelidikan tersebut yang mana PTPK terbahagi kepada tujuh komponen utama iaitu Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Pedagogi (PP), Pengetahuan Kandungan (PK), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK), Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK), kajian berbentuk tinjauan melibatkan seluruh semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dengan jumlah responden kajian terdiri daripada 530 orang guru bahasa Arab daripada populasi berjumlah 7,309 yang telah dilantik dan sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah yang terpilih menggunakan instrument soal selidik Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK), data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20 menunjukkan hanya Pengetahuan Pedagogi (PP) berada pada tahap tinggi. Manakala selebihnya iaitu Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Kandungan (PK), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK), Pengetahuan

Teknologi Pedagogi (PTP), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) berada pada tahap sederhana tinggi.

Dapatan kajian bagi kreativiti pengajaran pula menunjukkan elemen motivasi dan persekitaran berada pada tahap tinggi dan elemen gaya pemikiran berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhan kreativiti pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara semua komponen yang terdapat dalam Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK). Dapatan juga menjelaskan wujud hubungan yang positif dan signifikan antara komponen Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) dengan kreativiti pengajaran guru bahasa Arab di Malaysia. Dapatan kajian menjelaskan Pengetahuan Pedagogi (PP) merupakan penyumbang utama kepada kreativiti pengajaran guru disamping Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP) sebagai faktor penyumbang seterusnya. Sementara itu kajian juga menunjukkan Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK) dan Pengetahuan Kandungan (PK) bukanlah penyumbang kepada kreativiti pengajaran bahasa Arab.

Kajian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dijalankan oleh Ashinida Aladdin et al. (2004) adalah satu kajian awal yang respondennya terdiri daripada 40 orang guru bahasa Arab dari sekolah agama berasrama penuh di Malaysia iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah, Kelang, Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Kajang dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Labu dikendalikan menggunakan tinjauan. Data dikumpul melalui borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada subjek kajian yang dipilih dan seterusnya dianalisis secara deskriptif. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui skop penggunaan komputer di kalangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah yang dipilih.

Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru-guru yang mengajar bahasa Arab tentang persepsi, tahap kesediaan dan peranan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa guru mempunyai persepsi yang sangat baik terhadap PBBK. Para guru juga telah menunjukkan kesediaan yang tinggi untuk menghadiri apa jua bentuk latihan yang berkaitan dengan PBBK bagi memastikan agar ianya dapat berjalan dengan lancar dan jayanya.

Awatif Abdul Rahman et al. (2016) menjalankan kajian yang bertujuan untuk memberi panduan pengajaran bahasa Arab kepada pensyarah bagi membantu pelajar menguasai kemahiran membaca yang mana kajian ini adalah berbentuk satu kajian tindakan yang melibatkan 90 orang pelajar tahun satu, hasil kajian yang didapati melalui instrumen-instrumen yang digunakan sebagai alat pengumpulan data iaitu senarai semak, pemerhatian dan soal selidik menunjukkan bahawa tahap kemahiran membaca pelajar berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, strategi dan teknik yang diaplikasi ini dapat membantu pelajar meningkatkan minat pelajar dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab. Skor min domain kajian berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Skor keseluruhan bagi domain kemahiran membaca (min = 3.74, sp = 0.34), penguasaan bahan bacaan (min = 3.49, sp = 0.51). Justeru, dapatan kajian ini telah mencadangkan modul P&P kemahiran bahasa Arab antaranya kemahiran membaca sebagai garis panduan kepada tenaga pengajar bahasa Arab yang mengajar kemahiran asas bahasa Arab untuk diaplikasi.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Norhayati Che Hat et al. (2013) tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pembelajaran bahasa Arab melalui set soal selidik kuantitatif yang dibentuk bagi mendapatkan data yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi mencari taburan kekerapan, peratusan dan min, mendapati bahawa pelajar mempunyai persepsi yang

tinggi dan memberi respon positif terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab dengan nilai purata 4.34. Kesimpulannya, animasi sesuai dipraktikkan sebagai bahan bantu mengajar bahasa Arab dan mampu menarik minat pelajar untuk menguasainya.

Kajian eksplorasi yang dijalankan oleh Zawawi Ismail et al. (2011) bertujuan untuk mengenal pasti teknik yang kerap dilakukan oleh guru dan memastikan adakah teknik yang menjadi amalan guru menyokong pendekatan komunikatif yang menjadi asas pembinaan kurikulum bahasa Arab (KBA) menggunakan dua set soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan 73 orang guru SMKA yang melaksanakan kurikulum bahasa Arab dan 1371 orang pelajar dari 16 buah SMKA yang dibahagikan mengikut empat zon menunjukkan guru lebih banyak menggunakan teknik pengajaran yang memerlukan respon terus dan ringkas seperti penggunaan teknik soal jawab dan teknik dengar tutur. Manakala teknik-teknik lain kurang dilakukan oleh guru seperti teknik gantian, penukaran, berteriak, latihan pengembangan, latihan betul salah, latihan lanjutan, lakonan dan karangan berangkap. Penggunaan teknik yang memerlukan respon ringkas dan terus menghadkan peluang pelajar berkomunikasi dan secara tidak langsung berperanan sebagai penghalang proses mengfungsikan bahasa untuk komunikasi sedangkan aspek dorongan dan peluang berkomunikasi menggunakan bahasa yang dipelajari adalah prinsip utama pengajaran kemahiran bertutur berasaskan kepada pendekatan komunikatif. Keadaan ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak menepati ciri pengajaran komunikatif seperti yang dimuatkan dalam KBA.

Pembentangan kertas kerja oleh Mohd Ismail Mustari et al. (2012) yang membincangkan model pengajaran bahasa Arab yang menyentuh berkaitan dengan model pengajaran dan pembelajaran, konsep teori dalam pengajaran dan pembelajaran, konsep pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran

bahasa Arab serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang mana setiap tajuk membincangkan secara terperinci untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan model pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menyimpulkan bahawa penggunaan model pengajaran dan pembelajaran terutama dalam pelajaran bahasa Arab amat penting bagi memastikan pembelajaran tersebut dapat dikuasai dengan baik dan mudah difahami. Terdapat pelbagai bentuk model yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Begitu juga penggunaan kaedah dan teknik yang pelbagai akan menjadikan sesuatu pengajaran itu menarik dan pelajar tidak mudah merasa bosan. Di antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan oleh guru seperti kaedah sumbang saran, tunjuk cara, simulasi atau kaedah pengajaran berkumpulan, perbincangan atau kaedah penyelesaian masalah, kaedah projek dan sebagainya. Penggunaan model, teknik dan kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting sekali agar sesuatu kemahiran itu dapat dicapai dan digarap dengan baik dan sistematik terutama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Berdasarkan dapatan kajian berbentuk tinjauan deskriptif yang dijalankan oleh Nadhilah Abdul Pital dan Kamarul Shukri Mat Teh (2019) untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar menunjukkan tahap penggunaan strategi secara keseluruhan dan berdasarkan kategori dalam kalangan pelajar adalah rendah. Justeru, pelajar diharapkan dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran bahasa Arab di dalam dan di luar kelas supaya mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk menggunakan strategi dengan lebih bijak.

Kupasan kertas kerja oleh Hazrul Affendi Mohamad Razali (2020) berkenaan konsep pengajaran berkesan dan mengenal pasti elemen utama pengajaran berkesan bahasa Arab berbentuk kualitatif menggunakan instrumen analisis dokumen menunjukkan bahawa pengajaran berkesan adalah proses pengajaran yang dikendalikan

oleh tenaga pengajar yang menguasai ilmu yang diajar bertujuan mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan melalui modul, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang tepat. Manakala elemen utama pengajaran berkesan bahasa Arab adalah melibatkan latar belakang dan pengetahuan tenaga pengajar, objektif pembelajaran, modul, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran.

Kajian literatur melalui analisis kandungan dan dihuraikan secara deskriptif oleh Siti Rohani Jasni et al. (2020) yang bertujuan membincangkan pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab menunjukkan bahawa kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Pelajar juga akan lebih berautonomi melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan menggalakkan mereka mempraktikkannya dalam konteks kehidupan yang sebenar. Implikasi kajian ini dapat menjadi nilai tambah kepada tenaga pengajar bahasa Arab dalam memperbanyakkan aktiviti dan latihan yang dapat mengayak penguasaan kosa kata Arab dengan lebih efektif.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Aisyah Sjahrony et al. (2017) mengenai kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi dari perspektif sorotan kajian menunjukkan motivasi dalam bidang pendidikan secara konsisten menunjukkan hubungan yang positif antara motivasi dengan pencapaian akademik para pelajar. Bagaimanapun kekuatan hubungan antara keduanya agak lemah menunjukkan kemungkinan motivasi tidak berkait secara langsung dengan prestasi akademik, tetapi berinteraksi dengan pemboleh ubah lain dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Tanpa motivasi yang tinggi, proses pembelajaran para pelajar IPTA berhadapan dengan pelbagai masalah pembelajaran seperti tiada semangat yang tinggi untuk berjaya dimasa akan datang, mudah putus asa dengan cabaran pembelajaran serta belajar hanya sekadar untuk meraih segulung ijazah

tanpa memikirkan kecemerlangan pada masa hadapan. Motivasi dalam proses PdP amat penting untuk mengekalkan prestasi pencapaian akademik pelajar bagi merealisasikan kejayaan. Hal ini kerana motivasi dilihat sebagai salah satu faktor utama yang memainkan peranan dalam menentukan pencapaian pelajar didalam kelas. Motivasi juga merupakan kayu ukur yang utama untuk mempengaruhi proses pembelajaran dan menjadi pendorong jiwa serta hasrat untuk melakukan kegiatan dengan baik dan lancar. Para pelajar yang kurang menguasai kemahiran asas dalam bahasa yang mereka pelajari didapati mempunyai masalah dari segi sikap, kesediaan dan motivasi untuk belajar bahasa Arab.

Kajian yang dilakukan oleh Mushir Ahmad dan Muhammad Azhar Zailani (2019) bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran berkesan guru bahasa Arab di Pahang, mengenal pasti perbezaan yang signifikan terhadap amalan pengajaran berkesan dari aspek jantina dan lokasi sekolah serta mengetahui wujud perkaitan antara amalan pengajaran pengajaran berkesan guru dengan pencapaian pelajar menggunakan sampel yang dipilih terdiri daripada 300 orang pelajar tahun 6 sekolah kebangsaan (SK) di Pahang dan soal selidik yang telah diubahsuai dan direvisi daripada kajian penyelidikan dahulu tentang amalan pengajaran berkesan oleh Shahril @ Charil Marzuki (2004) berdasarkan model Slavin (1987), menunjukkan bahawa menurut pandangan pelajar, amalan pengajaran berkesan guru Bahasa Arab di Pahang adalah sederhana dengan domain tertinggi adalah insentif diikuti oleh masa, kesesuaian aras pengajaran dan domain terendah adalah kualiti pengajaran. Dapatan kajian turut memaparkan terdapat perkaitan yang positif antara kualiti pengajaran, insentif dan masa dengan pencapaian pelajar.

Dapatan kajian yang dijalankan Noorafini Kassim et al. (2017) bertujuan untuk melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan melakukan kajian lapangan terhadap 200 orang pelajar

yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah menggunakan instrumen set ujian dan set soal selidik dan data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan melibatkan ujian T tidak bersandar, korelasi Pearson dan regresi berganda secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga mendapati bahawa sikap pelajar dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi iaitu mencatatkan nilai skor min 3.66 dan 4.09. Selain itu, dapatan menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan bagi kedua-dua variabel sikap pelajar dan pengajaran guru. Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab, begitu juga dengan pengajaran guru dengan penguasaan bahasa Arab. Selain itu, analisis regresi mendapati bahawa pengajaran guru memberikan pengaruh yang besar iaitu sebanyak 48.1%, berbanding sikap pelajar iaitu 8.1% terhadap penguasaan bahasa Arab. Dapatan ini memberikan implikasi kepada pemantapan amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif untuk menguasai bahasa Arab sekali gus memperkasakan pencapaian dalam kalangan pelajar.

Kajian oleh Haruna Umar Farouq (2017) untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelajar Nigeria dalam mempelajari bahasa Arab yang dijalankan di sekolah-sekolah di Nigeria menunjukkan terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab iaitu pengaruh daripada ibu bapa atau penjaga, pengaruh daripada persekitaran, pengaruh sikap guru dan sokongan daripada kerajaan.

Hasil dapatan kajian yang diketengahkan oleh Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2021) bertujuan mencadangkan satu model untuk proses reka bentuk dan pembangunan khusus untuk pembelajaran bahasa Arab dalam talian berdasarkan kajian-kajian

terdahulu yang terkini dari tahun 2016 sehingga 2020 menggunakan proses menganalisis sorotan literatur secara kajian perpustakaan membentangkan satu kerangka kajian cadangan yang terdiri daripada beberapa teori pembelajaran, model-model reka bentuk berserta prosedur-prosedur sistematik untuk reka bentuk dan pembangunan pembelajaran bahasa Arab dalam talian yang diharapkan dapat menjadi salah satu rujukan kepada para penyelidik khusus bagi pembelajaran bahasa Arab dalam talian, dan juga untuk bahasa-bahasa asing/ketiga lain.

Artikel oleh Mohd Firdaus Yahaya et al. (2013) membincangkan potensi yang ada dalam platform pembelajaran secara maya dalam pembelajaran bahasa Arab dan mengaplikasikannya melalui pembangunan laman *EZ-Arabic* yang dibangunkan sebagai alternatif menarik dan interaktif bagi para pelajar dalam usaha mempelajari bahasa Arab secara maya khususnya bagi peringkat sekolah rendah yang mana proses pembinaan laman *EZ-Arabic* ini adalah berpandukan model reka bentuk pengajaran (*instructional design-ID*) “*rapid prototyping*” yang dicadangkan oleh Tripp dan Bichelmeyer (1990) setelah menjalankan analisis keperluan isi kandungan dan penetapan objektif dan proses pembangunan prototaip selesai, satu sesi penggunaan berskala kecil telah dijalankan selama 2 minggu bermula 15 Februari hingga 1 Mac 2012 menggunakan laman sosial *Facebook* bagi mengumpulkan maklum balas dan cadangan pengguna untuk digunakan dalam fasa berikutnya iaitu pemasangan dan penyelenggaraan prototaip ini, dapatan kualitatif yang dikumpulkan ini telah mengumpulkan 55 komen dan cadangan berkaitan daripada pengguna dan 48 orang telah menekan butang “*Like*”. Dapatan kualitatif berkaitan dengan cadangan penambahbaikan dan penaiktarafan ini telah dianalisis kepada tujuh [7] tema utama iaitu paparan antara muka, aplikasi sokongan, cabaran dan gangguan, kesesuaian bahan, kebolehgunaan, kepelbagaian nilai tambah dan kandungan sukatan pelajaran.

Mohd Shahrizal Nasir et al. (2016) telah memperkenalkan satu medium alternatif bagi pembelajaran bahasa Arab yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar di peringkat sekolah rendah. Laman e-pembelajaran yang dikenali sebagai *EZ-Arabic.net* dibina bagi membantu para pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan pemanfaatan teknologi. Proses pembinaan laman *EZ-Arabic.net* ini dilaksanakan berdasarkan cadangan dan komentar yang diberikan oleh para pengguna laman di peringkat prototaip awalnya. Hal ini bagi memastikan *EZ-Arabic.net* dapat berfungsi dengan baik, bukan sahaja mengandungi bahan yang sesuai dengan tahap pembelajaran bahasa Arab di sekolah rendah, malah ia turut memenuhi keperluan semasa para penggunanya. *EZ-Arabic.net* juga dilihat mampu untuk menjadi satu medium pembelajaran bahasa Arab secara sendiri kerana ia boleh diakses melalui internet di luar ruang kelas. Kajian dijalankan oleh Mohd Shahrizal Nasir et al. (2016) untuk membincangkan respons pelajar yang telah menggunakan laman pembelajaran ini. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan teknik temu bual sebagai instrumen pengumpulan data. Teknik temu bual ini melibatkan beberapa orang individu pelajar. Ia menggunakan satu set soalan berbentuk separa tertutup (*open-ended question*). Responden temu bual dipilih berdasarkan kaedah persampelan kualitatif iaitu secara purposif. Seramai tujuh orang pelajar terlibat dalam temu bual ini. Responden yang terlibat merupakan para pelajar darjah lima di Sekolah Kebangsaan Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Sebelum sesi temu bual dijalankan, sekumpulan pelajar telah mengikuti satu program melibatkan penggunaan laman *EZ-Arabic.net* bagi pembelajaran bahasa Arab di makmal sekolah. Kumpulan pelajar yang terlibat diberi penerangan tentang latar belakang laman *EZ-Arabic.net*, kandungan laman, tatacara penggunaan laman serta menjawab soalan-soalan kuiz dan aktiviti lain yang disediakan dalam laman *EZ-Arabic.net*. Kumpulan pelajar ini diberikan peluang yang luas untuk menggunakan laman *EZ-Arabic.net* dengan bantuan daripada para penyelidik laman ini. Setelah semua

pelajar terlibat selesai menggunakan laman *EZArabic.net*, seramai tujuh orang responden dipilih bagi menjalani sesi temu bual berkenaan laman e-pembelajaran ini. Respons diperolehi dan dianalisis bagi melihat tahap penerimaan pengguna laman *EZ-Arab.net* sebagai medium alternatif untuk mempelajari dan memahami bahasa Arab. Berdasarkan analisis yang dibuat. Respons pelajar amat positif khususnya melibatkan kandungan laman *EZ-Arab.net*, persembahan dan minat mereka untuk menggunakan laman e-pembelajaran ini dalam mempelajari bahasa Arab.

Kajian Nik Radhiah Nik Ali (2020) mengupas kaedah permainan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan menyentuh perbincangan mengenai maksud permainan bahasa, kelebihan dan contoh permainan bahasa menjelaskan permainan bahasa ialah aktiviti yang melibatkan pergerakan secara santai berjaya menarik merangsang motivasi murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Ini sekali gus mewujudkan persepsi positif bahawa kaedah permainan bahasa amat menarik dan menyeronokkan. Kaedah permainan bahasa juga menyediakan aktiviti permainan berbentuk individu dan kumpulan serta berbentuk pertandingan. Aktiviti berkumpulan serta berbentuk pertandingan ini memerlukan sikap kerjasama dan bersaing sesama mereka. Pendedahan kepada sikap bekerjasama dan bersaing secara sihat ini mendorong mereka melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Permainan bahasa merupakan satu kaedah yang tepat untuk mengatasi kelesuan murid dalam mempelajari bahasa Arab. Permainan bahasa nyata mampu merangsang elemen-elemen positif dalam pembelajaran seperti minat, motivasi, sikap positif dan kerjasama, dan persaingan sihat dalam kalangan murid sekolah rendah. Menurutnya lagi permainan bahasa juga dapat mengurangi kebosanan murid dalam proses pembelajaran kelas, mewujudkan persaingan yang sihat antara murid untuk lebih maju, membina hubungan kelompok dan mengembangkan kompetensi sosial murid, memberi kepuasan dalam diri

murid serta melahirkan murid yang aktif dan kreatif. Antara contoh permainan bahasa yang diutarakan oleh Nik Radhiah Nik Ali (2020) adalah:

1. Kotak Barang

Guru memasukkan pelbagai benda ke dalam sebuah kotak dan kemudian menunjukkan benda tersebut kepada murid. Guru akan mengeluarkan barang-barang tersebut satu persatu dan bertanya kepada murid nama benda yang dipegangnya. Permainan ini dapat melatih ingatan murid dan mereka dapat menyampaikan apa yang dilihat secara lisan.

2. Mendeskripsikan Gambar

Guru menunjukkan beberapa keeping gambar kepada murid. Contohnya gambar seorang wanita, seorang guru, sekolah dan sebagainya. Kemudian guru akan memilih seorang murid untuk menghuraikan gambar tersebut mengikut persepsinya yang tersendiri dalam bahasa Arab.

3. Apa yang Saya Kerjakan

Guru akan melakukan sesuatu perbuatan atau mengarahkan seorang murid melakukan satu perbuatan di hadapan kelas. Kemudian murid yang lain akan meneka perbuatan tersebut. Guru boleh memanjangkan sesuatu perbuatan agar bersesuaian dengan waktu pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, seorang murid melakukan aktiviti seharian seorang penggembala kambing.

4. Radio Ajaib

Guru merakam rakaman suara binatang atau fenomena alam, perbualan dan sebagainya. Murid akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Guru akan memperdengarkan bunyi daripada rakaman dan meminta setiap kumpulan menjawab secara berfikir.

Kumpulan yang berjaya menjawab soalan kumpulan lain akan mendapat markah bonus. Kumpulan yang mendapat markah paling tinggi dikira pemenang.

5. Teka Lukisan atau Lakaran

Permainan ini dapat melatih murid berfikir dan berimajinasi dengan baik. Guru akan melakar dan melukis sesuatu objek dan meminta murid meneka objek yang sedang dilukis. Kumpulan yang paling banyak dapat meneka dengan tepat dikira sebagai pemenang.

6. Telefon Rosak

Murid akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai bilangan ahli yang sama. Guru akan menerangkan langkah-langkah permainan kepada setiap kumpulan. Seorang ketua perlu dilantik bagi setiap kumpulan. Ketua kumpulan akan diberikan sekeping kad yang mengandungi ungkapan ayat yang perlu diingati. Ketua kumpulan akan membisikkan ungkapan tersebut kepada orang kedua dalam kumpulannya. Orang kedua pula akan membisikkan ungkapan sama kepada orang ketiga dan begitulah seterusnya sehingga kepada orang terakhir. Laporan maklumat kumpulan yang paling tepat akan dianggap pemenang.

Kajian oleh Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh (2014) yang bertujuan untuk menerokai strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar institusi pengajian tinggi di Kelantan dan mengenal pasti perbezaan dalam menggunakan strategi tersebut berdasarkan jenis institusi yang melibatkan pelajar semester 3 seramai 100 orang dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan 100 orang pelajar dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) menggunakan kaedah kuantitatif set soal selidik menunjukkan

bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa oleh pelajar adalah sederhana. Strategi metafizik sering digunakan oleh pelajar dan strategi ingatan paling kurang digunakan oleh mereka. Dapatan juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara dalam menggunakan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan jenis institusi.

Kajian yang diketengahkan oleh Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2020) bagi mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Generasi Z (Gen-Z) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam pembelajaran teradun bahasa Arab yang mana melibatkan 130 orang responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dari kampus Utama (Bachok), kampus Kota (Pengkalan Chepa) dan kampus Jeli menggunakan kaedah kuantitatif yang terdiri daripada set soal selidik menunjukkan kesediaan responden untuk pembelajaran teradun bahasa Arab adalah pada tahap tinggi.

Perbincangan oleh Ahmad Fared Mohd Din dan Mohammad Seman (2019) secara kualitatif berdasarkan sorotan literatur mengenai beberapa masalah sebutan Arab yang dihadapi oleh pelajar bahasa Arab di Malaysia, asas-asas dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab serta cabaran dalam menguasainya mendapati bahawa penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab bermula dengan penguasaan sebutan yang merangkumi ciri segmental dan suprasegmental. Walau bagaimanapun bukan semua pelajar dapat menguasai aspek sebutan dengan baik dan dalam waktu yang singkat. Oleh itu, peranan Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab (SPSBA) dalam konteks ini sangat penting dan relevan. Hal ini demikian kerana, penggunaan Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab (SPSBA) mampu memudahkan pelajar menguasai kemahiran bertutur dan mampu meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi mereka. Lantaran tersebut, beberapa cadangan Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab (SPSBA) juga dikemukakan untuk dimanfaatkan oleh para guru dan pelajar bagi meningkatkan penguasaan sebutan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Shahrizal Nasir et al. (2015) yang bertujuan untuk meninjau respons masyarakat awam khususnya yang menjadi pendengar rancangan belajar bahasa Arab menerusi siaran Radio Malaysia *TerengganuFM* iaitu Al-Arabiyyah Fi Al-Radio bagi tujuan penambahbaikan terhadap rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio berdasarkan saranan dan cadangan daripada pihak pendengar sendiri menggunakan kaedah kuantitatif melibatkan sejumlah 105 responden dan dijalankan melalui soal selidik yang dimuat naik dalam laman sosial *Facebook* rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio dan *Facebook TerengganuFM* menunjukkan majoriti pendengar rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio mendapat input berguna dalam usaha mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Beberapa cadangan turut dikemukakan oleh responden kajian bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab menerusi rancangan ini.

Kajian oleh Muhammad Izuan Abd Gani et al. (2020) bertujuan ingin meninjau penerimaan pelajar terhadap penggunaan *Microsoft Teams* dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dari sudut kemudahan, kebolegunaan serta sikap dan niat menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester 2, sesi pengajaran 2019/2020 yang mendaftar subjek Bahasa Arab Komunikasi dan data dianalisa secara deskriptif mendapati bahawa penerimaan pelajar adalah pada tahap sederhana dalam penggunaan *Microsoft Teams*.

Kajian oleh Awatif Abdul Rahman et al. (2016) bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) serta menganalisis penerimaan pelajar terhadap kaedah-kaedah yang diaplikasi dalam pembelajaran menggunakan instrumen soal selidik melibatkan 100 orang pelajar sebagai sampel kajian dan data diproses menggunakan SPSS versi 20.0 menunjukkan bahawa secara umumnya kaedah yang

digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran membaca adalah kaedah induktif iaitu dengan memperkenalkan perkataan dan ayat. Penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasi dalam kemahiran membaca di KUIS juga adalah positif apabila nilai skor min keseluruhan ialah 3.94 dan berada pada tahap interpretasi yang tinggi.

Kajian Mohammad Haafiz Ahmid et al. (2018) untuk menjelaskan kemungkinan aspek pengajaran guru yang menjadi punca perubahan kepercayaan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab menggunakan reka bentuk kuantitatif secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik *Students' Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale* (SETERS) dan *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) sebagai instrumen yang direspon oleh 542 pelajar aliran agama tingkatan 4 dan data terkumpul diproses menerusi analisis korelasi Pearson mendapati hubungan yang sederhana namun signifikan dan positif antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Sehubungan itu, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mereka dari segi penyampaian bahan pembelajaran, interaksi dan aspek penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif bagi meningkatkan kepercayaan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab sekaligus mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih berkesan dan komprehensif.

Dapatan kajian oleh Ghazali Yusri et al. (2012) untuk menilai kadar kekerapan penggunaan bahan pembelajaran bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan di UiTM berbentuk kajian kuantitatif menggunakan instrument soal selidik menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata, melibatkan seramai 455 orang pelajar dan 48 orang pensyarah dan juga kaedah kualitatif yang melibatkan 13 siri temu bual pelajar dan lapan temu bual pensyarah serta pemerhatian di dalam kelas membabitkan 12 siri pemerhatian menunjukkan bahawa hanya penggunaan buku teks sahaja berada pada

kadar kekerapan yang tinggi, manakala bahan-bahan yang lain berada pada kadar kekerapan yang rendah. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran adalah berdasarkan kandungan buku teks semata-mata. Kajian ini mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan dalam penggunaan bahan pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM seperti penggunaan bahan yang bersifat autentik melalui medium komputer dan internet. Penggunaan buku teks pula adalah sebagai panduan semata-mata dan bukanlah matlamat akhir pembelajaran. Bahan pembelajaran juga perlu menyokong minat, keperluan dan motivasi pelajar. Mereka juga perlu mempunyai autonomi dalam memilih bahan yang mereka perlukan dan minati.

Kajian deskriptif oleh Mohd Sukki Othman et al. (2013) bagi meninjau penggunaan *ICT* dalam kalangan guru bahasa Arab di pusat bahasa dan cuba menjawab persoalan bagaimanakah penggunaan *ICT* oleh guru-guru bahasa Arab dalam pengajaran mereka menggunakan soal selidik sebagai instrument yang diedarkan kepada responden kajian seramai 67 orang guru bahasa Arab di pusat bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan SPSS versi 11.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai menunjukkan bahawa penggunaan *ICT* dalam kalangan guru dalam pengajaran bahasa Arab adalah pada tahap sederhana. Kajian ini mencadangkan supaya tindakan yang berstrategik perlu diambil oleh pentadbir pusat bahasa untuk memastikan *ICT* diaplikasikan dengan sewajarnya dalam pengajaran bahasa Arab bersesuaian dengan teknologi terkini.

Kajian oleh Latifah Ali dan Surendran Sankaran (2012) bertujuan untuk mengkaji tahap penggunaan *e-alQamus Online* dalam pembelajaran bahasa Arab dan hubungannya dengan persepsi kebergunaan, persepsi kemudahan dan persepsi kebolehgunaan terhadap laman berkenaan dengan memilih 156 orang pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) di tiga buah sekolah menengah harian biasa daerah Setiu,

Terengganu yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab sebagai sampel kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara kuantitatif melalui borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan data kajian yang dikumpul diproses menggunakan program SPSS versi 16 menggunakan analisis deskriptif dan pekali kolerasi Pearson mendapati tahap penggunaan *e-alQamus Online* dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang sederhana. Walaupun tahap persepsi kebergunaan, kemudahan dan kebolegunaan terhadap *e-alQamus Online* adalah tinggi, namun hubungan antara ketiga-tiga persepsi berkenaan dengan tahap penggunaannya adalah lemah.

Kajian ringkas oleh Azlan Shaiful Baharum et al. (2020) bertujuan untuk melihat persepsi pelajar tentang pengalaman mereka dalam menghadapi suasana pembelajaran ketika musim PKPP dengan memfokuskan kepada subjek Sorof 2 (BAL 1023) pada Semester 2 2019/2020 dan sampel kajian diambil daripada pelajar KBB1 dan KBB2 daripada pelajar tahun 1, Sarjana Muda Bahasa Arab Kesusasteraan Islam seramai 45 orang menggunakan kaedah temu bual maya menggunakan aplikasi *WhatsApp* untuk mendapatkan maklumat mendapati bahawa pelajar menghadapi banyak masalah ketika melalui proses pembelajaran dalam talian terutamanya masalah talian internet dan gangguan persekitaran, termasuk suasana pembelajaran yang tidak menyokong dan tanggungjawab di rumah.

Kajian oleh Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2021) bertujuan mengetengahkan satu kerangka teoretikal cadangan yang dihasilkan melalui dua teori pembelajaran tunjang iaitu teori Konstruktivisme dan teori Pemerolehan Bahasa yang membentuk topik kajian pembangunan kursus bahasa Arab dalam talian, di samping dua teori pembelajaran sokongan iaitu teori Beban Kognitif dan teori Kognitif Pembelajaran Multimedia yang mana pemilihan teori-teori tersebut merupakan antara strategi terawal dalam sesuatu kajian berasaskan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang dilaksanakan dalam fasa analisis untuk diterapkan dalam fasa berikutnya iaitu fasa

reka bentuk dan pembangunan menggunakan metod kajian berbentuk analisis perpustakaan dengan membentangkan sorotan literatur daripada rujukan-rujukan utama serta kajian-kajian terdahulu yang berkaitan bagi menerangkan teori-teori pembelajaran yang dinyatakan, hasil dapatan daripada analisis sorotan tersebut, satu kerangka teoretikal dikeluarkan dalam bentuk rajah, dalam masa yang sama dijelaskan perkaitannya secara langsung dengan reka bentuk dan pembangunan kursus bahasa Arab dalam talian. Kesimpulan daripada kajian, kerangka teoretikal cadangan kajian ini boleh diadaptasi terus atau dengan pengubahsuaian kerana ia tidak terhad kepada teori-teori pembelajaran yang diutarakan sahaja, bahkan para penyelidik boleh memilih pelbagai lagi teori pembelajaran yang ada mengikut kesesuaian topik kajian mereka. Manfaat daripada hasil kajian ini, kerangka teoretikal diharapkan dapat menjadi rujukan kepada kajian lanjutan berbentuk reka bentuk dan pembangunan dalam bidang bahasa asing secara amnya, lebih-lebih lagi bahasa Arab.

Kajian Masyitoh Yaacob dan Kaseh Abu Bakar (2018) bertujuan untuk mengenal pasti proses pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah dikaji dalam kajian lepas dan mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk analisis kandungan yang mana data-data kajian ini diperolehi daripada artikel jurnal, tesis, disertasi, buku, kertas kerja seminar dan prosiding yang berkaitan dengan tajuk kajian dikumpulkan dan dianalisis secara analisis deskriptif dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 8.0, menunjukkan bahawa terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab menggunakan metodologi kajian yang pelbagai. Namun begitu, masih kurang kajian tentang pengajaran bahasa Arab yang menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar yang merupakan salah satu ciri pengajaran abad ke-21. Begitu juga dengan metodologi kajian yang digunakan, didapati masih kurang kajian yang

menggunakan metodologi kajian campuran kerana kebanyakan kajian-kajian lepas lebih tertumpu pada satu pendekatan sama ada kuantitatif atau kualitatif sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dan pendekatan kajian campuran diperluaskan dalam kajian berkaitan dengan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Hasil kajian oleh Hasnurol Hashim et al. (2020) bertujuan untuk mengenal pasti tema kajian lepas berkaitan pembelajaran morfologi menerusi dimensi bidang leksikologi, memperlihatkan kelompangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas berkaitan pengetahuan makna kosa kata dan penggunaannya serta mengamati isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang yang mana kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan kajian ini juga menggunakan reka bentuk tematik yang merupakan satu metode yang mudah diamati dan difahami mengemukakan lebih 100 kajian berkaitan pengetahuan makna dan penggunaan kosa kata menerusi pembelajaran dan pengajaran morfologi. Implikasi kajian ini dapat memberi penemuan baru menerusi dimensi leksikologi khususnya dalam pembelajaran morfologi Arab.

Dapatan kajian tinjauan awal oleh Awatif Abdul Rahman et al. (2020) untuk mengenal pasti tahap kompetensi bahasa guru bahasa Arab dan menilai kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK Semenanjung Malaysia menggunakan kaedah kualitatif melalui instrumen satu set soalan ujian kompetensi guru bahasa Arab yang dibangunkan dengan merujuk kepada kriteria guru bahasa Arab yang telah dikeluarkan dan diguna pakai oleh *National Center for Assessment in Higher Education*, Saudi Arabia sebagai konstruk soalan ujian kompetensi yang mana domain kompetensi yang dinilai adalah pengetahuan guru dalam penguasaan tatabahasa melibatkan seramai 19

responden daripada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor dan 1 responden di negeri Perak dan item soalan ujian kompetensi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK berada pada tahap sederhana. Beberapa cadangan dikemukakan di akhir kajian untuk penambahbaikan dan pemurnian tahap kompetensi guru Bahasa Arab di SABK sebagai pelaksana Kurikulum Bersepadu Dini.

Kajian penelitian oleh Muhammad Luqman Hakim et al. (2017) yang bertujuan untuk melihat keperluan media pembelajaran dalam pembelajaran bahasa Arab menggunakan kaedah kualitatif melalui wawancara guru mata pelajaran bahasa Arab di SMP IT Al Huda dan juga kaedah tinjauan perpustakaan menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa Arab memerlukan media pembelajaran permainan interaktif supaya sesi pembelajaran itu lebih menarik serta memudahkan proses pembelajaran itu sendiri.

Jika dilihat pada kajian-kajian lepas berkaitan PdP bahasa Arab di Malaysia tersebut, kebanyakan kajian-kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan PdP bahasa Arab secara bersemuka berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan PdP bahasa Arab secara dalam talian. Terdapat juga beberapa kajian lepas berkaitan PdP bahasa Arab secara dalam talian seperti pembentangan kertas kerja oleh Rahimi Md Saad et al. (2005) mengenai penggunaan laman web, kajian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dijalankan oleh Ashinida Aladdin et al. (2004), kajian oleh Mohd Firdaus Yahaya et al. (2013) membincangkan potensi yang ada dalam platform pembelajaran secara maya dalam pembelajaran bahasa Arab dan kajian oleh Mohd Sukki Othman et al. (2013) yang meninjau penggunaan *ICT* dalam kalangan guru bahasa Arab. Namun, pembelajaran secara dalam talian pada masa tersebut hanyalah sebagai bahan bantu mengajar sahaja. Adapun kajian yang dijalankan oleh pengkaji

adalah pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian yang sememangnya dijadikan sebagai medium utama untuk PdP bahasa Arab.

Terdapat juga kajian lepas berkaitan PdP bahasa Arab secara dalam talian yang merupakan medium utama PdP, tetapi masih kurang memandangkan pelaksanaan PdPC secara dalam talian mula dilaksanakan secara meluas selepas penutupan sekolah-sekolah ekoran pelaksanaan PKP akibat penularan wabak COVID-19. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Azlan Shaiful Baharum et al. (2020) bertujuan untuk melihat persepsi pelajar tentang pengalaman mereka dalam menghadapi susasana pembelajaran ketika musim PKPP. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji pula adalah melihat penerimaan guru bahasa Arab SMK di Kelantan terhadap PdPC bahasa Arab secara dalam talian dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan PdPC bahasa Arab secara dalam talian memandangkan PdPC secara dalam talian mula meluas digunakan secara meluas selepas penutupan sekolah-sekolah ekoran pelaksanaan PKP akibat penularan wabak COVID-19 sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.

Namun begitu, kajian-kajian lepas banyak membantu pengkaji untuk memahami topik yang dikaji dengan mendalam, merancang apa yang dikaji, memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian, mendapatkan data bagi tujuan pembentukan konstruk berkaitan perkara yang dikaji serta membantu pengkaji dalam membina instrumen bagi tujuan soal selidik.

2.4 KAJIAN BERKAITAN PEMBELAJARAN MAYA ATAU E PEMBELAJARAN

Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2015) dalam pembentangan kertas kerja menengahkan topik bagi memperkenalkan aplikasi e-pembelajaran yang sesuai digunakan untuk P&P bahasa, iaitu; *Quizlet.Com*, *GoAnimate.Com* dan *Hot Potatoes*. Pembentangan topik ini meliputi penerangan cara penggunaan aplikasi sebagaimana

dinyatakan beserta contoh bergambar, kelebihan aplikasi, fungsi secara umum dan fungsi secara khusus untuk P&P Bahasa. Aplikasi tersebut juga diharapkan dapat membuka ruang kepada para pengajar untuk menggunakannya dalam P&P atau mencetuskan idea kepada para penyelidik bidang pendidikan untuk membentangkan satu penyelidikan yang lebih menyeluruh dan tertumpu. Pembentang membuat kesimpulan kepada beberapa perkara:

- Penggunaan aplikasi e-pembelajaran bukan sahaja memudahkan proses P&P bahkan meningkatkan minat para pelajar untuk mempelajari sesuatu pelajaran.
- Pengajar dan para pelajar mempunyai masa yang lebih fleksibel untuk penyampaian dan pemahaman sesuatu pelajaran.
- Proses P&P boleh dilakukan berulang kali tanpa bergantung sepenuhnya kepada pengajar, contoh; multimedia (video rakaman).
- Proses pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana, asalkan ada capaian internet.

Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada aplikasi e-pembelajaran untuk proses P&P adalah terdedah kepada masalah-masalah seperti tiada capaian internet atau ketidak stabilan capaian, alatan elektronik rosak, kurang berkemahiran menggunakan alatan dan kesuntukan masa untuk menukar bahan daripada *hard-copy* kepada *soft-copy/e-copy*. Secara ringkasnya, untuk memastikan kestabilan infrastruktur, sokongan kepada e-pembelajaran seperti capaian internet, alatan yang baik dan latihan kemahiran penggunaan adalah sepatutnya diberi keutamaan supaya pembudayaan e-pembelajaran secara berperingkat dapat direalisasikan tanpa sebarang masalah.

Kajian yang dijalankan oleh Khoirun Nisak Mat Saad et al. (2015) bertujuan untuk mengkaji persepsi ke arah penggunaan e-pembelajaran (KeLiP) di kalangan pelajar kursus Bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan

memfokuskan kepada empat aspek utama iaitu kesediaan, kesedaran, minat terhadap penggunaan KeLiP dan masalah yang dihadapi sepanjang proses pembelajaran dengan KeLiP. Data tinjauan adalah diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada 69 orang responden di UniSZA. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah bersedia menggunakan KeLiP, mempunyai kesedaran tentang KeLiP, berminat menggunakannya dan mengakui bahawa mereka tidak menghadapi masalah ketika menggunakan KeLiP.

Kajian berbentuk tinjauan dijalankan oleh Lai Chee Sern et al. (2017) untuk mengkaji tahap penggunaan *VLE Frog* dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi subjek Reka Bentuk Teknologi (RBT) di sekolah rendah luar bandar serta mengkaji masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang menggunakan *VLE Frog* di dalam aktiviti PdP. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 36 orang guru yang mengajar mata pelajaran RBT di 18 buah sekolah rendah luar bandar di daerah Batu Pahat. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk proses pengumpulan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT di sekolah luar bandar di Daerah Batu Pahat adalah serdehana. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa capaian internet merupakan masalah utama yang dihadapi oleh guru RBT semasa menggunakan *VLE Frog* di sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh Nadia Abdul Hamid dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2017) bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan tahap penggunaan aplikasi persekitaran pembelajaran maya Frog (*Frog VLE*) serta perkaitan hubungan antara kedua-dua tahap tersebut dalam kalangan guru-guru sekolah menengah luar bandar di Kedah. Kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 30 orang guru dari sekolah menengah luar bandar di Kedah telah dipilih sebagai responden kajian. Data

yang telah dikutip dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran guru terhadap aplikasi persekitaran pembelajaran maya Frog (*Frog VLE*) berada pada tahap sederhana, manakala bagi tahap penggunaan guru terhadap persekitaran pembelajaran maya Frog (*Frog VLE*) juga menunjukkan tahap sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran guru dan tahap penggunaan guru terhadap aplikasi *Frog VLE*. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru memberi kesan kepada tahap penggunaan guru dalam aplikasi *Frog VLE* di sekolah. Guru sewajarnya mempunyai kemahiran berkaitan aplikasi *Frog VLE* agar dapat melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan menarik di sekolah. Ini adalah selaras dengan dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan dan Anjakan 7 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 iaitu menggariskan TMK sebagai pengupaya bagi meningkatkan kualiti pembelajaran.

Pembentangan kertas kerja oleh Zahiah Kassim dan Abdul Razaq Ahmad (2010) meneroka peranan dan cabaran e-pembelajaran menerusi internet terhadap pembelajaran sepanjang hayat orang dewasa menjelaskan antara isu dan cabaran e-pembelajaran menerusi internet terhadap pembelajaran sepanjang hayat orang dewasa adalah konsep pembelajaran sendiri, transmisi maklumat secara maya, motivasi, masalah teknikal, kepelbagaian latar belakang, tahap kompetensi sedia ada pelajar dan kecelaruan komunikasi yang perlu diambil perhatian oleh pembuat dasar dengan mengambil kira kesan teknologi terhadap latihan teknikal, pedagogi dan infrastruktur baru yang diperlukan untuk melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan terutamanya sekolah.

Mahizer Hamzah dan Mohd Azli Yeop (2016) membincangkan tentang maklum balas penerimaan guru dan pelaksanaan *Frog VLE* di sekolah-sekolah. Ringkasnya persepsi berkaitan penerimaan guru adalah positif terhadap platform pembelajaran *Frog*

VLE namun masalah sokongan teknikal menyebabkan kekangan dari segi pelaksanaannya. Secara realitinya, teknologi *Frog VLE* amat baik dan lengkap dalam menjana proses pembelajaran yang diyakini mampu meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Namun begitu, aspek teknikal kelihatan menjadi isu dan stigma utama dalam merencatkan kejayaan pelaksanaan proses pembelajaran menggunakan platform *Frog VLE*. Sebagai kesimpulan, proses pembelajaran menggunakan platform *Frog VLE* merupakan suatu pendekatan pembelajaran yang memerlukan kaedah pedagogi, sokongan teknikal dan kaedah pelaksanaannya yang tersendiri. Penerimaan oleh para guru dan pemahaman yang teliti berkaitan kaedah pelaksanaan (pedagogi) yang terbaik merupakan faktor utama dalam menjayakan penggunaan *Frog VLE* dalam proses pembelajaran pelajar. Aspek kemudahan infrastruktur *ICT* yang lengkap dan sempurna juga harus ditangani oleh pihak yang bertanggungjawab, disamping sokongan teknikal, peranan pentadbir dan galakan daripada pihak KPM adalah amat dituntut dalam usaha merealisasikan proses transformasi ini. Impak positif yang diharap dari pelaksanaan proses pembelajaran menggunakan *Frog VLE*, amat bergantung kepada kolaborasi jitu dari semua pihak.

Kajian Zahari Hamidon dan Raja Maznah Raja Hussain (2010) secara khususnya menyiasat aspek penggunaan sistem penyampaian dalam sistem pembelajaran kelas maya di dalam *classnetwork.net* oleh guru yang mana fokus kajian ini adalah untuk menjelaskan isu yang ditimbulkan oleh pengguna dari aspek penggunaan dan menjelaskan kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam menyampaikan kandungan berkenaan kepada pelajarnya. Dua kaedah yang diterokai dalam kajian ini bagi menjelaskan isu-isu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru ialah *constructivism* dan *active learning*. Pada keseluruhannya rekabentuk antaramuka yang digunakan berupaya memenuhi keperluan pengguna dari konteks pembelajaran berasaskan *constructivist* dan *active learning*. Namun analisis yang dibuat

berdasarkan atribut kebolegunaan dan perkaitan masa belajar dengan kemahiran asas menghasilkan dapatan yang menjadi isu-isu yang perlu dipertimbangkan bagi tujuan permurnian terhadap rekabentuk antaramuka berkaitan. Berdasarkan analisis dari atribut kebolegunaan,

- a) Dalam atribut A1- Rekabentuk dalam SPKM mudah dipelajari dan difahami maksudnya menjelaskan ada di antara elemen rekabentuk antaramuka yang masih kurang jelas yang menghadkan kefahaman pengguna terhadap fungsi elemen rekabentuk itu sendiri.
- b) Dapatan ini ditekankan lagi oleh atribut A3 keseluruhan sistem dalam SPKM mudah diingati, yang menjelaskan bahawa terdapat pengguna yang tidak memahami beberapa bahagian dalam sistem penyampaian ini.

Analisis *Spearman Rho* bagi menjelaskan perhubungan antara item-item Kemahiran asas dengan masa yang diambil untuk mencapai objektif pembelajaran menjelaskan isu-isu berikut:

- a) Perhubungan yang kuat yang tidak signifikan terhadap kesan masa belajar dengan item kemahiran asas menjelaskan lebih banyak masa digunakan tidak akan menjejaskan keupayaannya untuk berfikir secara logik dan kritis untuk menilai, memberi sokongan dan mengurangkan keupayaan untuk menghormati pelbagai pihak dan budaya. Maka rekabentuk antaramuka bukanlah satu faktor yang boleh menimbulkan masalah keupayaan berfikir.
- b) Namun masa yang banyak digunakan juga tidak menjejaskan interaksi dengan individu lain dalam kumpulan, menjelaskan bahawa terdapat komponen rekabentuk antaramuka bukanlah penyebab kepada kurangnya interaksi antara individu dalam kumpulan ketika menggunakan *Classnetwork.net*. Penerapan elemen constructivist dan active learning

terhadap rekabentuk antaramuka pada keseluruhannya berupaya membantu pengguna meneroka pengetahuannya sendiri tertakluk pada kejelasan antaramuka itu sendiri.

Kajian yang dijalankan oleh Faridah Che In dan Afham Zulhusmi Ahmad (2019) yang bertujuan untuk melihat keberkesanan pembelajaran interaktif berasaskan aplikasi *Kahoot* ke atas pelajar-pelajar yang mengambil kursus prinsip pemasaran bagi menyelesaikan masalah dalam memahami kandungan topik campuran pemasaran melibatkan 40 orang sampel pelajar digunakan kajian tindakan ini mendapati daripada pemerhatian terdahulu yang telah dijalankan melalui ujian pengetahuan di bilik kuliah, didapati keputusan yang diperolehi oleh sampel pelajar berada pada tahap kurang memuaskan. Kajian yang dijalankan sepanjang semester sebelumnya telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan bagi para pelajar dan pensyarah yang mana penggunaan portal Kahoot dalam bentuk latihan tubi, ulang kaji dan tugas dalam talian telah menunjukkan pelajar semakin terangsang dan teruja untuk mempelajari campuran pemasaran. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian pelajar dimana perbandingan keputusan di antara Ujian Sebelum-Tindakan dan Ujian Selepas-Tindakan bagi 40 orang pelajar ini telah menunjukkan peningkatan. Selain itu, hasil dapatan daripada soal selidik juga turut dijalankan mendapati pelajar juga menunjukkan kecenderungan serta minat terhadap kaedah pengajaran pembelajaran tersebut. Maka dengan itu, kaedah pengajaran secara permainan atas talian ini merupakan medium alternatif yang efektif di dalam pengajaran secara lebih meluas khususnya di dalam kursus prinsip pemasaran.

Berdasarkan kajian oleh Lim Siew Ngen et al. (2015) bertujuan untuk meninjau keberkesanan kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (PPM) anjuran institut Aminuddin Baki (IAB) pada tahun 2014 dengan memberi fokus kepada persepsi

pemimpin sekolah terhadap kesesuaian kursus dengan tugas mereka; meninjau aplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada kursus yang telah dihadiri dalam menjalankan tugas mereka; serta cadangan penambahbaikan ke atas kursus PPM mendapati kursus ini mencapai tahap kepuasan peserta yang tinggi, iaitu mencapai 85 peratus kepuasan pelanggan mengikut standard kualiti IAB. 18.0 peratus peserta belum menetapkan KPI penggunaan *VLE* dan 13.6 peratus belum menyediakan pelan tindakan pelaksanaan *VLE* di sekolah. Menurut peserta kursus, tiada capaian Internet atau kelajuan capaian Internet yang perlahan merupakan sebab utama mereka tidak melakukan perancangan pelaksanaan *VLE*. Dalam hal ini, tidak berlaku perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Peserta kursus memberikan empat cadangan penambahbaikan kursus PPM yang utama, iaitu:

- i) menambah peruntukan masa
- ii) meningkatkan kelajuan capaian Internet
- iii) menambah tenaga pengajar
- iv) suasana kondusif
- v) mempelbagaikan aktiviti.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa kursus PPM berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengetua dan guru besar untuk menggunakan *VLE* dalam tujuan pemantauan pelaksanaan *VLE* serta merancang pelan tindakan untuk membudayakan *VLE* di sekolah.

Kajian Khairul Azhar Mat Daud (2010) yang bertujuan untuk melihat kesan penggunaan sistem pembelajaran terarah sendiri secara atas talian (E-SOLMS) terhadap kesediaan pembelajaran terarah sendiri dan motivasi pembelajaran pelajar yang mana kajian ini dilaksanakan secara quasi eksperimen dan dijalankan terhadap pelajar tahun akhir bagi subjek projek J5012 dalam jurusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal di

Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menggunakan kaedah kuantitatif (Soalan soal selidik – ujian pra dan pos) dan disokong oleh kaedah kualitatif (temu bual). Dengan menggunakan instrumen kajian yang diubah suai daripada skala kesediaan pembelajaran terarah sendiri oleh Gueglielmino (1977) dan skala motivasi pembelajaran oleh Pintrich (1993), analisis data secara deskriptif dan inferensi (ANCOVA dan MANOVA) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min dalam konstruk kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar dalam ujian pos I di antara kumpulan rawatan dan kawalan. Konstruk kesediaan pembelajaran terarah sendiri ialah pengurusan sendiri (min ujian pos kumpulan rawatan 4.02 > kumpulan kawalan 3.32), keazaman untuk belajar (min ujian pos kumpulan rawatan 4.21 > kumpulan kawalan 3.39) dan kawalan sendiri (min ujian pos kumpulan rawatan 4.09 > kumpulan kawalan 3.28). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min motivasi pembelajaran pelajar. Motivasi pembelajaran diukur melalui lima konstruk utama iaitu orientasi matlamat intrinsik (min ujian pos kumpulan rawatan 4.09 > kumpulan kawalan 3.04), orientasi matlamat ekstrinsik (min ujian pos kumpulan rawatan 4.31 > kumpulan kawalan 3.14), nilai tugasan (min ujian pos kumpulan rawatan, 4.19 > kumpulan kawalan 3.39), kepercayaan kawalan pembelajaran (min ujian pos kumpulan rawatan, 4.24 > kumpulan kawalan 3.39) dan efikasi sendiri (min ujian pos kumpulan rawatan, 4.23 > kumpulan kawalan 3.12). Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai min ketekalan juga tinggi dalam ujian pos II terhadap pemboleh ubah kesediaan pembelajaran terarah sendiri dan motivasi pembelajaran pelajar. Hasil daripada dapatan kajian, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran terarah sendiri secara atas talian adalah terbukti keberkesanannya.

Kajian oleh Amirudin Mohd Salim et al. (2016) untuk mengenal pasti tahap kesedaran, penerimaan dan impak e-pembelajaran dalam kalangan pensyarah dapat membantu meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran. Data kuantitatif

dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 186 orang responden yang mewakili beberapa jabatan akademik yang terdapat di Politeknik Merlimau. Skop kajian ini menjurus kepada tahap kesedaran, penerimaan dan impak e-pembelajaran. Secara keseluruhan, responden menerima secara positif penggunaan e-pembelajaran dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 18.0 bagi mendapatkan nilai peratusan, kekerapan dan skor min menunjukkan responden bersetuju menyatakan e-Pembelajaran ini merupakan salah satu alat bantu mengajar di samping bahan alat bantu mengajar yang lain. Berdasarkan elemen kepantasan dan penjimatan pula responden bersetuju hasil alat bantu P&P secara atas talian ini dapat memberi kesan positif antaranya banyak proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih pantas seperti agihan nota rujukan, komunikasi 2 hala, latihan dan penilaian serta pelbagai yang lain dapat dijalankan dengan mudah dan menjimatkan kos. Para pensyarah dapat menerima elemen terkini pendidikan dengan penghasilan pelbagai inovasi serta impak yang amat mendalam hasil pelaksanaan e-Pembelajaran ini.

Kajian Saiful Afzan Baru et al. (2014) meneliti penerimaan pelajar terhadap VLE menggunakan penambahan pemboleh ubah terhadap model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT). Objektif kajian ini adalah untuk memodelkan penerimaan pelajar terhadap VLE dengan menggunakan pemboleh ubah UTAUT seperti Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan. Dua pemboleh ubah ditambah iaitu Pengaruh Guru dan Keberkesanan Diri terhadap model UTAUT sebagai alternatif kepada kajian penerimaan teknologi ini. Sebanyak 275 soal selidik diedarkan kepada pelajar-pelajar di dalam daerah Marang dan Terengganu dengan 250 soal selidik telah digunakan untuk dianalisis. Kajian ini menggunakan tatakaedah Kuasa Dua Terkecil Separa (KDTS) menggunakan perisian SmartPLS, untuk mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah endogen dan pemboleh

ubah eksogen. Keputusan analisis KDTS menunjukkan pemodelan menyokong tiga hipotesis kajian pada paras signifikan 0.05 (nilai $t > 1.96$). Perkaitan antara konstruk-konstruk kajian adalah signifikan secara statistik sementara tiga hipotesis iaitu Jangkaan Prestasi dan Keberkesanan Diri tidak mempengaruhi terhadap penggunaan *VLE* serta pemboleh ubah Keadaan Kemudahan tidak mempengaruhi terhadap pemboleh ubah Penggunaan Tingkah Laku. Ringkasnya, penambahan pemboleh ubah model UTAUT adalah sah dari segi statistik dan memberikan penunjuk yang jelas terhadap penerimaan pelajar terhadap *VLE*. Kajian ini mendapati pengaruh guru adalah faktor penting terhadap penerimaan teknologi. Walaupun begitu model UTAUT masih relevan digunakan sebagai penerimaan teknologi. Kajian ini mencadangkan agar pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia mesti mengambil langkah proaktif untuk memastikan kejayaan *VLE*.

Dapatan kajian oleh Promadi (2006) bertujuan untuk mengetahui keberkesanan program perisian *ARABCom1.com* dalam membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran komunikasi bertulis serta membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi yang mana seramai 40 orang pelajar yang digunakan sebagai sampel kajian menggunakan kaedah soal selidik, mendapati bahawa program *ARABCom1.com* berkesan dalam mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar. Begitu juga kemahiran berkomunikasi secara bertulis dalam Bahasa Arab, dapat ditingkatkan. Kajian ini juga mendapati program ini dapat membantu mempertingkatkan kemahiran komunikasi pelajar kerana wujudnya aktiviti-aktiviti interaksi komunikatif yang dilakukan selama proses pembelajaran secara maya terutamanya apabila dapat berinteraksidengan penutur asli Bahasa Arab melalui chating dan email.

Yusup Hashim (2012) dalam pembentangan kertas kerja menjelaskan konsep dan sejarah perkembangan e-Pembelajaran di Malaysia diperingkat sekolah dan pusat pengajian tinggi dengan memberi tumpuan kepada pedagogi dan rekabentuk

pengajaran dan pembelajaran serta melihat bagaimana teknologi dan media elektronik digital dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini kerangka konseptual *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) akan dijelaskan yang merupakan kerangka asas kepada integrasi dan penggunaan e-Pembelajaran dalam program pendidikan dan latihan guru. Sambil itu pengaruh dan sumbangan teori konstruktivisme dan connectivism juga akan dibincangkan terutama yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran tumpuan pelajar dan penggunaan teknologi web 2.0 dalam rangkaian e-pembelajaran. Kertas kerja ini pada akhirnya akan membincangkan beberapa model dan amalan terbaik penggunaan e-Pembelajaran khususnya pembelajaran dalam talian. Terdapat tujuh prinsip yang digariskan oleh penulis yang boleh dijadikan panduan untuk pengajaran dalam talian:

1. Amalan baik menggalakkan hubungan antara pelajar dan guru.
2. Amalan baik menggalakkan kerjasama di kalangan pelajar.
3. Amalan baik menggalakkan pembelajaran aktif.
4. Guru memberi maklum balas segera terhadap pelajar.
5. Amalan baik yang menekankan masa menyiapkan tugas.
6. Amalan yang baik yang meletakkan harapan yang tinggi terhadap kejayaan pelajar.
7. Amalan baik yang menghargai bakat murid yang pelbagai.

Kajian Norliza Hussin et al. (2013) untuk mengenal pasti Model Reka Bentuk dan Teori Pembelajaran yang berhubung kait dengan Laman Web, kepentingan dan keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Web dalam konteks Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dan penggunaan dan fungsi laman-laman Web terkini dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dengan membuat penyelidikan metodologi analisis meta pada dokumen yang diterbitkan dari tahun 1990 hingga

sekarang dengan menggunakan Model Reka Bentuk oleh Hannafin dan Peck serta Teori Dick dan Carey dan teori pembelajaran konstruktivisme untuk menyokong kajian tersebut, penulis berpendapat model reka bentuk Hanaffin dan Peck (1988) dan kedua-dua teori iaitu Teori Dick dan Carey dan teori pembelajaran konstruktivisme sesuai untuk dijadikan sebagai asas dalam pembangunan laman PI. Berdasarkan hasil pemerhatian pada hasil kajian-kajian lalu, jelas menunjukkan penggunaan laman web dapat memberi manfaat kepada guru-guru PI dengan mewujudkan situasi pembelajaran yang interaktif di antara pelajar dengan isi pelajaran. Selain itu, penggunaan laman web juga berupaya untuk membimbing dan membentuk minda pelajar agar lebih kreatif dan memahami konsep ilmu dengan lebih berkesan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Faiz Mohd Baharan et al. (2019) bagi mengenal pasti fungsi dan peranan sistem *VLE Frog* di sekolah, menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif dengan melibatkan 367 orang sebagai sampel kajian serta melakukan kajian perpustakaan, instrumen soal selidik dan pemerhatian bagi mendapatkan data kajian, hasil analisis terhadap jurnal-jurnal ilmiah dan artikel-artikel kajian lepas mendapati sistem *VLE Frog* telah memberi impak dan manfaat yang besar kepada warga pendidik khususnya terhadap murid dan guru. Medium *VLE Frog* adalah “one stop shop” di mana ia adalah sebuah kedai yang mengeluarkan produk pendidikan untuk menyelesaikan teknologi pendidikan dan menyokong pengajaran di sekolah. Analisis dapatan kajian mendapati fungsi dan peranan sistem *VLE Frog* telah memberikan kesan yang besar kepada guru dengan meningkatkan kualiti pengajaran guru, merapatkan jurang hubungan antara guru dengan murid secara maya, memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan meningkatkan penggunaan inovasi dalam kalangan guru. Manakala pembelajaran dalam kalangan murid akan meluaskan pengetahuan dan membantu murid memperoleh maklumat dan mengaplikasikan maklumat dengan mudah.

Shahfiezul Shahaimi dan Fariza Khalid (2015a) membuat pemerhatian dan penelitian terhadap artikel dari kajian-kajian lepas berkaitan *VLE FROG* telah menyimpulkan bahawa pembelajaran persekitaran maya merupakan medium utama dalam pendidikan masa kini. Pengintegrasian blended learning dalam pengajaran dan pembelajaran *VLE FROG* merupakan pendekatan yang mampu merubah pembelajaran berkonsepkan maya supaya lebih menarik dan mudah difahami. Penggabungan atau teradunnya pembelajaran tersebut seharusnya dapat menarik perhatian murid agar tidak merasa bosan dan hilang fokus terhadap mata pelajaran yang dipelajarinya. Pembelajaran persekitaran yang berkonsepkan maya ini mampu mengubah mentaliti pemikiran generasi masa kini untuk lebih ke hadapan. Melalui pelbagai perancangan dan strategi yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya mampu mengubah corak pendidikan kita kepada yang lebih berteknologi seiring dengan negara maju yang lain.

Sajap Maswan (2019) membincangkan tentang perkembangan internet, komuniti maya, pembelajaran maya dan kesannya di dalam pembangunan komuniti khususnya di Malaysia menyebut bahawa pembelajaran maya menggalakkan perkongsian maklumat dalam sesebuah komuniti, memberi peluang yang lebih luas kepada ahli-ahli komuniti untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, memberi peluang kepada ahli komuniti yang tinggal jauh daripada universiti untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan lebih baik dan murah, menggalakkan ahli komuniti untuk terus belajar sepanjang hayat dan melahirkan anggota komuniti yang mempunyai kemahiran berfikir tahap tinggi. Di samping kelebihan teknologi internet dan pembelajaran maya dalam pembangunan komuniti namun tidak dapat dinafikan ia juga boleh menimbulkan beberapa masalah lain dalam komuniti itu sendiri. Antara isu yang sering ditimbulkan berkaitan dengan perkembangan internet dan pembelajaran maya ialah akan berlaku jurang pengetahuan yang lebih tinggi di kalangan anggota komuniti

dalam masyarakat, kemerosotan kualiti nilai di dalam komuniti masyarakat, kualiti ilmu yang diperolehi melalui pembelajaran maya dan penyalahgunaan internet. Penulis mendapati bahawa perkembangan teknologi internet telah mengubah konsep komuniti, dimana ianya semakin kompleks dan kini wujud konsep komuniti maya yang sudah tidak lagi dibatasi oleh faktor geografi. Seterusnya perkembangan teknologi internet juga telah mencetuskan komuniti pembelajaran maya. Pembelajaran maya telah mengubah dan akan terus berperanan di dalam pembangunan komuniti, sama ada di negara ini atau di peringkat dunia. Menurut penulis juga, walaupun di samping kebaikan-kebaikan teknologi internet dan pembelajaran maya, kita perlu menyedari ada kesan yang tidak diingini yang mungkin boleh mengganggu pembangunan komuniti itu sendiri. Oleh itu semua pihak harus memikirkan, agar perkembangan ini memberi kesan yang positif di dalam pembangun komuniti agar setiap anggota komuniti masyarakat mendapat faedah yang semaksimum mungkin daripada teknologi tersebut.

Shahfiezul Shahaimi dan Fariza Khalid (2015b) membincangkan secara ringkas Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (*VLE FROG*) dengan konsep pembangunan komuniti dalam persekitaran sekolah menyebut bahawa kewujudan *VLE FROG* untuk pentadbir sekolah, guru, pelajar, dan ibu bapa telah membentuk satu konsep komuniti maya dalam persekitaran sekolah. Tanpa pihak yang terlibat pastinya konsep pembelajaran persekitaran maya tidak akan tercapai sepenuhnya dan ini akan merencatkan pelaksanaan sistem pendidikan yang telah dirancang. Aplikasi *VLE FROG* mampu menghubungkan satu komuniti dengan komuniti yang lain sehingga membentuk komuniti maya yang lebih besar. Justeru, isu dan cabaran juga turut dibincangkan agar usaha ke arah penambahbaikan dan keberkesanan pelaksanaan *VLE FROG* dapat dilakukan pada masa hadapan. Antara isu atau cabaran yang sering ditimbulkan dalam pelaksanaan *VLE FROG* ialah penglibatan yang rendah dalam kalangan ahli komuniti *VLE FROG*, akan berlaku jurang pengetahuan yang lebih

tinggi dalam kalangan ahli komuniti, kualiti tugas yang dihasilkan pelajar dalam pembelajaran persekitaran maya dan kelengkapan *ICT* dan akses internet yang terhad.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Juhazren Junaidi dan Madidah Jailani (2010) yang bertujuan untuk melihat sejauhmana faktor isi kandungan, kaedah komunikasi dan maklumat tambahan mempengaruhi penggunaan e-learning di kalangan pelajar-pelajar tahun empat, Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Yang mana sampel kajian terdiri daripada 102 pelajar yang dipilih secara rawak mudah daripada 120 pelajar, data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.5, hasil kajian menunjukkan nilai min bagi ketiga-tiga faktor adalah tinggi. Maka, ketiga-tiga faktor ini merupakan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan elearning.

Hasil kajian oleh Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018) bertujuan untuk melihat keperluan penggunaan dan potensi aplikasi realiti maya untuk mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information Comunication and Technology(ICT)* di sekolah menengah, dengan mencadangkan penerapan model realiti maya dalam pembelajaran *ICT* di sekolah menengah melalui soal selidik kuantitatif yang diedar kepada pelajar untuk mendapatkan data awal serta temu bual kajian kualitatif dengan guru menunjukkan terdapat perbezaan pendapat antara pelajar *ICT* tentang pembelajaran pemasangan computer. Sebanyak 26.2 peratus bersetuju bahawa pembelajaran secara teoritikal dapat membantu pelajar dalam proses pemasangan komputer, manakala 73.8 peratus tidak bersetuju bahawa pembelajaran secara teorikal dapat membantu pelajar dalam proses pemasangan komputer. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pelajar dan guru memperlihatkan persepsi yang tinggi bagi keperluan penggunaan realiti maya dalam pendidikan *ICT*. Penggunaan realiti maya diharap dapat dijadikan bahan bantu mengajar yang efektif kepada guru-guru sebagai tarikan kepada

pelajar untuk meningkatkan kefahaman dan pencapaian kecemerlangan pendidikan terutama dalam mata pelajaran *ICT* di sekolah.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Abd Hadi Harun (2014) bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Atas Talian (e-PBP) ke atas sikap, pengetahuan dan tingkah laku pelajar Tingkatan Empat aliran sains terhadap topik tenaga diperbaharui (TD) dengan mengaplikasikan kaedah eksperimen kuasi dengan “Reka bentuk Satu Kumpulan Ujian Pra - Ujian Pos” yang mana sampel kajian terdiri daripada 48 orang pelajar Tingkatan Empat yang menerima rawatan e-PBP yang bertindak sebagai kumpulan eksperimen dan analisis dapatan kuantitatif dilakukan dengan menggunakan ujian ANOVA dengan Pengukuran Berulang, hasil kajian menunjukkan penggunaan ePBP didapati memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan sikap, pengetahuan dan tingkah laku pelajar terhadap TD. Analisis kandungan e-PBP terhadap komunikasi atas talian secara sinkroni dan asinkroni menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa menggunakan laman interaksi sosial web 2.0 yang disediakan dalam e-PBP bagi melaksanakan kerja berkumpulan secara kolaboratif dalam tempoh yang lebih fleksibel. Manakala, analisis dapatan temu bual mendapati bahawa pelajar memberi maklum balas yang positif apabila melaksanakan kerja secara berkumpulan dalam menghasilkan projek TD melalui penggunaan e-PBP tanpa kekangan masa. Dapatan temu bual juga mendapati bahawa pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang baru serta dapat berkongsi maklumat yang melibatkan isu-isu TD secara global sesama mereka.

Menurut kajian tinjauan oleh Sumarni Lapammu dan Zamri Mahamod (2018) bertujuan untuk meninjau penggunaan persekitaran pembelajaran maya atau *virtual learning environment (VLE Frog)* dalam pembelajaran Bahasa Melayu, dengan melihat tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap penggunaan *VLE Frog* dalam Bahasa Melayu yang melibatkan 240 orang pelajar tingkatan 4 di empat buah sekolah di

daerah Tawau, Sabah, menggunakan instrument soal selidik dengan lima skala Likert bagi tujuan pengumpulan data, kemudian data yang diperoleh dianalisis menggunakan program SPSS 22.0, analisis deskriptif mendapati ketiga-tiga min, iaitu pengetahuan (4.10), sikap (4.27) dan kesediaan (4.32) pelajar terhadap penggunaan *VLE Frog* berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap penggunaan *VLE Frog* dalam PdPc mereka. Penggunaan bahan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi seperti *VLE Frog* dapat menarik minat pelajar untuk belajar Bahasa Melayu.

Kajian oleh Nor Zaira Razali et al. (2016) bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan *Virtual Learning Environment (VLE) Frog* dalam kalangan guru di sekolah menengah menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan seramai 66 orang guru sebagai responden dan analisis data menggunakan perisian komputer SPSS versi 22.0 dengan melakukan pengujian hipotesis kajian menggunakan kaedah pengujian Korelasi Pearson, ANOVA dan ujian-t menunjukkan tahap kemahiran *ICT* guru dan tahap kemudahan *ICT* yang terdapat di sekolah adalah rendah. Di samping itu, kajian juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara kemahiran *ICT* guru dan kemudahan *ICT* dengan tahap penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru. Penyelidik menyimpulkan bahawa kemahiran *ICT* guru dan kemudahan *ICT* merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru di sekolah menengah.

Kajian oleh Agatha F. Umbit dan Muhamad Suhaimi Taat (2016) bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah institut pendidikan guru di Sarawak yang mana faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ialah tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, ciri pensyarah, kualiti maklumat, kualiti sistem dan sokongan teknikal dan semua faktor yang dipilih telah diuji dalam kajian lepas dan

mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaan teknologi dalam kalangan pengguna melibatkan 230 orang pelajar yang dipilih daripada pelajar tahun akhir dan tahun 3 dalam pelbagai pengkhususan Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Pemulihan dan Permasalahan Pembelajaran Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang telah mengguna e-pembelajaran dengan menggunakan set soal selidik yang mengandungi 49 item soalan sebagai instrument kajian dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, min, dan sisihan piawai menunjukkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan, faktor tanggapan mudah guna, faktor ciri-ciri pensyarah faktor kualiti sistem, faktor maklumat dan faktor sokongan teknikal adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dipengaruhi oleh manfaat dan mudah guna yang diperoleh daripada e-pembelajaran serta penjimatan masa dan kandungan kursus yang mudah dan bersesuaian dengan tugas.

Hasil kajian tinjauan oleh Zakaria Saad et al. (2020) untuk menentukan tahap kesediaan siswa guru menggunakan *Google Meet* dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik yang diemalkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2016 yang dipilih secara persampelan mudah dan data dianalisis dengan menggunakan SPSS Versi 19 menunjukkan kesediaan siswa guru menggunakan *Google Meet* sebagai platform pengajaran dan pembelajaran (PdP) berada di tahap yang tinggi (min =3.34 dan sisihan piawai =0.669). Manakala isu dan cabaran berada di tahap sederhana (min =2.22 dan sisihan piawai =0.842). Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian yang mengadunkan elemen teknologi, pedagogi dan kandungan sejajar dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) sesuai diamalkan mengikut keperluan semasa dan usaha ini harus diteruskan selepas tamatnya

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) kerana PdP dalam talian menggunakan platform *Google Meet* telah menunjukkan kejayaan.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020) yang bertujuan untuk meneroka pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan *Home Based Learning* semasa tempoh pandemik Covid-19 yang melibatkan seramai 351 orang guru di Zon Bangsar Pudu, Kuala Lumpur dipilih secara rawak sebagai responden dan data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik berdasarkan lima skala Likert yang mengandungi 18 soalan serta hasil kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan nilai min dan sisihan piawai, dapatan menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan ialah 3.70, iaitu majoriti guru memberi pandangan yang positif terhadap pembelajaran secara atas talian semasa tempoh pandemik. Guru-guru juga bersedia untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian dengan menggunakan modul bercetak dan bahan pembelajaran yang terdapat di internet seperti *Youtube* meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antara cabaran yang dihadapi ialah kesukaran guru mewujudkan komunikasi dua hala dengan pelajar, kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa dan penjaga dan kurang pengetahuan serta kemahiran guru untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian.

Kertas konsep oleh Nurun Najwa Mohammad Mustafa et al. (2021) bertujuan untuk mengenal pasti pelantar pembelajaran secara maya dalam pelaksanaan PdPc melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran dengan menjadikan teori Komuniti Inkuiri dan Model Pembelajaran Dalam Talian Anderson sebagai rujukan dalam pelaksanaan PdPc secara maya telah mengenal pasti tiga ciri yang diperlukan untuk melaksanakan PdPc secara maya iaitu kandungan, komunikasi dan penilaian. Ketiga-tiga elemen tersebut bertujuan untuk memahami keberkesanan *Google Classroom* (GC), *Massive*

Open Online Course (MOOC), Modular Object-Oriented Dynamic Learning Environment (MOODLE) dan Schoology dengan lebih berkesan.

Kajian oleh Syed Lamsah Syed Chear (2017) bertujuan untuk meninjau tahap penerimaan para pelajar terhadap pembelajaran berasaskan teknologi mudah-alih iaitu menggunakan *WhatsApp* dan *Telegram* serta melakukan pembelajaran sendiri yang melibatkan 68 responden, iaitu 21 pelajar program Diploma Pendidikan Pengajian Prasekolah), 20 pelajar program Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) (Pendidikan Awal Kanak-anak) dan 27 pelajar Sarjana Muda daripada pelbagai program iaitu Kejuruteraan, Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Bioteknologi menunjukkan peratusan pelajar yang mempunyai perspektif positif terhadap e-pembelajaran adalah tidak begitu tinggi (67.6%) dan hanya separuh (58.8%) sedia maklum keperluan e-pembelajaran dalam kerja kursus serta berkeyakinan e-pembelajaran membantu proses pembelajaran (51.5%). Dapatan kajian menunjukkan pengajaran melalui aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* berpotensi untuk meningkatkan kemampuan pelajar menguasai hasil pembelajaran. Para pelajar mempunyai perspektif positif terhadap e-pembelajaran, tetapi kesediaan mereka untuk terlibat dengan e-pembelajaran bergantung kepada inisiatif pensyarah untuk membimbing serta fasiliti yang disediakan. Keupayaan pelajar untuk memberikan maklumbalas yang berkualiti memberi harapan pembelajaran boleh berlaku melalui e-pembelajaran. Penurunan peratus keterlibatan pelajar adalah disebabkan isu pendaftaran kursus dan ia berpunca daripada masalah teknikal di peringkat institusi dan tidak berkait dengan keberkesanan e-pembelajaran. Pelajar program kejuruteraan, bioteknologi dan sains komputer dan teknologi maklumat lebih aktif terlibat dengan perbincangan atas talian berbanding pendidikan.

Penulisan artikel oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi (2020) yang membincangkan satu kajian yang menelusuri transformasi pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi multimedia bagi memastikannya menjadi agenda utama dalam

pendidikan Islam disebabkan pendekatan yang dibawa ialah signifikan dan sesuai dilakukan selaras dengan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) yang banyak memfokuskan pembinaan kemahiran-kemahiran yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran 4M (membaca, mengira, menulis dan menaakul), kemahiran sains dan reka bentuk teknologi, kemahiran interpersonal dan intrapersonal dan lain-lain lagi secara syumul menjelaskan bahawa pendekatan sebegini dipercayai dapat memberikan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari pendidikan Islam dengan lebih komprehensif. Para pelajar juga bersemangat untuk melakukan aktiviti perbincangan secara dalam talian kerana jadual pembelajarannya yang fleksibel dan pelbagai ilmu yang boleh diteroka dan dimanfaatkan. Guru-guru perlu proaktif dan progresif dalam menentukan teknik pengajaran terutama sekali apabila melibatkan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah. Sesuatu kaedah pengajaran itu pula hendaklah diterapkan dengan cabaran daripada kehidupan sebenar supaya para pelajar dapat meneroka, mengkaji, menginterpretasi di samping menjana pemikiran luar kotak. Pelajar-pelajar pada abad ke-21 kini tidak lagi memfokuskan 'konsep suap' daripada guru semata-mata, akan tetapi guru-guru hanyalah sebagai transisi terhadap pengajaran dan pembelajaran. Contohnya menggunakan multimedia bagi menghangatkan suasana pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC). Guru diharapkan dapat menjadi peneraju perubahan, pemikir holistik serta pemangkin kepada kejayaan sistem pendidikan negara ini selain dapat memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar supaya penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dapat ditingkatkan.

Kajian dijalankan oleh Fatimah Abdul Rashid dan Hasmadi Hassan (2019) bagi mengetahui tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap *VLEI BestariNet* dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi melibatkan seramai 655 orang guru dalam negeri Pahang sebagai responden kajian yang mana mereka terdiri daripada guru yang menggunakan *VLEI BestariNet* yang aktif dan pasif, data dipungut menerusi borang soal

selidik dan dianalisis secara kuantitatif mendapati tahap kesediaan guru di negeri Pahang terhadap *VLE1BestariNet* dari aspek sikap, literasi, fasiliti dan akses teknologi secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Kerjasama daripada semua pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan daerah (PPDD), pihak sekolah, serta badan-badan bukan kerajaan amat digalakkan agar penggunaan *VLE1BestariNet* dapat digunakan semaksima mungkin.

Kertas konsep yang dihasilkan oleh Nur Hanisah Ahmad Saifudin dan Mohd Isa Hamzah, (2021) bertujuan menelusuri cabaran PdPR dalam talian terhadap murid sekolah rendah menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian menjadi semakin sukar dengan kurangnya kesediaan para guru itu sendiri, murid berhadapan dengan masalah tiada capaian internet di rumah dan gangguan kepada akses internet seperti talian internet yang terputus-putus serta tidak stabil serta tidak mempunyai akses kepada peranti digital pintar untuk mengikuti kelas secara dalam talian.

Hasil kajian Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin (2021) untuk mengkaji tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah di kawasan luar bandar serta mengetahui perbezaan tahap pengetahuan dan perbezaan tahap kesediaan guru di sekolah menengah luar bandar berdasarkan jantina terhadap pelantar *Google Classroom* dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) melalui kaedah kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif soal selidik yang diedarkan menggunakan *Google Form* melibatkan 262 orang guru daripada 644 orang populasi guru sekolah menengah di daerah Kudat mendapati bahawa tahap pengetahuan guru-guru sekolah menengah luar bandar terhadap pelantar pembelajaran *Google Classroom* pada tahap rendah dan kesediaan guru-guru sekolah menengah luar bandar terhadap pelantar pembelajaran maya iaitu *Google Classroom* dalam proses Pengajaran dan

Pemudahcaraan (PdPc) adalah pada tahap tinggi. Hasil kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru lelaki dan guru perempuan terhadap pelantar pembelajaran maya iaitu *Google Classroom* dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

Kajian berbentuk kajian tinjauan yang dijalankan oleh Siti Nurfitri Moyang dan Khadijah Abdul Razak (2022) untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap aplikasi *Google Meet* dalam pengajaran al-Quran menggunakan kaedah kuantitatif telah dijalankan di daerah Padawan, Sarawak melibatkan 87 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah rendah melalui instrumen soal selidik yang digunakan untuk mengumpul data daripada responden yang dikumpulkan melalui Google Form dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26.0 menunjukkan tahap pengetahuan dan kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap aplikasi *Google Meet* dalam pengajaran al-Quran adalah tinggi. Analisis mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap aplikasi *Google Meet* berdasarkan jantina.

Kajian tinjauan yang dijalankan oleh Rubiah Omar dan Jamilah Hj. Ahmad (2009) dalam kalangan ahli akademik Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang untuk mengenal pasti tahap kesedaran, penilaian dan penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan ahli akademik yang membantu proses pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 119 responden dengan menjadikan teori Resapan Inovasi oleh Rogers' sebagai asas untuk mengenal pasti tahap penerimaan e-pembelajaran dalam pengajaran mendapati kesedaran responden terhadap lima konsep e-pembelajaran dalam sistem pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Ini kerana usaha yang telah dilakukan oleh pihak pentadbiran universiti untuk menggalakkan ahli akademik menggunakan sistem e-pembelajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dari segi penilaian

responden terhadap hubungan antara kefahaman e-pembelajaran dengan kesediaan pembelajaran arahan sendiri pula adalah memuaskan. Hasil kajian juga mendapati penerimaan responden terhadap penggunaan e-pembelajaran adalah tinggi kerana majoriti responden memahami keseluruhan konsep dan tanggungjawab yang harus dimainkan dalam melaksanakan e-pembelajaran. Secara keseluruhan, responden menerima secara positif penggunaan e-pembelajaran dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran.

Kajian oleh Norfiza Apfandi et al. (2021) bagi mengkaji amalan penggunaan medium atas talian oleh para pelajar melibatkan 165 responden yang terdiri daripada pelajar Kolej GENIUS@Pintar menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi mengkaji dan mengukur tahap penggunaan medium atas talian oleh responden dan data yang diperolehi di analisis secara deskriptif statistik menggunakan perisian SPSS Versi 23 untuk mendapatkan taburan kekerapan, peratusan dan min menunjukkan bahawa penggunaan medium atas talian oleh para pelajar bagi tahap pengetahuan pelajar adalah 87%, 85% untuk tahap kemahiran pelajar dan 90% pula untuk tahap sikap pelajar. Ini menunjukkan penggunaan medium atas talian bagi kaedah pembelajaran di rumah adalah efektif dan praktikal bagi pelajar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan pembelajaran secara dalam talian, pembelajaran secara maya dalam kajian tersebut adalah lebih kepada sebagai bahan bantu mengajar. Antaranya kajian tentang aplikasi e-pembelajaran seperti *e Quizlet*, aplikasi persekitaran maya Frog (*Frog VLE*), penggunaan sistem pembelajaran terarah sendiri secara atas talian (*E-SOLMS*), program perisian *ARABCom1.com* dan sebagainya berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji sebagaimana yang telah disebutkan iaitu kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah mengenai pembelajaran secara dalam sebagai medium utama pelaksanaan PdPC. Ada juga kajian

lepas mengenai pembelajaran secara dalam sebagai medium utama pelaksanaan PdPC, tetapi masih kurang dan topik kajian yang dijalankan pula berbeza dengan kajian dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji merujuk kajian-kajian lepas untuk memahami topik yang dikaji dengan mendalam, merancang apa yang dikaji, memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian, mendapatkan data bagi tujuan pembentukan konstruk berkaitan perkara yang dikaji serta membantu pengkaji dalam membina instrumen bagi tujuan soal selidik.

2.5 TEMPOH PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN SECARA DALAM TALIAN EKORAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Perintah kawalan pergerakan mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 di seluruh negara bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah Kawalan Pergerakan ini meliputi larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Semua institusi pendidikan juga ditutup termasuklah semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah, pra-universiti, institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara dan penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (atau *essential services*) iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi,

bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan (Junhairi Alyasa 2020). Dengan penutupan semua institusi pendidikan tersebut, pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian atau mengikut kesesuaian antara guru dan murid bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat terus dilaksanakan. Pembelajaran secara dalam talian mula digunakan secara meluas (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali 2020).

Setelah hampir empat bulan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan secara dalam talian apabila sekolah diarahkan tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat pandemik COVID-19, akhirnya semua pelajar dan murid kembali ke sekolah untuk pembelajaran secara bersemuka pada 15 dan 22 Julai 2020 secara berperingkat berpandukan prosedur operasi standard (SOP) ketat yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) (Berita Harian 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia mula mengambil langkah menutup semula semua sekolah bermula 9 November 2020 sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020 yang mana sesi persekolahan bagi kumpulan A berakhir pada 17 Disember 2020 dan sesi persekolahan bagi kumpulan B berakhir pada 18 Disember 2020. Langkah ini diambil setelah sejumlah besar, iaitu kira-kira 74 peratus sekolah berada dalam negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Menurut Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Radzi Jidin, sekolah di Pahang, Kelantan, Perlis dan Sarawak yang tidak dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) juga ditutup hingga akhir sesi persekolahan tahun 2020 (Latifah Arifin, 2020). Beliau turut mengumumkan persekolahan bagi sesi 2021, semua murid sekolah rendah, Tingkatan Satu, Tingkatan Empat, Tingkatan Lima dan Tingkatan Enam serta semua murid Kolej Vokasional akan memulakan persekolahan secara bersemuka pada 20 Januari 2021. Murid Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga akan memulakan sesi persekolahan pada

tarikh yang sama tetapi secara *'home-based learning'* mengikut kesesuaian guru dan murid kerana kelas akan digunakan untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Semua murid akan kembali ke sekolah dan belajar secara bersemuka pada 8 Mac 2021 (Latifah Arifin, 2020).

Namun persekolahan bagi sesi 2021 yang sepatutnya dijalankan secara bersemuka bermula 20 Januari 2021 terpaksa ditangguhkan. Langkah sedemikian diambil susulan daripada perkembangan terbaharu jumlah kes jangkitan COVID-19 pada 16 Januari 2021 dan trend kes yang semakin meningkat (Sinar Harian, 2021). KPM memaklumkan sesi persekolahan bersemuka hanya akan melibatkan murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) tahun 2020 serta peperiksaan antarabangsa yang setara. Manakala semua murid sekolah rendah dan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di sekolah menengah pula akan mengikuti pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid mulai 20 Januari 2021 (Sinar Harian, 2021).

Persekolahan secara bersemuka mula dibuka semula kepada semua murid secara berperingkat bermula 1 Mac 2021. Sesi persekolahan bagi murid prasekolah, Tahun Satu dan Dua bermula pada 1 Mac 2021 manakala murid Tahun Tiga hingga Tahun Enam dibenarkan hadir ke sekolah pada 8 Mac 2021. Bagi pelajar sekolah menengah pula, kategori kumpulan A iaitu di Johor, Kelantan, Terengganu dan Kedah akan memulakan sesi persekolahan secara bersemuka pada 4 April 2021 diikuti 5 April 2021 membabitkan kumpulan B bagi negeri lain. Selain itu, kolej vokasional bagi Sijil dan Diploma Vokasional Malaysia Tahun 1 (Semester dua) juga dibenarkan beroperasi pada

1 Mac 2021 manakala sekolah antarabangsa serta pusat tuisyen pada 8 Mac 2021 (Ekhwan Haque Fazlul Haque & Mahaizura Abd Malik, 2021).

Namun pada 18 April 2021 sehingga 24 April 2021, semua sekolah di tujuh daerah di Kelantan ditutup susulan peningkatan kes COVID-19. Ia membabitkan daerah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah (Nor Fazlina Abdul Rahim 2021a). Pada 21 April 2021, Mesyuarat Penyelarasan Khas Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) bagi mengawal penularan COVID-19 telah mencadangkan pelanjutan tempoh penutupan sekolah di tujuh daerah tersebut. Mengambil kira cadangan tersebut, JPN memutuskan supaya tempoh penutupan semua sekolah dijajahan terbabit dilanjutkan sehingga 1 Mei 2021. Selama tempoh tersebut, murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) (Nor Fazlina Abdul Rahim 2021a). Bagi daerah Jeli, Gua Musang dan Kuala Krai pula, persekolahan secara bersemuka berjalan seperti biasa. KPM kemudiannya membuat ketetapan bahawa semua sekolah di negeri Kelantan ditutup mulai 3 Mei 2021 sehingga cuti Aidilfitri yang bermula pada 7 Mei 2021 hingga 15 Mei 2021 (Nor Fazlina Abdul Rahim 2021b).

Menurut Menteri Pelajaran, Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin dalam catatan di *Facebook* pada 26 April 2021 menjelaskan bahawa semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) selama dua minggu selepas cuti Hari Raya Aidilfitri (The Star, 2021). Cuti Hari Raya Aidilfitri bagi kumpulan A melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor bermula pada 7 Mei 2021 hingga 15 Mei 2021 manakala bagi kumpulan B melibatkan Perlis, Perak, Pahang, Sabah, Labuan, Sarawak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Putrajaya bermula pada 8 Mei 2021 hingga 16 Mei 2021 (The Star, 2021). Ini bermakna semua pelajar bagi kumpulan A akan menjalani pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) bermula 16 Mei 2021 hingga 27 Mei 2021 dan bagi kumpulan B pula bermula 17 Mei 2021 hingga 28 Mei

2021. Langkah ini diambil bagi mengurangkan risiko jangkitan yang mungkin berlaku di luar sekolah semasa musim perayaan dan bakal meningkatkan jangkitan di institusi pendidikan di bawah KPM. Selepas tempoh PdPR itu, murid dan pelajar akan menyambung cuti penggal yang bermula 28 Mei sehingga 12 Jun bagi sekolah kumpulan A dan 29 Mei sehingga 13 Jun bagi sekolah kumpulan B (The Star, 2021).

Mengambil kira situasi kes COVID yang berlaku pada masa tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) untuk tempoh 25 hari persekolahan selepas cuti penggal. Pengoperasian sekolah melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) akan dilaksanakan bermula 13 dan 14 Jun 2021 sehingga 15 dan 16 Julai 2021 iaitu selama 25 hari persekolahan mengikut kumpulan negeri masing-masing (Sri Ayu Kartika Asri, 2021). Seterusnya pada 16 Julai 2021 hingga 25 Julai 2021 adalah cuti pertengahan penggal bagi kumpulan A dan 17 Julai 2021 hingga 26 Julai 2021 adalah cuti pertengahan penggal bagi kumpulan B (Sri Ayu Kartika Asri, 2021).

Pada 17 Julai 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam kenyataan memaklumkan, sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diteruskan sehingga 31 Ogos 2021. Sesi persekolahan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka ditetapkan mulai 1 September 2021 secara berperingkat. Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira situasi semasa pandemik COVID, kadar vaksinasi semasa yang mana sehingga 16 Julai 2021, seramai 253,366 guru dan pentadbir (61.3 peratus) serta 10,876 orang kakitangan sokongan (46.33 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin, serta perbincangan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Ketetapan ini terpakai kepada semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, sekolah swasta dan institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM. Namun begitu, KPM akan terus mengambil kira penilaian risiko oleh KKM dan MKN bagi melihat sekiranya terdapat keperluan

untuk membuat perubahan terhadap tarikh tersebut dan sebarang perubahan akan dimaklumkan lebih awal oleh pihak KPM (Maisarah Sheikh Rahim, 2021a).

Pertengahan Ogos 2021, pelbagai pihak menyuarakan pandangan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menangguhkan dahulu keputusan sesi persekolahan secara bersemuka yang ditetapkan pada 1 September 2021. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) meminta kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan (KPM) menangguhkan pembukaan sesi persekolahan secara bersemuka bermula 1 September 2021. Menurut Presiden NUTP, Aminuddin Awang, langkah itu perlu memandangkan semua pihak sedia maklum akan situasi penularan pandemik COVID-19 yang makin mengganas dengan jangkitan baharu harian amat tinggi mencecah lebih 20,000 kes dan kadar kematian mencapai angka 100 hingga 300 orang walaupun kadar vaksinasi semasa dua dos sudah melebihi 30 peratus. Kadar vaksinasi tersebut tidak dapat menjamin keselamatan. NUTP juga menerima maklum balas daripada ibu bapa dan guru yang tidak berpuas hati dengan cadangan KPM membuka sesi persekolahan secara bersemuka mulai 1 September 2021 (Nas Norziela Nasbah, 2021).

Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd Azizee Hasan berharap Kementerian Pendidikan (KPM) dapat mengkaji semula cadangan pembukaan sekolah secara bersemuka pada 1 September 2021 berikutan kes COVID-19 yang masih tinggi di negara ini serta majoriti ibu bapa melahirkan kebimbangan untuk menghantar anak mereka ke sekolah ketika penularan wabak itu belum menunjukkan pengurangan ketara (Mohd Amin Jalil 2021). Menurut pandangan seorang pensyarah dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Kamarul Azman Khamis, langkah terbaik pada waktu tersebut adalah meneruskan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), memandangkan penularan COVID-19 terus menunjukkan peningkatan dengan kes harian pula masih melebihi lima angka dikhuatiri boleh mencetuskan gelombang

jangkitan COVID-19 yang lebih serius khususnya dengan kemunculan varian-varian baharu yang lebih berbahaya (Mohd Hafiz Abd Mutalib, 2021). Pertubuhan Permuafakatan Pendidikan Malaysia (Me'didik) juga berharap Kementerian Pendidikan (KPM) dapat menangguhkan pembukaan sekolah dan pembelajaran secara bersemuka yang dijadualkan bermula 1 September 2021 disebabkan oleh varian Delta masih sukar dikawal dan menular secara pantas menyebabkan ibu bapa dan guru amat risau akan nasib pelajar yang terdedah bahaya (Nurman Nasyriq, 2021).

Setelah mendapat pelbagai reaksi dan pandangan dari pelbagai pihak dan penelitian KPM terhadap keadaan semasa, pada 12 September 2021, Menteri Kanan Pendidikan Datuk Radzi Jidin mengumumkan pengoperasian sekolah secara bersemuka seawal 3 Oktober 2021 berdasarkan Fasa yang dicapai oleh negeri berdasarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) (Madiha Abdullah dan Ridaudin Daud, 2021).

Negeri Fasa 1:

Semua institusi pendidikan ditutup dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara PdPR sahaja. Tiada sekolah dibuka untuk negeri dalam Fasa 1, sama ada di SK atau SMK dan mereka perlu terus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara PdPR (Madiha Abdullah dan Ridaudin Daud, 2021).

Negeri Fasa 2:

Semua institusi pendidikan ditutup kecuali untuk golongan MBK dan PPKI sahaja. Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan secara PdPR sahaja. Hanya kelas peperiksaan sahaja dibenarkan ke sekolah. Untuk sekolah kebangsaan, hanya murid MBK (Murid Bekeperluan Khas), anak-anak istimewa di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan juga murid PPKI (Program Pendidikan Khas Integrasi) yang akan hadir ke sekolah tanpa penggiliran. Murid Tingkatan Enam

semester dua dan IBD Tahun Dua, murid di sekolah asrama penuh dan murid kelas peperiksaan antarabangsa juga akan hadir ke sekolah tanpa penggiliran. Murid prasekolah, tadika swasta, pusat perkembangan minda umur empat hingga enam tahun serta sekolah kurang murid iaitu kapasiti kurang 150 murid juga akan hadir ke sekolah tanpa penggiliran. Manakala murid lain akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) (Madiha Abdullah dan Ridauddin Daud, 2021).

Negeri Fasa 3:

Semua institusi pendidikan di bawah KPM dibuka secara berperingkat tertakluk kepada ketetapan KPM dan penilaian risiko semasa. Murid berkeperluan khas (MBK) dan juga Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah rendah akan meneruskan sesi persekolahan bermula tarikh berkenaan manakala murid lain akan meneruskan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Bagi sekolah menengah pula, semua murid akan meneruskan PdPR, manakala pelajar Tingkatan 6 semester 2 dan program pra universiti akan hadir tanpa penggiliran. MBK dan PPKI bagi sekolah menengah juga akan hadir seperti biasa tanpa penggiliran termasuk pelajar kelas antarabangsa dan juga murid kelas peperiksaan awam di sekolah harian dan swasta (Madiha Abdullah dan Ridauddin Daud, 2021).

Negeri Fasa 4:

Semua institusi pendidikan dibuka sepenuhnya, tertakluk kepada penilaian risiko semasa (Madiha Abdullah dan Ridauddin Daud, 2021). Dari segi penggiliran pula, bermula 3 Oktober 2021, sistem penggiliran murid akan dilaksanakan dengan kehadiran murid ke sekolah 50 peratus daripada enrolmen keseluruhan kelas bagi mengurangkan jumlah dalam kelas dan risiko penularan COVID-19 (Melakahariini 2021). Beberapa pengecualian bagi penggiliran murid di sekolah iaitu murid berkeperluan khas, murid

tingkatan 6 atau kelas peperiksaan, murid sekolah asrama penuh, murid pra sekolah dan tadika an juga sekolah dengan murid yang tidak ramai (Ahmad Suhael Adnan, 2021).

Persekolahan secara bersemuka dilaksanakan kepada semua negeri yang telah memasuki fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sehingga cuti akhir tahun (Zaidi Mohd Noor, 2021) yang bermula pada 10 Disember 2021 bagi kumpulan A dan 11 Disember 2021 bagi kumpulan B sehingga 31 Disember 2021. Sesi persekolahan penggal 3 2021 akan bermula pada 2 Januari hingga 20 Mac 2021 bagi kumpulan A dan 3 Januari hingga 21 Mac 2021 bagi kumpulan B (Muhaamad Hafis Nawawi, 2021).

Bagaimanapun, sesi persekolahan penggal ketiga 2021/2022 ditangguhkan selama seminggu berikutan banjir besar yang melanda beberapa negeri di seluruh negara. Berikutan itu, sesi persekolahan bagi sekolah Kumpulan A akan bermula pada 9 Januari 2022 dan keesokannya bagi Kumpulan B (Rohaniza Idris, 2021).

Negeri Kelantan dan Sarawak diumumkan memasuki fasa 4 pelan pemulihan negara bermula 3 Januari 2021 (Afiezy Azaman, 2021). Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menyatakan keputusan itu dibuat setelah mengambil kira penilaian risiko semasa yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) (Nor Azizah Mokhtar, 2021). Dengan ini, semua negeri di seluruh negara telah pun memasuki fasa 4 Pelan pemulihan Negara dan akan menjalani sesi persekolahan secara bersemuka pada persekolahan penggal 3 yang dijadualkan bermula 9 Januari 2022 mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan menetapkan sesi Persekolahan Penggal 3, 2021/2022 bermula 9 dan 10 Januari 2022 bagi murid sekolah rendah adalah seperti berikut (Maisarah Sheikh Rahim, 2021b):

- Kumpulan murid yang perlu hadir secara bersemuka tanpa penggiliran melibatkan murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah kebangsaan pendidikan khas (SKPK) dan program pendidikan khas integrasi (PPKI).
- Murid prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 6 serta semua murid bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) hadir tanpa penggiliran
- Murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 hadir secara penggiliran.

Bagi sekolah menengah pula, Kementerian Pendidikan menetapkan sesi Persekolahan Penggal 3, 2021/2022 bermula 9 dan 10 Januari 2022 adalah seperti berikut (Maisarah Sheikh Rahim, 2021b):

- Murid MBK di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan PPKI hadir secara bersemuka tanpa penggiliran.
- Murid kelas peralihan, Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6, prauniversiti, International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP) serta kelas peperiksaan antarabangsa yang setara juga hadir secara bersemuka tanpa penggiliran sekiranya kadar vaksinasi lengkap dalam kalangan kumpulan murid tersebut di institusi berkenaan mencapai 90 peratus atau lebih.
- Pengoperasian institusi pendidikan yang belum mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus atau lebih kekal secara penggiliran dan senarai institusi yang belum mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus akan dikeluarkan pada setiap hari Rabu.
- Mana-mana institusi pendidikan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus akan dikeluarkan daripada senarai tersebut dan institusi boleh mula beroperasi pada hari Ahad atau Isnin minggu berikutnya tanpa penggiliran.

- Bagi murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 pula, kehadiran adalah secara penggiliran (sekolah menengah harian).
- Sekolah harian dan sekolah swasta, termasuk sekolah ekspatriat yang mempunyai enrolmen kurang daripada 300 murid beroperasi sepenuhnya dengan kehadiran secara bersemuka tanpa penggiliran.
- Bagi sekolah ekspatriat yang enrolmen melebihi 300 murid, permohonan boleh dikemukakan kepada KPM untuk beroperasi sepenuhnya dan penilaian akan dibuat sebelum kelulusan diberikan.
- Bagi sekolah berasrama sepenuhnya, murid Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6, prauniversiti, IBDP dan kelas peperiksaan antarabangsa yang setara hadir secara bersemuka tanpa penggiliran.
- Murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 di sekolah berasrama sepenuhnya mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Kementerian Pendidikan menetapkan pengoperasian Kolej Vokasional bagi murid Sijil Vokasional Malaysia, Sijil Kemahiran Malaysia, Sistem Latihan Dual Nasional dan Diploma Vokasional Malaysia adalah secara bersemuka tanpa penggiliran mulai 9 Januari 2022. Bagi pengoperasian kolej matrikulasi pula pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka bermula pada 9 Januari 2022 untuk Program Matrikulasi Sistem Dua Semester dan Program Matrikulasi Sistem Empat Semester. Bagi Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, semua program pengajian akan memulakan kuliah secara bersemuka mulai 6 Februari 2022, mengikut kalendar akademik yang sedang berkuat kuasa. Murid kolej matrikulasi dan IPG yang menerima vaksin lengkap sahaja dibenarkan kembali ke kolej atau kampus, selaras dengan Garis Panduan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi 3 (Maisarah Sheikh Rahim, 2021b).

Persekolahan bagi sesi 2022/2023 pula bermula 21 Mac 2022 di seluruh negara. Bagi sekolah rendah yang jumlah muridnya melebihi 600 orang perlu melaksanakan penggiliran bagi murid tahun 3, 4 dan 5 manakala murid lain hadir sepenuhnya. Bagi sekolah rendah yang jumlah muridnya tidak melebihi 600 orang, semua murid hadir ke sekolah tanpa penggiliran. Bagi sekolah menengah pula, bermula 21 Mac hingga 3 April 2022, semua murid sekolah menengah kebangsaan harian melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dan sekolah menengah berasrama penuh hadir ke sekolah secara bersemuka. Bermula 4 April 2022, semua murid sekolah menengah kebangsaan harian hadir ke sekolah secara bersemuka. Manakala bagi sekolah menengah berasrama penuh pula, semua murid akan masuk ke asrama tanpa penggiliran bermula 4 April 2022 untuk murid tingkatan 2, 3, 4, 5, 6, Pra Universiti. Bagi murid tingkatan 1 sekolah berasrama penuh, murid boleh memilih untuk pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) atau menumpang di sekolah harian yang terdekat. Bagi kolej vokasional, sesi persekolahan berlangsung tanpa penggiliran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022).

Pada 8 April 2022, Menteri Kanan Pendidikan mengumumkan bermula 17 April 2022, sesi persekolahan bagi murid sekolah rendah akan dijalankan secara bersemuka sepenuhnya tanpa penggiliran bagi negeri kumpulan A dan bermula 18 April 2022 bagi negeri kumpulan B (Nor Azizah Mokhtar, 2022). Seterusnya pada 28 April 2022, Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan pendaftaran secara fizikal kemasukan ke sekolah khusus bagi Tingkatan 1 dan 4 yang membabitkan ambilan baharu dan rayuan bagi Tingkatan 1 dan ambilan rayuan bagi Tingkatan 4 ditetapkan pada 13 hingga 16 Mei 2022 (Sinar Harian, 2022 dan Mohd Husni Mohd Nor, 2022). Dengan ini, bermula 17 Mei 2022, semua sekolah sama ada sekolah rendah, sekolah menengah kebangsaan harian dan juga sekolah berasrama penuh menjalankan persekolahan secara fizikal sepenuhnya.

2.6 PEMBELAJARAN SECARA MAYA KETIKA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA

Menurut Mahizer Hamzah, perkembangan pembelajaran dalam talian di sekolah sudah bermula apabila KPM memperkenalkan Sekolah Bestari bermula dengan 88 sekolah. Ia kemudian diperluaskan kepada semua sekolah melalui Pembestarian Sekolah, seterusnya memperkenalkan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog dan sekarang Pelantar Pembelajaran Digital. Sebelum ini, guru menggunakan pembelajaran dalam talian ini sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan dalam bilik darjah di sekolah. Namun, pada peringkat awal penggunaannya, ia amat terbatas dan tidak semua guru menggunakannya. Kebanyakan guru menjadikan pelantar pembelajaran dalam talian sebagai repositori untuk murid mendapatkan bahan pembelajaran dalam bentuk persembahan *Power Point* dan nota dalam format PDF. Namun demikian, pelaksanaan pemantauan penggunaan di setiap sekolah yang dijalankan oleh KPM telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan pembelajaran dalam talian ini. Pembelajaran secara maya di Malaysia digunakan secara meluas dan merupakan medium utama semasa wabak Covid melanda Negara. Ia dilaksanakan sama ada di peringkat tinggi atau pun rendah ekoran daripada penutupan semua institusi pendidikan dan perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Menurut Anuar Ahmad, bukan semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian memandangkan pembelajaran dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar dan kawasan pedalaman. Memandangkan tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik di kediaman masing-masing khususnya di kampung atau pedalaman, maka pembelajaran dalam talian secara terus seperti aplikasi *zoom* mungkin menjadi pilihan kedua. Pilihan yang lebih baik adalah yang bukan *'real*

time' seperti *Google Classroom*, *Telegram* dan sebagainya. Krisis yang berlaku akibat penularan wabak covid-19 telah memperlihatkan bahawa bidang pembelajaran secara dalam talian belum mencapai tahap yang memuaskan dan memerlukan tindakan daripada pihak yang berkenaan. Penulis berpandangan bahawa Malaysia belum bersedia sepenuhnya menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian kerana kekurangan prasarana dan capaian internet terutamanya di kawasan luar bandar. Jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah sebagai pilihan, namun ianya menjadi keperluan sejak penguatkuasaan PKP. Pendidik perlu menyediakan bahan pengajaran sebelum melaksanakan pembelajaran dalam talian dan menguasai kemahiran dalam teknologi maklumat, pedagogi dan penilaian secara dalam talian. Shatar Sabran mengakui penggunaan pembelajaran dalam talian belum mencapai tahap yang memuaskan. Apabila berlaku krisis akibat penularan wabak covid-19, adalah lebih baik untuk membuat penilaian semula terhadap sistem pembelajaran yang sedia ada dan mengambil langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi keberkesannya (Sinar Harian, 2020a).

Menurut Guru Cemerlang Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar hampir 20 tahun, Halinda Nor Ismail, tempoh PKP yang dilanjutkan telah memberi kesan kepada pengajaran di sekolah terutama silibus yang ditetapkan KPM walaupun telah melaksanakan pembelajaran dalam talian menggunakan *google classroom* sejak PKP mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Ini berikutan kerana tidak semua pelajar menyertai kelas maya yang dilaksanakannya disebabkan pelbagai kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Antara halangan yang dihadapi oleh pelajar dari menyertai kelas maya adalah tidak dapat menyesuaikan diri memasuki kelas maya kerana suasananya berbeza daripada kelas harian biasa, tiada kemudahan internet dan alat peranti seperti telefon pintar, komputer riba atau komputer di rumah tambahan pula ramai di kalangan pelajarannya berasal daripada keluarga miskin bandar yang menyebabkan pengajaran dan

pembelajaran dalam talian sukar dioptimumkan. Masalah capaian internet bukan sahaja dihadapi oleh pelajar sahaja, bahkan oleh guru yang tinggal di luar bandar. Guru juga menghadapi masalah kurang menguasai kemahiran penggunaan teknologi maklumat bagi membolehkan mereka menyampaikan bahan pengajaran dalam talian (Sinar Harian, 2020a)

Menurut Aghata Wong tidak semua pelajar mempunyai kemudahan alat peranti di rumah terutamanya dari golongan berpendapatan rendah menyebabkan guru tidak dapat memantau semua pelajar. Guru berusaha menggunakan apa sahaja kaedah yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan murid dan memberi tugas, namun bukan semua murid mempunyai telefon pintar dan ibu bapa mereka pula sibuk kerana bekerja dan tidak dapat meluangkan masa untuk memberi perhatian terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Theresa Wong Kooi Choon menyebut maklum balas daripada pelajar kurang menggalakan ketika melaksanakan pembelajaran dalam talian sama ada secara terus seperti zoom atau tertangguh seperti *whatsapp* dan *telegram* kerana sesetengah pelajar tidak memberi maklum balas. Sesetengah pelajar mempunyai masalah dari segi capaian internet yang lemah. Kamalakannan Letchmanan menyebut hanya 2/3 daripada pelajarnya mengikuti pelajaran atas talian yang mana boleh menghantar kerja sekolah melalui *WhatsApp* atau *Google Clasroom* yang mana mereka boleh memuat turun dokumen, lengkapkan dan kemudian memuat naiknya semula ke platform manakala 1/3 daripada murid tidak melakukan tugas yang diberi kerana kesilapan teknikal seperti masalah penyiaran dan isu-isu bunyi manakala kekurangan akses internet dan data merupakan isu lain yang dihadapi dalam melaksanakan pembelajaran atas talian (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020).

Menurut Azizi Ahmad (2020), pengajaran dan pembelajaran secara maya sewaktu PKP berada pada skala yang belum diuji kerana belum pernah terjadi sebelum ini. Pentaksiran yang dijalankan secara dalam talian kebanyakannya secara percubaan

dan tidak kepastian untuk semua orang. Pembelajaran secara maya sebelum ini melalui *Frog VLE* dan kini *Google Classroom* tidak digunakan secara meluas dan hanyalah pilihan. Pelaksanaan pembelajaran secara maya sewaktu PKP secara meluas menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan. Gangguan ini bukan sahaja menjadi masalah jangka pendek, tetapi juga boleh menyebabkan akibat jangka panjang bagi pelajar yang terjejas dan ini mungkin meningkatkan isu ketidaksamaan. Pembelajaran yang dijalankan hanyalah mengikut kesesuaian pada pandangan pendidik itu sendiri bagi memastikan pengajaran dan pemudahcaraan tidak terhenti sewaktu PKP, manakala bengkel atau kursus tidak disediakan terlebih dahulu untuk para guru menunjukkan seolah berada di wilayah baru. Penulis berpandangan, pemimpin pendidikan perlu memastikan pendekatan pengajaran dalam talian dapat dilaksanakan untuk pelajar mereka bagi memastikan pengajaran dan pemudahcaraan berjalan dan tidak terhenti akibat sekolah ditutup ketika PKP. Tinjauan berkaitan bilangan pengguna di rumah, ketersediaan peranti untuk setiap kanak-kanak dan akses internet adalah maklumat penting bagi memastikan pelajar dapat mengikuti pembelajaran secara maya. Begitu juga dengan tahap kecekapan guru untuk pengajaran dan pembelajaran di atas talian. Jawatankuasa Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) mengenai TMK dan lain-lain perlu membantu membuat dan memantau pentaksiran dan latihan untuk pelajar. Pendidik yang kurang menguasai kemahiran teknologi boleh dipasangkan dengan guru yang sudah biasa dengan aplikasi seperti perisian *Skype*, *Zoom*, *Google Meet* dan *Microsoft Teams* dengan tujuan pembinaan dan perkongsian idea dan pengetahuan. Pendidik juga perlu mempunyai peranti yang sesuai dan capaian internet yang stabil untuk menjalankan pengajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian. Perancangan dan jadual pengajaran juga perlu disusun dengan teliti kerana pendidik guru juga mempunyai keluarga sendiri dan kini perlu mengimbangi keperluan keluarga mereka. Ibu bapa sekarang perlu memainkan peranan besar dalam proses pembelajaran anak-

anak mereka. Semua ini memerlukan dan mengkehendaki sejumlah keberanian dan dedikasi yang tinggi dan kesungguhan dari pendidik, guru dan pemimpin pendidikan berbanding orang lain dalam perkhidmatan awam di seluruh negara.

Menurut Rosninawati Hussin (2020) pengajaran dan pemudahcaraan secara bersemuka antara guru dan pelajar semasa PKP digantikan secara dalam talian melalui pelbagai aplikasi seperti *Zoom*, *Skype*, *MS Team*, *Google Hangout*, *Whatsapp*, *Google Meet* dan macam-macam lagi aplikasi ada disediakan untuk menyokong pembelajaran norma baharu ini. Bagaimanapun, sesetengah aplikasi ini masih dianggap baru bukan sahaja bagi sesetengah pelajar, bahkan juga bagi sesetengah guru. Oleh itu, mereka perlu diberi latihan yang intensif untuk memastikan pengajaran mereka berkesan kepada pelajar. Pendidik juga perlu belajar menguasai kemahiran asas teknologi. Pembelajaran secara dalam talian yang dituntut semasa norma baharu ini bukanlah suatu yang janggal, bahkan ianya selari dengan objektif pembelajaran abad ke 21(PAK21) yang melatih pelajar menjadi menjadi lebih komunikatif, kolaboratif, kreatif dan kritis berfikir. Fungsi guru pula bukan sahaja sekadar memberi ilmu, malah peranan mereka ditambahbaik dengan gelaran moderator yang bukan sahaja mengajar tetapi mendidik pelajar untuk mendapatkan ilmu. Guru memberi panduan bagaimana pelajar boleh mendapat ilmu dari pelbagai sumber dan kemudian dipersembahkan melalui aplikasi khas untuk pendidikan yang tersedia dalam talian. Guru perlu kreatif mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih seronok seperti mengarahkan pelajar mencari sendiri topik yang dibincangkan dalam talian melalui *Wikipedia* dan *Google* yang mungkin menjadi rujukan utama pelajar walaupun berkemungkinan sumber daripada *Wikipedia* tidak sahih namun, *Google* adalah portal carian popular yang pelajar boleh guna untuk mencari rujukan yang lebih meyakinkan. Malah, beberapa penerbit buku juga ada mendigitalkan buku teks sebagai e-book untuk rujukan dalam talian. Ini memudahkan pelajar untuk membuat rujukan. Rumusan dari pembacaan *e-book*, pelajar boleh mereka

peta minda melalui aplikasi *XMind*, tugas ini boleh juga dilakukan secara berkumpulan, yang mana kemahiran berkomunikasi, bekerja secara berkumpulan dan kepimpinan dapat diasah. Antara kemahiran teknologi maklumat (IT) yang boleh diasah kepada pelajar untuk menyediakan pembentangan tugas yang diberi melalui *Keynote* atau pelajar juga boleh melakukan pembentangan secara digital dengan berkongsi skrin (*screen sharing*).

Menurut Muzaffar Syah Mallow (2020) terdapat usaha untuk melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya beberapa tahun lepas namun tidak semua pihak yang benar-benar melakukannya. Semua pihak mula menggunakan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi untuk melakukan proses pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian selepas penularan wabak COVID-19 awal tahun 2020. Penulis berpendapat kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi perlu merangka satu polisi jangka panjang untuk terus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian demi kebaikan semua pihak terutamanya pelajar. Selain membendung penularan wabak COVID-19, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian perlu dilaksanakan sepenuhnya di negara ini kerana dapat memberi banyak manfaat dan faedah kepada semua pihak terutamanya pelajar. Ia juga dapat mengurangkan penggunaan bahan-bahan seperti kertas. Di samping itu, pelajar juga dapat didedahkan dengan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi terkini yang boleh mengasah bakat dan kemahiran mereka untuk menghadapi dunia moden masa kini. Masalah kekurangan akses kepada internet dan juga kemudahan lain yang menjadi cabaran atau kelemahan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara maya seharusnya tidak dilihat sebagai batu penghalang bagi melaksanakan sepenuhnya kaedah moden ini. Masalah yang menjadi penghalang kepada pelaksanaan kaedah ini perlu diatasi dan dibuat penambahbaikan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran moden ini dapat dilaksanakan

sepenuhnya pada masa akan datang dan bukan hanya menggunakannya ketika menghadapi waktu kecemasan sahaja.

Menurut Mahizer Hamzah, pandemik COVID-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama. Ini adalah berdasarkan situasi semasa hari ini golongan terlibat seperti murid, pelajar, penuntut universiti, tenaga pengajar serta ibu bapa sudah boleh menerima pembelajaran secara maya sebagai antara pendekatan yang boleh digunakan baik untuk PdPc mahupun PdP. Pandemik ini juga telah memperlihatkan kepada banyak pihak mengenai faktor-faktor yang perlu diberi pertimbangan dalam pelaksanaan pembelajaran secara maya bagi memastikan pelaksanaan kaedah ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini termasuklah kemampuan ibu bapa menyediakan peranti yang bersesuaian dan akses Internet untuk kegunaan pembelajaran anak, kesediaan guru melaksanakan pengajaran sepenuhnya secara dalam talian, bahan pengajaran yang mencukupi, sistem penjadualan serta alternatif lain kepada pelajar dan guru yang tidak mempunyai akses kepada kemudahan ini. Penulis menyifatkan proses penerimaan pembelajaran secara maya lebih mudah berbanding memastikan ia kekal dilaksanakan. Oleh itu, kumpulan minat khas (SIG) yang diwujudkan secara sukarela oleh guru boleh dijadikan antara platform untuk menyokong dan menggalakkan rakan-rakan dalam bidang pendidikan untuk terus menerbitkan bahan pengajaran sendiri secara dalam talian (Shanika Abdullatib, 2020).

Selain usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang giat menerbitkan video-video pengajaran untuk *TV Pendidikan* dan *EduWebTV*, pelancaran pelantar pembelajaran digital secara tunggal baharu yang dikenali sebagai DELIMa (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) yang disokong oleh tiga rakan strategik iaitu *Apple*, *Microsoft* dan *Google* bukan hanya sekadar pelantar kepada proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga bertindak sebagai ruang perkongsian dan kolaborasi antara

guru pada 15 Jun 2020 bagi menggantikan platform Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (*Frog VLE*), turut dilihat sebagai satu langkah ke hadapan. Namun begitu, untuk jangka masa panjang satu pelantar pembelajaran digital yang dapat menyokong pengajaran, pembelajaran serta sistem pentaksiran yang sesuai dengan keperluan pendidikan negara perlu diwujudkan. Masih ramai guru yang memerlukan bimbingan baik dari segi teknikal mahupun reka bentuk instruksional yang sesuai dalam pembinaan bahan digital dan ini memerlukan sistem sokongan yang kukuh bagi membantu mereka. Penulis turut berpendapat Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan Negeri perlu diperkasa untuk membantu dalam aspek latihan dan nasihat terutama dalam bidang teknikal dan rekabentuk instruksional, beliau berkata pusat sokongan daerah yang dilengkapi kemudahan untuk latihan, peralatan serta tenaga pengajar yang berkecukupan bagi membantu guru serta sekolah di peringkat daerah juga wajar diwujudkan. Begitu juga dengan repositori (pusat penyimpanan dan penyelenggaraan data) bahan pembelajaran digital yang mengumpulkan semua bahan digital yang telah dibina oleh guru juga perlu diwujudkan agar ia boleh diakses oleh lebih ramai guru dan pelajar (Shanika Abdullatib, 2020).

Menurut Dzulkifli Abdul Razak, terdapat banyak perkara yang perlu diperhalusi dan dititikberatkan bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya benar-benar berkesan. Perkara yang paling utama adalah semua pelajar mendapat akses pembelajaran yang sama rata dan adil. Jika masih terdapat pelajar yang tinggal di pedalaman, luar bandar atau dimana saja pun yang menghadapi masalah untuk mendapat akses internet yang baik, ianya adalah tidak adil dan memberi kesan jangka panjang apabila kaedah pelaksanaan ini dijalankan secara berterusan kerana sudah pasti golongan ini akan terus ketinggalan (Shanika Abdullatib, 2020).

Wan Marzuki Wan Jaafar pula berpandangan penambahbaikan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan norma baharu ini. Capaian

atau akses terhadap internet yang berkelajuan tinggi perlu dipertingkatkan memandangkan pembangunan prasarana ini penting bagi mengelak sebarang gangguan akibat kelemahan perkhidmatan. Kerajaan dan penyedia perkhidmatan internet perlu sentiasa memastikan liputan yang bersesuaian termasuklah penambahbaikan teknologi yang digunakan seperti daripada 4G kepada 5G. Alat peranti yang digunakan juga mestilah bersesuaian termasuklah komputer, *WebCam* dan mikrofon berkualiti tinggi kerana ia penting untuk memastikan proses komunikasi yang berlaku tidak ada gangguan. Guru atau tenaga pengajar mestilah menguasai kemahiran menggunakan teknologi bagi menyediakan bahan bantu mengajar dan juga melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan. Mereka juga perlu kreatif dan inovatif dalam mengendalikan platform PdPc dan PdP dalam talian agar dapat menarik minat pelajar dan menjadikan mereka terus bermotivasi untuk terus belajar (Shanika Abdullatib, 2020).

Mansor Abu Talib yang merupakan Timbalan Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia (Perkama) (2020) menyebut:

- Laporan kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diterbitkan pada Ogos lepas mendedahkan sekurang-kurangnya satu pertiga pelajar terkesan di seluruh dunia kerana tidak memiliki akses pendidikan maya apabila sekolah ditutup akibat penularan COVID-19.
- Laporan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) turut menyatakan secara keseluruhannya, dianggarkan 463 juta kanak-kanak berdepan kekurangan kelengkapan atau akses elektronik bagi meneruskan pembelajaran jarak jauh di samping kira-kira 1.5 bilion kanak-kanak di seluruh dunia terkesan dengan perintah berkurung atau penutupan sekolah disebabkan pandemik itu.
- Berdasarkan data terkumpul dari kira-kira 100 negara bagi mengukur akses awam kepada internet, televisyen dan radio termasuk garis perbezaan

geografi, perbezaan ketara didapati membabitkan akses kanak-kanak kepada pendidikan, dengan jumlah terkesan berkurangan di Eropah berbanding Afrika atau beberapa bahagian di Asia.

- Laporan itu turut menyatakan daripada keseluruhan pelajar seluruh dunia yang tidak memiliki akses pendidikan maya, 67 juta adalah di timur dan selatan Afrika, barat dan tengah Afrika (54 juta), Pasifik dan Asia Timur (80 juta), Asia Barat dan Afrika Utara (37 juta), Asia Selatan (47 juta) dan di Amerika Latin dan Caribbean (13 juta).
- UNICEF turut melaporkan kanak-kanak yang memiliki akses mencukupi juga berdepan cabaran lain bagi pendidikan jarak jauh, sama ada kurang ruang belajar yang baik di rumah atau kurang sokongan teknikal apabila komputer berdepan masalah (Shanika Abdullatib, 2020).

Menurut Ahmed Harith, sesi pembelajaran maya memerlukan beberapa peralatan yang menjadi kemestian untuk dimiliki oleh mereka yang terlibat bagi memastikan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan. Antaranya komputer, capaian jalur lebar dan juga mesin pencetak. Terdapat ibu bapa yang memerlukan lebih masa untuk menyediakan alatan tersebut untuk pembelajaran anak-anak mereka (Syahidatul Akmal Dunya, 2020).

Menurut Zuraidah Abdullah, pelaksanaan pembelajaran secara maya sewaktu perintah kawalan pergerakan (PKP), majoriti murid dan pelajar di bandar tidak berdepan masalah menggunakan telefon pintar sebagai alat bantuan pembelajaran tetapi masalah ini dihadapi oleh pelajar dari keluarga B40 terutamanya di pinggir bandar, luar bandar dan pedalaman, kerana faktor ekonomi keluarga. Hasil kajian temu bual yang dijalankan penulis juga mendapati ibu bapa golongan B40 ini tidak mengetahui cara mengendalikan pembelajaran anak-anak di rumah sepanjang PKP. Penulis berpendapat

bahawa sebahagian besar murid, pelajar, guru dan ibu bapa belum bersedia sepenuhnya. Kaedah pembelajaran maya ketika ini hanya berada pada tahap sederhana memuaskan disebabkan beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dan pelajar terutamanya dari segi kemudahan prasarana (komputer, komputer riba, tab dan telefon pintar) serta capaian Internet. Walaupun sebelum ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah melatih guru-guru dengan pelbagai kaedah pembelajaran dalam talian, tetapi kaedah ini hanya sebagai alat atau bahan bantu mengajar guru. Guru juga diberi pilihan untuk mengaplikasikan kaedah pembelajaran maya pembelajaran secara maya ini tidak diberi tumpuan yang serius. Untuk memastikan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan, kreativiti guru diperlukan kerana pelaksanaan kaedah ini merupakan medium utama pembelajaran. Guru juga perlu mempunyai perancangan yang teliti termasuk berkongsi bersama rakan sejawat lain dalam menyediakan modul dan penjadualan pembelajaran sebelum melaksanakan pembelajaran dalam talian supaya guru dapat meningkatkan kemahiran pedagogi, teknologi maklumat dan yang paling penting penilaian dalam talian. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu melakukan anjakan paradigma untuk menguasai ilmu pengetahuan teknologi maklumat terkini bagi menangani masalah ini (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020).

Menurut Mahizer Hamzah, bagi memastikan pembelajaran dalam talian yang berkesan, disiplin murid yang tinggi serta sokongan dan dorongan yang kuat daripada guru dan ibu bapa diperlukan. Persekitaran di rumah yang tidak sesuai untuk pembelajaran, bahan pembelajaran tidak menarik, masalah capaian internet, kegagalan peralatan teknologi yang digunakan, penjadualan tidak sesuai, kurang sokongan ibu bapa dan murid yang lemah dalam mata pelajaran merupakan antara faktor yang menyumbang kepada hilang tumpuan murid terhadap pembelajaran. Guru boleh menyediakan bahan pembelajaran yang menarik dan sesuai, sama ada dalam bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya bagi meningkatkan perhatian dan

kehadiran murid ketika pembelajaran dalam talian. Bagi memudahkan murid memproses maklumat dan mengurangkan masa pembelajaran mereka, kandungan pelajaran yang banyak juga boleh dipecah kecil. Guru juga boleh menggunakan aktiviti permainan dalam talian yang bersesuaian bagi meningkatkan tumpuan murid dan pemberian ganjaran bagi setiap aktiviti atau soalan yang dapat dijawab oleh murid boleh meningkatkan motivasi untuk belajar. Guru juga perlu merakam pengajaran yang dilaksanakan secara sinkronus bagi mengelak murid tercicir. Ibu bapa juga tidak terkecuali memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran anak dengan menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa. Selain itu, ibu bapa juga perlu bersedia memainkan peranan sebagai fasilitator serta memberi galakan dan motivasi kepada anak, mewujudkan jadual pembelajaran yang khusus di rumah juga membantu anak menguasai pelajaran (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Menurut Anuar Ahmad yang juga penerima anugerah guru cemerlang, pembelajaran dalam talian sebenarnya sudah bermula sebelum PKP lagi. Antaranya Cikgootube yang dikendalikan sekumpulan guru dari seluruh negara yang berkongsi bahan pengajaran mereka mengikut subjek melalui *YouTube*, portal *MOE-DL.EDU.MY* yang menyediakan pelbagai maklumat yang boleh digunakan secara percuma, Program Khidmat Bantu Pengintegrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan KPM anjuran *Digital Classroom* yang disediakan oleh KPM serta pelbagai lagi yang KPM sediakan secara percuma. Penulis berpandangan kaedah pembelajaran secara dalam talian merupakan platform yang terbaik bagi memastikan sesi pembelajaran diteruskan terutamanya ketika PKP. Namun kaedah ini juga menghadapi beberapa kekangan terutamanya murid di kampung dan pedalaman. Hasil dapatan kajian oleh KPM, sebanyak 36.9 peratus murid di seluruh negara tidak mempunyai sebarang peranti elektronik. Selain itu, kelajuan internet antara

isu utama yang dihadapi murid ketika proses PdPc di rumah selepas PKP dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020. Hal begini pasti membuatkan objektif pembelajaran hanya dapat dicapai oleh golongan tertentu (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Sistem e-pembelajaran sebenarnya bukan sesuatu yang baharu di Malaysia yang sudah segandingan dengan negara maju, cuma ia agak kurang popular sebelum ini dan hanya menjadi keperluan ketika PKP. Daripada kaji selidik KPM, didapati pemilikan peranti elektronik seperti komputer dan telefon pintar untuk membolehkan PdPc dilaksanakan di rumah agak terhad. Hanya enam peratus murid mempunyai komputer peribadi, tablet (5.67 peratus), komputer riba (9 peratus) dan telefon pintar (46 peratus). Untuk memastikan objektif tercapai dan sampai ke golongan sasaran iaitu murid, KPM perlu meneliti kaedah terbaik dalam menghadapi kekangan itu. Guru-guru juga perlu menetapkan kaedah terbaik yang lebih sesuai untuk diguna pakai dalam memastikan proses pembelajaran diteruskan dan dapat dicapai dengan baik oleh golongan sasaran. Ibu bapa perlu memainkan peranan menyediakan proses pembelajaran untuk anak di rumah. Cabaran kepada pendidik adalah untuk menyediakan ruang e-pembelajaran bagi menjayakan transformasi pengalaman pembelajaran dari persekitaran sebenar kepada persekitaran pembelajaran secara maya manakala cabaran kepada murid pula, mereka harus lebih berdisiplin dan bersedia untuk belajar secara sendiri, perlu lebih bertanggungjawab terhadap pengalaman pembelajaran mereka sendiri. Keseluruhannya, murid perlu menghadiri program secara konsisten, memberi tumpuan semasa belajar dan memberi komitmen sepenuhnya. Jika murid sendiri tidak komited, maka e-pembelajaran akan gagal meningkatkan kualiti pembelajaran murid itu sendiri (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020)

Menurut Nor Fauziana Mohd Salleh (2020), pengajaran dan pembelajaran secara atas talian merupakan suatu keperluan di Malaysia ketika sekolah ditutup ketika

perintah kawalan pergerakan dilaksanakan ekoran dari wabak COVID-19 yang melanda di seluruh negara. Pelbagai aplikasi atau platform digital yang bersesuaian boleh digunakan seperti *Whatsapp*, *Google Classroom*, *Zoom*, *Webex*, *YouTube* dan sebagainya untuk meneruskan aktiviti PdP meskipun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diarahkan oleh kerajaan. Kaedah PdP secara atas talian ini menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi maklumat, penyediaan peranti digital dan akses capaian internet yang berkualiti serta penyediaan kaedah penilaian yang bersesuaian bagi mengukur pencapaian pelajar. Justeru itu, semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu iaitu kaedah PdP secara atas talian secara menyeluruh semasa tempoh PKP ini demi kelangsungan proses PdP pelajar.

Izzat Akram Ibrahim (2020) berpandangan bahawa pengadaptasian pendidikan maya di negara ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tidak begitu memuaskan. Ini disebabkan oleh pelbagai masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan pelajar ketika mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara maya. Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah suasana pembelajaran yang tidak kondusif. Strategi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mengutamakan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta persekitaran yang selesa. Dari sudut positif bagi pembelajaran secara dalam talian, ia berperanan melahirkan pelajar yang berdikari dan aktif dengan segala perancangan awal. Namun, pembelajaran kondusif menentukan suasana pembelajaran yang proaktif dan menyeronokkan dengan pelbagai cara termasuk e-pembelajaran. Suasana pembelajaran yang tidak kondusif tidak dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang proaktif dan menyeronokkan. Masalah capaian internet juga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran secara maya. Statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan pada 2019 menunjukkan capaian internet tidak memuaskan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Begitu juga dengan masalah alat

peranti dan pakej data yang harganya masih mahal diperlukan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara maya yang kebanyakannya dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan kurang berkemampuan.

Menurut Muniroh Hamat et al. (2020) ekoran penutupan semua institusi pendidikan ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) akibat Pandemik COVID-19 memerlukan perubahan terhadap sistem pendidikan seiring dengan kebiasaan baharu. Kita perlu mencari tindakan dan penyelesaian yang kreatif untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu ini dan masa hadapan. Walaupun kita tidak ada penyelesaian dan dasar yang sempurna, kita harus mencuba sehabis baik. Kita wajib melindungi pendidikan dan masa hadapan anak-anak kita sewaktu krisis COVID-19 ini dan pembelajaran maya dilihat sebagai solusi terbaik untuk menghadapi kebiasaan baharu yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia. Corak pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan sebelum ini perlu diubah kepada sesuatu yang lebih fleksi dengan berani mencuba pelbagai aplikasi/teknologi semasa dan seterusnya hasil pembelajaran masih boleh dicapai oleh pelajar.

Menurut Anim Zalina Azizan (2020) pelaksanaan pembelajaran secara maya sepanjang pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 merupakan ujian kepada keberkesanan teori connectivism yang dikatakan sebagai teori pembelajaran era digital, keupayaan para pendidik dan pelajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui amalan cybergogi. Ia juga adalah ujian kepada keberkesanan aktiviti PdP atas talian. Para pendidik diuji dengan keupayaan memasang strategi PdP untuk mencetuskan minat pelajar dalam penerokaan lebih jauh ke topik tertentu, juga diuji dengan keupayaan para pendidik menggunakan mekanik permainan untuk memotivasi, melibatkan diri dan membuat pelajar bertanggungjawab untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Manakala pelajar pula diuji dengan keupayaan memanfaatkan sifat pelajar abad ke-21 yang dilengkapkan dengan

teknologi, sambil menganjurkan tindakan, penggunaan dan tujuan teknologi yang sesuai. Pendekatan *cybergogi* sepatutnya mampu meningkatkan motivasi pelajar, meningkatkan kadar pengekalan yang lebih lama dan mengurangkan beban kognitif mereka. Melalui pendekatan *cybergogi*, pembelajaran segerak, pembelajaran tidak segerak dan secara luar talian boleh berlaku pada bila-bila masa. *Cybergogi* menawarkan lebih daripada satu saluran dan boleh dipelbagaikan mengikut keperluan pelajar dan kesediaan semua pihak yang terbabit.

Menurut Najmi Syahiran Mamat (2020), pembelajaran secara dalam talian yang dijalankan semasa PKP menjadikan guru lebih kreatif serta memanfaatkan penggunaan teknologi yang ada bagi memastikan pembelajaran anak didik mereka tidak terabai. Salah seorang guru di sekolah Menengah Kebangsaan, Faridah Matt memanfaatkan teknologi skrin hijau atau '*green screen*' untuk memudahkannya memberi penerangan kepada pelajar tentang sesuatu topik yang mana ianya dapat menarik minat pelajar dan menambah nilai dalam kandungan PdPc itu sendiri. Video yang dirakam dari rumah itu kemudiannya dimuat naik dan dikongsi menerusi akaun media sosial *YouTube* miliknya. Asas kemahiran menggunakan skrin hijau itu dipelajari daripada '*Cikgootube*', sekumpulan guru yang secara sukarela menerbitkan kandungan pembelajaran mereka sendiri di *YouTube* yang mana "Pasukan *Cikgootube* mempunyai lebih 3,000 guru dari semua negeri yang bergiat aktif dalam menghasilkan kandungan kreatif untuk *EduwebTv* dan TV. Kaedah tersebut dipilih setelah mengambil kira juga pelajar yang menghadapi kekangan pemilikan peranti dan capaian internet yang lemah di rumah mereka. Oleh sebab itu video PdPc serta '*live stream*' dimuat naik di *YouTube* supaya video dapat diakses oleh murid pada bila-bila masa dan video-video tersebut juga akan digunakan nanti selepas sekolah dibuka dengan kaedah '*flipped clasroom*'.

Arifah Raedah Muhamad Pauzi, yang juga merupakan salah seorang guru di sekolah menengah kebangsaan berpendapat bahawa ketika hampir semua guru di

Malaysia bertungkus lumus menyampaikan ilmu dalam pelbagai cara sepanjang PKP, murid juga perlu turut sama menyertai PdPc ini secara aktif. Menurutnya, guru-guru yang berminat dengan teknologi pendidikan semestinya menantikan saat-saat ini kerana sebenarnya kaedah penggunaan teknologi pendidikan sudah lama dijalankan secara berperingkat terutamanya melalui aplikasi *YouTube*. Murid-murid pula perlu berusaha untuk menyertai kelas secara talian yang disediakan oleh guru-guru. Bagi murid-murid yang susah mendapat akses internet, boleh mengikuti pembelajaran melalui aplikasi *WhatsApp* dimana hampir kebanyakan orang sudah memiliki telefon bimbit hari ini (Najmi Syahiran Mamat, 2020).

Mazlina Abdul Majid (2020) mencadangkan beberapa adaptasi dan aplikasi yang boleh diguna pakai ke arah pembelajaran akademik secara maya dengan lebih interaktif dan efektif dalam kebiasaan baharu bidang pendidikan. Antaranya:

1. Mencapai hasil pembelajaran melalui aktiviti dan aplikasi maya iaitu dengan membentuk aktiviti pembelajaran maya yang praktikal dan bermakna bagi pelajar mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus.
2. Menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang interaktif dengan mengolah bahan pengajaran dengan memasukkan suara, video atau simulasi bagi menjelaskan sesuatu pernyataan, menyusun teks dengan kemas, ringkas, jelas, dan tidak terlalu padat dalam satu halaman/slaid bagi memastikan pelajar tidak hilang fokus dan boleh memahami dengan cepat ketika pembacaan sendiri yang mana bahan pengajaran yang interaktif boleh dihasilkan dengan bantuan teknologi seperti *Focusky*, *iClone*, *Video Explainers*, *Wave* dan *Lively*.
3. Tempoh pembelajaran maya sewajarnya lebih pendek berbanding dengan bersemuka dan boleh digunakan untuk sesi soal-jawab dan perbincangan

bersama pelajar bagi menguji keberkesanan pembelajaran sendiri melalui aplikasi seperti *google form* atau *google classroom*.

4. Mempelbagaikan kaedah penilaian pembelajaran.
5. Membuat penilaian terhadap kuiz, tugas individu/ berkumpulan, tutorial, latihan makmal, ujian pertengahan tahun atau ujian akhir tahun secara maya dengan menggunakan kaedah maya yang tidak pernah dilakukan sebelum ini seperti kuiz maya, demonstrasi maya, menanda menerusi sistem, penceritaan digital, video perbentangan maya, rakaman suara atau webcast.
6. Antara tugas yang boleh diberikan untuk membuat penilaian ialah rakaman lakonan pendek, *Podcast* Pendidikan dalam bentuk audio, infografik, pameran hasil kerja secara dalam talian (*online*), pembelajaran berasaskan permainan (*Ed-Tech Games*) atau pelajar boleh memilih cara penilaian sendiri sebagai ganti kepada ujian formatif /sumatif yang berkonsepkan tradisional.
7. Mengalakkan pelajar untuk melakukan penilaian sendiri dari semasa ke semasa terdapat pemahaman kandungan kursus untuk memastikan hasil pembelajaran (*learning outcomes*) dapat dicapai di akhir sesi pembelajaran.
8. Mengubah corak pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan sebelum ini kepada sesuatu yang lebih fleksi dengan berani mencuba pelbagai aplikasi/teknologi semasa dan seterusnya hasil pembelajaran masih boleh dicapai oleh pelajar.

Hasil kajian dijalankan oleh Muhammad Azrin Abu Bakar dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) untuk meneroka isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan e-pengajaran semasa pandemik COVID-19, mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan e-pengajaran semasa pandemik COVID-19

berdasarkan jantina dan mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan e-pengajaran semasa pandemik COVID-19 berdasarkan lokasi sekolah menggunakan kaedah gabungan yang melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik, temu bual dan analisis dokumen yang mana 250 orang guru dari negeri Perak menyertai soal selidik kajian serta dua orang pegawai dalam dunia pendidikan telah ditemu bual menunjukkan isu dan cabaran utama yang dihadapi guru dalam melaksanakan e-pengajaran semasa pandemik COVID-19 iaitu tahap kemahiran literasi teknologi e-pengajaran (min: 3.49), capaian internet (min: 3.08) dan kesediaan ibu bapa terhadap penerimaan e-pengajaran (min: 3.20). Tahap kesediaan guru melaksanakan e-pengajaran berdasarkan jantina juga berada pada tahap sederhana, lelaki (min: 3.05) dan perempuan (min: 3.02) manakala tahap kesediaan guru melaksanakan e-pengajaran berdasarkan lokasi sekolah juga berada pada tahap sederhana, bandar (min: 2.95) dan luar bandar (min: 2.56). Kesimpulannya, isu dan cabaran yang dihadapi mempengaruhi kompetensi guru dalam e-pengajaran selain faktor lokasi sekolah. Guru akan lebih bermotivasi meningkatkan kompetensi literasi teknologi e-pengajaran sekiranya isu dan cabaran dapat dikurangkan semasa melaksanakan e-pengajaran.

Kajian oleh Nur Hazirah Hairi'an dan Masayu Dzainudin (2020) untuk mengkaji tahap penggunaan aplikasi dalam talian yang digunakan oleh pendidik awal kanak-kanak sebagai kaedah PdP dalam tempoh PKP menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melibatkan 74 responden yang terdiri daripada pendidik awal kanak-kanak di sekitar negeri Johor melalui borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengkaji dan mengukur tahap penggunaan aplikasi dalam talian oleh responden dan data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif statistik menggunakan perisian SPSS versi 23 untuk mendapatkan taburan kekerapan, peratusan dan min menunjukkan bahawa tahap penggunaan aplikasi dalam talian oleh pendidik awal kanak-kanak berada


pada tahap yang memuaskan, terutamanya dalam menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai kaedah penyampaian PdP yang efektif dalam tempoh pelaksanaan PKP.

Hasil daripada kajian tinjauan terhadap calon SPM 2020 di pusat peperiksaan SMK Seri Kundang oleh Juwairiah Mustapha dan Roslinda Rosli (2021) untuk mengenal pasti tahap kepuasan calon SPM 2020 terhadap pembelajaran matematik atas talian secara *syncronus* yang dijalankan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menggunakan dua soal selidik sedia ada digunakan iaitu *Student Satisfaction Scale (SSS)* dan *Community of inquiry (CoI)* menunjukkan calon SPM 2020 di pusat peperiksaan SMK Seri Kundang mempunyai tahap kepuasan yang tinggi (min = 191.90, sp = 20.49) terhadap pembelajaran matematik secara atas talian. Di samping itu, ujian-t sampel bebas digunakan untuk membandingkan min skor kepuasan calon SPM 2020 di mana tiada perbezaan yang besar antara min tahap kepuasan pembelajaran matematik secara atas talian bagi calon kerajaan dengan calon persendirian. Manakala, ujian korelasi Pearson dilaksanakan dan mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap pengalaman pembelajaran matematik dalam talian (M = 67.03, SD = 7.57) dengan persekitaran pembelajaran matematik atas talian (M = 123.86, SD = 14.20).

2.7 TEORI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA

Bagi pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, pengkaji memilih teori Connectivisme sebagai tinjauan sebagaimana ditunjukkan dalam rajah 2.1.

Rajah 2.1. Kerangka Teori Kajian



Teori Pembelajaran Connectivisme telah diperkenalkan oleh George Siemen (2004). Menurut George Siemens, Connectivisme merupakan teori pembelajaran yang digunakan untuk era digital masa kini dan merupakan alternatif teori pembelajaran pada abad digital. Beliau telah membangunkan teori pembelajaran Connectivisme kerana percaya bawa teori-teori pembelajaran sebelumnya seperti Behaviourism, Cognitivism dan Constructivism tidak dapat lagi memenuhi sifat pengajaran dan pembelajaran dalam zaman digital kini (Zabri Zainol Abidin, 2013). Teori Connectivisme menerangkan teknologi Internet membuka ruang baru bagi pelajar untuk membina dan berkongsi pengetahuan melalui *World Wide Web* (WWW) dan antara pengguna Internet yang lain. Teknologi ini termasuklah pelayar internet, emel, forum *online*, *learning management systems* (LMS) dan media sosial seperti *YouTube*, *Facebook*, *Instagram* dan *WhatsApp*. Guru akan menjadi fasilitator dengan memberi panduan dalam mencari informasi dan menyelesaikan suatu permasalahanv (Kaji.my, t.t.). George Siemens (2004) menyenaraikan prinsip-prinsip Connectivisme adalah seperti berikut:

1. Kepelbagaian pendapat: pembelajaran dan pengetahuan mempunyai kepelbagaian pendapat dan pandangan individu.
2. Proses hubungan dalam rangkaian pada nod yang khusus: pembelajaran dijalankan secara proses menghubungkan sumber-sumber maklumat dalam nod-nod yang khusus.
3. Pembelajaran boleh berlaku di luar diri mausia.
4. Kapasiti atau kebolehan untuk lebih mengetahui adalah lebih penting berbanding apa yang telah diketahui sekarang.
5. Keperluan memelihara hubungan rangkaian pembelajaran penting supaya pembelajaran berlaku secara berterusan.
6. Kemampuan untuk melihat hubungan antara pelbagai bidang, idea dan konsep merupakan perkara yang utama.

7. Pengetahuan terkini merupakan satu kegiatan dalam pembelajaran connectivism.
8. Membuat keputusan merupakan proses pembelajaran.
9. Kebolehan memilih apa yang dipelajari sangat penting dalam menghadapi kepadatan maklumat. Perubahan maklumat yang cepat akan mempengaruhi sesuatu (Picciano, 2017).

Melalui teori ini, guru lebih mudah untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran bahasa Arab daripada pelbagai sumber yang boleh didapati secara percuma seperti laman web, *Youtube*, *Telegram* dan sebagainya. Bahan tersebut boleh didapati dengan mudah dan dapat dikongsi dengan murid. Selain itu, guru juga mampu berkongsi idea, ilmu, buah fikiran dan juga bahan pengajaran dengan rakan guru yang lain melalui perkongsian di *Telegram* atau kumpulan *Whatsapp* dan sebagainya untuk diaplikasikan dalam pengajaran mereka. Guru juga mampu mempelajari teknik-teknik dan kaedah mengajar yang pelbagai yang boleh disesuaikan dalam pengajaran mereka. Guru boleh menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dari semasa ke semasa dengan membandingkan dengan kaedah yang dikongsi di laman sosial untuk meningkatkan mutu pengajaran mereka bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang berkesan. Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya juga menjadikan guru lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran mereka (Najmi Syahiran Mamat, 2020).

Selain guru, melalui teori ini murid juga dapat mempelajari bahasa Arab secara lebih meluas. Murid mampu mencari bahan secara sendiri tanpa terikat dengan bahan yang dibekalkan oleh guru sahaja. Bahan-bahan tersebut boleh digunakan oleh murid dan juga dikongsi dengan rakan-rakan dengan menjadikan guru sebagai fasilitator dalam menentukan kesahihan bahan yang didapati oleh mereka. Melalui bahan

tambahan yang murid dapatkan melalui sumber-sumber di internet telah menambah pengetahuan murid dari semasa ke semasa. Murid boleh mengakses internet untuk mendapatkan bahan tersebut pada setiap masa dan di mana sahaja. Ini bertepatan dengan prinsip teori Connectivisme iaitu pengetahuan terkini merupakan satu kegiatan dalam pembelajaran Connectivisme. Murid juga boleh mengikuti mana-mana kumpulan yang boleh didapati dalam laman sosial untuk pembelajaran bahasa Arab secara percuma tanpa terikat dengan kelas yang dianjurkan oleh guru sekolah sahaja. Namun murid perlu mendapatkan pandangan guru tentang kumpulan tersebut bagi memastikan kumpulan tersebut bersesuaian untuk diikuti oleh pelajar. Dalam pembelajaran bahasa, murid akan lebih seronok apabila dapat mempelajari bahasa melalui kaedah permainan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Fairosnita Ibrahim dan Kamarul Shukri Mat Teh (2015) menunjukkan pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab menunjukkan permainan bahasa dapat memberi motivasi yang tinggi kepada pelajar. Kaedah permainan merupakan salah satu kaedah yang melibatkan proses perpindahan pengetahuan, pengalaman dan idea kepada pelajar dalam suasana yang menyeronokkan. Permainan menjadi satu keperluan semulajadi dalam diri manusia terutama kanak-kanak. Hal ini bermaksud naluri semulajadi kanak-kanak perlu kepada sesuatu yang menyeronokkan dan menggembirakan. Justeru itu, aktiviti permainan perlu dalam pengajaran dan pembelajaran (Ahmad Mohd. Salleh, 1997). Penggunaan kaedah permainan dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan satu wadah yang dapat mengubah paradigm masyarakat terhadap bahasa ini. Anggapan bahasa ini sukar untuk dikuasai dan membebankan hendaklah ditepis. Permainan bahasa yang kreatif akan memudahkan pelajar mendekati serta menguasai bahasa ini (Mohd Ismail Mustari et al., 2012).

Permainan bahasa yang terdapat dalam web membantu menguatkan ingatan murid di samping menimbulkan keseronokan bermain sambil belajar. Kanak-kanak, lumrahnya suka kepada permainan dan mereka cepat mempelajari dengan bermain. Ini secara tidak langsung membolehkan murid mempelajari bahasa Arab dalam keadaan bawah sedar (Nik Radhiah Nik Ali, 2020). Permainan bahasa Arab boleh didapati melalui pelbagai aplikasi yang boleh dimuat turun melalui 'Google Play Store' atau permainan kuiz bahasa Arab yang disediakan oleh guru. Antara aplikasi permainan bahasa Arab yang boleh dimuat turun ialah aplikasi *Misk*, *Arabic Game: Word Game Vocabulary Game* dan *Muslim Kids Series: Mufradat*.

Teori ini juga menekankan pembelajaran yang berterusan. Menurut Fatin Aliah Phang, pembelajaran atas talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*). Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat ini adalah salah satu kemahiran utama dalam Kemahiran Abad Ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu untuk berjaya dalam abad yang mencabar ini. Kemahiran ini memerlukan seseorang yang mampu menentukan apa yang perlu dipelajari, mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi, serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajarannya dengan melakukan pentaksiran sendiri atau cara yang lain. Pelaksanaan pembelajaran atas talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar tidak boleh lagi menggunakan set pemikiran dahulu iaitu menunggu cikgu atau pensyarah untuk bercakap atau berkuliah baharu mula belajar. Pelajar perlu menentukan apakah yang perlu dipelajari, mencari bahan yang telah guru atau pensyarah letak di platform pembelajaran maya seperti *Google Classroom* dan e-learning universiti, kemudian menyusun masa sendiri untuk meneliti bahan tersebut kemudian menyelesaikannya. Pelajar perlu belajar menyusun masa dan

keutamaan, bahan mana yang perlu dipelajari dan diselesaikan terlebih dahulu dan yang mana kemudian (Norhidayati Mokhtar, 2020).

Ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak-anak untuk mendapatkan kemahiran ini dengan menunjukkan contoh susunan jadual yang bersesuaian dengan mata pelajaran tertentu, kemudian memberikan pilihan kepada anak untuk mengubahsuai jadual tersebut. Ibu bapa pada mulanya perlu membimbing anak menyusun tugas yang diberikan oleh guru untuk diselesaikan dan hantar kepada guru secara maya. Guru perlu memberi maklum balas kepada hasil kerja pelajar supaya mereka terus bermotivasi untuk menyelesaikan tugas seterusnya. Pelajar juga sekali sekala diberikan peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas untuk membincangkan tugas dan pembelajaran. Lama kelamaan, pelajar boleh lebih berdikari untuk meneruskan pembelajaran atas talian ini. Sememangnya bukan senang untuk membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat ini. Namun dengan COVID-19 dan PKP ini, masyarakat diberi peluang untuk mengasah kemahiran ini yang amat penting untuk kekal bermandiri pada abad ini. Bak kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Sekiranya masyarakat ingin memperoleh kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran abad ke-21 yang lain seperti kemahiran penyelesaian masalah dan membuat keputusan, bekerjasama dalam satu pasukan, menguruskan emosi, literasi *ICT* dan sebagainya, usaha untuk belajar perlu dilaburkan. Maka, terpulanglah kepada ibu bapa dan pelajar untuk menentukan. Inilah masanya untuk berubah (Norhidayati Mokhtar, 2020)

2.8 RUMUSAN

Bab ini secara keseluruhannya meninjau teori pembelajaran bahasa Arab secara maya, kajian-kajian lepas berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kajian-kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran secara maya, tempoh pelaksanaan

pembelajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian sewaktu pelaksanaan PKP serta pembelajaran secara maya atau dalam talian di Malaysia sewaktu perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19. Hasil sorotan kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti serta menentukan konstruk dan elemen yang berkaitan dengan pembelajaran secara maya. Melalui konstruk dan elemen yang diperolehi inilah, pengkaji akan membangunkan instrumen kajian untuk digunakan semasa proses pengumpulan data kajian. Hasil daripada analisis data-data tersebut akan menjawab persoalan kajian dan objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Universiti Malaysia

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Menurut *The American Herriage Dictionary Of English Languange*, metodologi dapat didefinisikan sebagai analisis teoritis mengenai kaedah yang sesuai untuk bidang pengajian atau kandungan kaedah dan prinsip tertentu kepada cabang pengetahuan (Suhairy Norhisham, 2019). Menurut Siti Sarah (2015), metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Metodologi kajian merupakan penjelasan berkaitan pengendalian sesuatu kajian yang berstruktur (Creswell, 2012). Kesimpulannya metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam sesuatu kajian untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih sistematik dan terarah dalam mencapai objektif kajian. Bahagian ini akan menjelaskan kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian.


3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan merupakan kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk soal selidik yang ditadbirkan kepada sampel kajian. Data-data kuantitatif yang diperoleh daripada sampel ini kemudiannya dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk statistik. Keputusan ujian statistik seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji. Pengkaji memilih kaedah ini kerana kaedah kuantitatif sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan,

personaliti, tingkah laku atau sikap orang awam secara meluas dari satu kelompok yang besar. Ia digunakan untuk mendapatkan satu penjelasan yang tepat terhadap ciri yang terdapat pada individu dalam kumpulan.

3.3 PROSES PENYELIDIKAN

Perincian proses penyelidikan ditunjukkan dalam rajah 3.1



3.3.1 Analisis Dokumen/Sorotan Literatur (Teori dan Kajian Terdahulu)

Fasa pertama dijalankan dengan meneliti dan membuat analisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan teori-teori yang berkaitan dengan pembelajaran dan kajian terdahulu berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab dan pembelajaran secara maya. Fasa ini penting kerana tinjauan literatur dapat membantu pengkaji untuk memahami topik yang dikaji dengan mendalam. Penyelidik dapat merancang apa yang dikaji setelah meneliti kajian-kajian lepas (Hamidah Yusof et al., 2015). Kajian literatur merupakan bahagian yang penting dalam penyelidikan di mana pengkaji membuat tinjauan ke atas kajian-kajian lepas untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian. Tujuan utama kajian literatur ialah untuk meletakkan kajian yang akan dijalankan pada perspektif saintifik (Chua Yan Piaw, 2006). Fasa ini juga penting dalam mendapatkan data bagi tujuan pembentukan konstruk berkaitan perkara yang akan dikaji. Berdasarkan konstruk yang dibentuk, penyelidik membina instrumen bagi tujuan soal selidik (Norazmi Nordin, 2019).

3.3.2 Membentuk Objektif, Persoalan dan Hipotesis Kajian

Setelah mengenal pasti permasalahan kajian dan membuat pemerhatian dan analisis pada kajian-kajian terdahulu, pengkaji seterusnya membentuk objektif kajian serta membina persoalan kajian dan membentuk hipotesis kajian.

3.3.3 Instrumen Kajian (Soal Selidik)

Menurut Opie Mohamad (2015), soal selidik yang berkesan ialah soal selidik yang mencapai objektif kajian sebagai matlamat penyelidikan, mendapat maklumat yang paling tepat dan lengkap, kos yang sederhana dan menyenangkan semua pihak. Instrumen yang dibangunkan mestilah bersifat asli dan memenuhi keperluan objektif kajian dan relevan dalam menjawab persoalan kajian (Chua Yan Piaw, 2006). Dalam

kajian ini, penyelidik membina item soal selidik dengan merujuk kepada pelbagai sumber dari kajian-kajian yang telah lepas dan diubah suai supaya dapat menepati objektif dan menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, soal selidik dibangunkan dengan merujuk kepada dua konstruk iaitu, penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (Demografi), bahagian B (Penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Arab secara maya) dan bahagian C (Faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya).

i. Bahagian A: Demografi

Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan berkaitan demografi responden seperti jantina, umur, daerah bertugas, jenis sekolah, pengalaman mengajar bahasa Arab, bilangan kursus bahasa Arab dan kursus teknologi maklumat yang pernah dihadiri sepanjang berkhidmat.

ii. Bahagian B: Penerimaan Guru Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab Secara Maya.

Bahagian ini mengandungi 35 soalan berkaitan dengan penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Arab secara maya yang dibahagikan kepada tiga elemen iaitu penerimaan guru dari segi penggunaan (pelaksanaan), kelebihan dan penglibatan pelajar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Pengkaji membina soal selidik dengan merujuk kepada soal selidik kajian-kajian yang terdahulu

dan mengubahsuai mengikut keperluan persoalan kajian. Pecahan item bahagian ini adalah seperti dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1. Pecahan Item Soal Selidik Konstruk Penerimaan Guru

Elemen	Item	Bil. Item	Sumber
Penerimaan dari segi penggunaan	P1-P24	24	1. Aan Muhammady (2014) 2. Azizi Ahmad (2020) 3. Khoirun Nisak Mat Saad et al. (2015) 4. Lai Chee Sern et al. (2017) 5. Nazirah Radin Salim (2013) 6. Norhayati Che Hat et al. (2013) 7. Rosninawati Hussin (2020) 8. Mohammad Rusdi Abdul Majid (2017) 9. Shanika Abdullatib (2020) 10. Sinar Harian (2020a) 11. Wan Rohani Wan Mokhtar (2018)
Penerimaan dari segi kelebihan	P25-P30	6	1. Lai Chee Sern et al. (2017) 2. Najmi Syahiran Mamat (2020) 3. Rosninawati Hussin (2020)
Penerimaan dari segi penglibatan pelajar	P31-P35	5	1. Jason Thomas & Durie Rainer Fong (2020) 2. Rosninawati Hussin (2020)
	Jumlah	35	

iii. Bahagian C: Faktor yang Mempengaruhi Keberkesan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab Secara Maya.

Bahagian ini pula mengandungi 18 item berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi keberkesan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang terdiri daripada enam faktor iaitu faktor sokongan pentadbiran, sokongan social, sokongan teknikal, gaya pengajaran guru, kesediaan pelajar dan kandungan mata pelajaran yang mana setiap faktor mengandungi 3 item soalan. Pecahan item bahagian C adalah seperti dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2. Pecahan Item Soal Selidik Konstruk Faktor

Elemen	Item	Bil. Item	Sumber
Sokongan Pentadbiran	P36-P38	3	1. Dilrukshi Gamage et al. (2014) 2. Kesavan Vadakular Elumalai et al. (2020)
Sokongan Teknikal	P39-P41	3	1. Abdul Hakim Abdullah et al. (2015) 2. Izzat Akram Ibrahim (2020) 3. Nor 'Asyikin Mat Hayin (2020)
Sokongan Sosial	P42-P44	3	1. Abdul Hakim Abdullah et al. (2015) 2. Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali (2020)
Gaya Pengajaran Guru	P45-P47	3	1. Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali (2020) 2. Shanika Abdullatib (2020) 3. Kesavan Vadakular Elumalai et al. (2020)
Kesediaan Pelajar	P48-P50	3	1. Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali (2020) 2. Kesavan Vadakular Elumalai et al. (2020)
Kandunagn Mata pelajaran	P51-P53	3	1. Kesavan Vadakular Elumalai et al. (2020)
	Jumlah	18	

3.3.4 Kesahan Muka

Kesahan bermaksud keupayaan ujian mengukur apa yang hendak diukur dengan tepat (Md. Anuwi Husain, 2013). Menurut Arasinah Kamis et al. (2012), kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur atau instrumen yang digunakan mesti mampu mengukur dengan tepat apa yang ingin diukur. Chua Yan Piaw (2006) mendefinisikan kesahan sebagai nilai korelasi di antara pengukuran dan nilai sebenar sesuatu variable. Jika pengukuran yang dibuat tepat pada nilai sebenar sesuatu variable, nilai korelasinya adalah tinggi dan penyelidikan tersebut mempunyai kesahan yang tinggi. Menurut DeVallis (2003), kesahan muka ialah pengesahan sama ada alat ukur sesuai kepada responden kajian dari segi kejelasan item, soalan yang dikemukakan, masa menjawab yang mencukupi dan yang paling utama item mengukur apa yang sepatutnya diukur. Chua Yan Piaw (2006), mendefinisikan kesahan muka sebagai sejauh mana pengukuran dibuat dapat mengukur nilai sebenar yang ingin diukur.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapat kesahan muka oleh pakar penilai dan telah melakukan penambahbaikan terhadap instrumen kajian berdasarkan komentar yang diberikan setelah melakukan perbincangan dengan penyelia.

Jadual 3.3. Pakar yang Terlibat bagi Kesahan Muka

Bil	Nama Pakar	Jawatan dan Institusi
1.	Wan Rohani binti Wan Mokhtar (Dr.)	Guru Bahasa (DG52) Pusat Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia
2.	Muhammad Sabri bin Sahrir (Prof. Dr.)	Profesor Jabatan Bahasa dan Literasi, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

3.3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan menggunakan soal selidik yang dibina setelah disemak dan mendapat pengesahan daripada pakar dan penambahbaikan telah dibuat. Kajian rintis merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Ia dilakukan untuk melihat kebolehlaksanaan atau kemunasabahan sesuatu kajian yang bakal dilakukan (Chua Yan Piaw, 2006). Menurut Mohd Uzi Dollah (2015), secara umum kajian rintis ini adalah satu kajian awal yang dilaksanakan dalam skala yang kecil dengan tujuan pelbagai. Antara tujuannya ialah untuk pembinaan alat ukur, meningkatkan kemahiran pengkaji, menganggar tempoh pelaksanaan kajian dan berbagai lagi. Kajian rintis amat perlu bagi sesuatu kajian. Keperluannya akan meningkat sehinggakan dalam kes tertentu, tanpa kajian rintis, keseluruhan kajian yang sebenar tidak sah dan tidak boleh dipercayai. Oleh itu, kajian rintis amat penting dan boleh mempengaruhi kesahan dan kebolehpercayaan kajian secara keseluruhannya di samping memastikan pelaksanaan kajian sebenar dapat dilaksanakan dengan lancar. Menurut Opie Mohamad (2015), kajian rintis amat penting dilakukan supaya instrumen yang dibangunkan mampu untuk mengukur perkara yang sepatutnya. Dalam kajian ini, 35 orang guru yang mengajar bahasa Arab di Sekolah menengah Kebangsaan dari

pelbagai negeri selain dari negeri Kelantan telah menjawab soal selidik dalam bentuk *google form* melau link yang diberikan kepada mereka.

3.3.6 Analisis Kajian Rintis

Data kajian rintis dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk menguji kebolehpercayaan item soal selidik.

3.3.7 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian (Soal Selidik)

Kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali yang kedua (dan kali ketiga atau pada kali yang seterusnya) dilakukan, nilai yang diperoleh adalah serupa, maka kajian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua Yan Piaw, 2006). Kebolehpercayaan ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor setiap item. Ketekalan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama (Amani, 2011). Pekali kebolehpercayaan merupakan darjah ketepatan dan kepersisan bagi ukuran yang dibuat oleh sesuatu instrument kajian. Semakin rendah darjah ralat bagi sesuatu instrument, semakin tinggi kebolehpercayaannya. Nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.60 sering kali diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan sesuatu instrument (Siti Rahayah Ariffin, 2003). Menurut Sekaran (1992) pula, nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima, nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai Alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Dalam kajian ini, kebolehpercayaan item bagi konstruk penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dan faktor yang mempengaruhi

keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya telah diuji dan memperolehi nilai 0.9. Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan pada instrumen kajian ini berada pada tahap baik.

3.3.8 Kajian Sebenar

Setelah analisis kajian rintis dibuat dan instrumen soal selidik telah dibuat penambahbaikan, kajian sebenar dilakukan. Soal selidik ditadbirkan kepada sampel kajian. Kajian ini melibatkan guru-guru bahasa Arab sekolah menengah Kebangsaan di negeri Kelantan. Oleh yang demikian, pengkaji telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian ini. Setelah mendapat kebenaran dan surat kelulusan menjalankan kajian daripada bahagian ini, pengkaji memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan untuk menjalankan kajian terhadap guru bahasa Arab di sekolah menengah kebangsaan negeri Kelantan. Setelah mendapat surat kebenaran menjalankan kajian terhadap sekolah yang terlibat di negeri Kelantan, pengkaji digalakkan untuk melakukan soal selidik secara dalam talian atau pos tanpa bersemuka memandangkan situasi semasa masih dalam keadaan penularan wabak COVID-19.

Pengkaji seterusnya menghubungi pegawai yang bertugas di bahagian Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di setiap Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negeri Kelantan yang meliputi 10 daerah. Pengkaji memaklumkan kepada setiap pegawai tersebut berkenaan kajian yang akan dijalankan dan mengemukakan kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Setelah mendapat persetujuan, pengkaji menyebarkan pautan *google form* kepada pegawai-pegawai tersebut dan mereka memanjangkan pautan *google form* soal selidik kajian kepada guru yang terlibat dibawah seliaan mereka untuk menjawab soal selidik tersebut.

3.3.9 Pengumpulan Data

Dapatan data daripada sampel kajian dikumpul melalui *google form* setelah hampir 2 bulan tempoh yang diberikan kepada responden untuk menjawab soal selidik, dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi menjawab persoalan kajian.

3.3.10 Analisis Dapatan Kajian

Data yang dikumpul daripada responden dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis yang dijalankan adalah analisis deskriptif, analisis nonparametrik melalui ujian Man-Whitney dan analisis faktor. Sebelum melakukan analisis data untuk menjawab persoalan kajian, ujian kenormalan data dijalankan terlebih dahulu.

3.3.10.1 Ujian Kenormalan Data

Ujian normaliti dijalankan bagi melihat taburan data yang diperoleh samada ianya bertabur secara normal atau tidak. Kaedah ini bagi menentukan kenormalan data ini adalah berdasarkan kepada nilai *Skewness* dan *Kurtosis*. Melalui analisis yang dijalankan, nilai *Skewness* yang dicatatkan bagi kesemua item dalam setiap konstruk (-1.755) adalah normal dan berada dalam julat yang ideal sepertimana menurut Chua, (2011), diantara -1.96 dan +1.96, tetapi nilai *Kurtosis* yang dicatatkan bagi kesemua item dalam setiap konstruk menunjukkan data yang diperoleh tidak bertabur secara normal kerana tidak berada dalam julat yang ideal sepertimana menurut (Chua 2011). Begitu juga konstruk penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) bahasa Arab secara maya, ia mencatatkan nilai *Skewness* -1.658 dianggap bertabur secara normal dan nilai *Kurtosis* 5.583 dan dianggap sebagai bertabur secara tidak normal. Bagi konstruk faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya pula, nilai *Skewness* - 0.98 berada dalam julat yang ideal menunjukkan data bertabur secara normal dan nilai *Kurtosis* 2.96 tidak

berada dalam julat yang ideal menunjukkan data tidak bertabur secara normal. Secara keseluruhannya data ini dianggap bertabur secara tidak normal.

3.3.10.2 Ringkasan Analisis Data

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, analisis deskriptif, analisis nonparametrik melalui ujian Man-Whitney dan analisis faktor dilakukan menggunakan perisian SPSS seperti yang ditunjukkan dalam jadual dibawah.

Jadual 3.4. Ringkasan Analisis Kajian

BIL	OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN	PENDEKATAN	ANALISIS
1	Mengenal pasti tahap penerimaan guru terhadap PdPC secara maya.	Bagaimanakah tahap penerimaan guru terhadap PDPC secara maya?	Kuantitatif- soal selidik	Analisis Deskriptif menggunakan perisian SPSS
2	Melihat perbezaan penerimaan guru terhadap PdPC secara maya di antara guru yang mengajar di bandar dan di luar bandar.	Apakah perbezaan penerimaan guru terhadap PDPC secara maya di antara guru yang mengajar di Bandar dan di luar Bandar?	Kuantitatif- soal selidik	Analisis <i>Mann-Whitney Test</i> menggunakan perisian SPSS
3	Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi PdPC bahasa Arab secara maya.	Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi PDPC bahasa Arab secara maya?	Kuantitatif- soal selidik	Analisis Faktor dan Analisis Deskriptif menggunakan perisian SPSS

3.3.10.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan untuk melihat penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya bagi menjawab persoalan kajian yang pertama serta melihat min dan sisihan piawai bagi faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Kajian ini menggunakan interpretasi skor min yang telah dirumuskan oleh Nunally dan Bernstein (1994) bagi mentafsirkan persoalan kajian

penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab.

Jadual 3.5 menunjukkan interpretasi skor min.

Jadual 3.5. Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
4.01 hingga 5.00	tinggi

3.3.10.4 Analisis Nonparametrik (*Man-Whitney Test*)

Analisis Nonparametrik digunakan iaitu analisis *Man Whitney Test* dipilih untuk menganalisis perbezaan tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya memandangkan data ini didapati bertabur secara tidak normal selepas ujian kenormalan data dijalankan.

3.3.10.5 Analisis Faktor

Analisis faktor dilakukan untuk melihat bagaimana item-item yang digunakan dikelaskan mengikut struktur faktor-faktor tertentu (Joseph F. Hair et al. 2010).

3.4 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Menurut Kamarul Shukri Mat Teh (2015), populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Sampel kajian pula ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Penetapan populasi kajian adalah penting dalam kajian disebabkan populasi akan menentukan bagaimana dan berapa ramai sampel yang akan kita pilih serta perbelanjaan kajian (Md. Anuwi Husain, 2013). Populasi kajian ini adalah semua guru yang mengajar bahasa Arab di sekolah menengah Kebangsaan di seluruh daerah di negeri Kelantan. Sekolah menengah dipilih memandangkan kajian ini berkaitan dengan pembelajaran secara maya yang mana pengendalian pembelajaran secara maya di sekolah menengah

lebih banyak melibatkan guru dan pelajar sahaja disamping sokongan faktor-faktor lain dan hasil kajian yang dijalankan lebih tepat berbanding sekolah rendah yang mana pengendalian pembelajaran maya bukan sahaja melibatkan guru dan pelajar sahaja. Bahkan memerlukan bantuan yang lebih daripada ibu bapa. Kajian ini dijalankan kepada seluruh populasi kajian yang terdiri daripada 126 orang dan hanya 65 orang sahaja yang memberi maklum balas dalam tempoh yang diberikan.

Jadual dibawah menunjukkan bilangan sekolah menengah kebangsaan bawah KPM mengikut daerah di Kelantan yang menawarkan kurikulum bahasa Arab serta bilangan guru bahasa Arab bagi setiap sekolah tersebut.

Jadual 3.6. Bilangan Guru Bahasa Arab di Setiap Daerah di Kelantan

Bil	Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah	Bil. Guru Bahasa Arab
Pejabat Pendidikan Daerah Bachok		27 orang
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok	4 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Badak	3 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Panchor	1 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Panchor 2	1 orang
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Perdana	4 orang
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat	1 orang
7.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kandis	1 orang
8.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Telaga	1 orang
9.	Sekolah Menengah Kebangsaan Long Yunus	1 orang
10.	Sekolah menengah Kebangsaan Nipah	1 orang
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan Pak Badol	1 orang
12.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gunung	1 orang
13.	Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Tok Bachok	7 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu		30 orang
1.	Maktab Sultan Ismail	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Maher	1 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra	1 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kadok	1 orang
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan Ketereh	1 orang
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kok Lanas	1 orang
7.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota	1 orang
8.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu	1 orang
9.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian	2 orang
10.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2	1 orang
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghafar	1 orang
12.	Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghafar 2	1 orang
13.	Sekolah Menengah Kebangsaan Mulong	1 orang
14.	Sekolah Menengah Kebangsaan Panji	1 orang

15.	Sekolah Menengah Kebangsaan Putera	1 orang
16.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sering	1 orang
17.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Chat	1 orang
18.	Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab 1	1 orang
19.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Melor	5 orang
20.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lilbanat	6 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang		2 orang
1.	Sekolah Mengah Kebangsaan Chiku 2	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh	1 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Jeli		3 orang
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli	2 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Krai		7 orang
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krai	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai	1 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkebang	2 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Pahi	2 orang
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan sultan Yahya Petra 2	1 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Machang		10 orang
1.	Sekolah Mengah Kebangsaan Abdul samad	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah	1 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Machang	1 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Intan	1 orang
5.	Sekolah Menengah Keangsaan Agama Wataniah	6 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas		15 orang
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Bunut Susu	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Gual Periok	1 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkong	2 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Meranti	1 orang
5.	Sekolah Mengah Kebangsaan Sri Kiambang	1 orang
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tendong	1 orang
7.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Panglima Raja	1 orang
8.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Uban	1 orang
9.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Lati	6 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh		6 orang
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Ismail	3 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jawa	1 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram	1 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil	1 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah		8 orang
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Pasir	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Belimbing	1 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Paduka Raja 2	2 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kemahang	1 orang
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1	2 orang
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 2	1 orang
Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat		18 orang

1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan	1 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Chabang Empat	2 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Geting	1 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Mahyidin	1 orang
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pinang	2 orang
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tumpat	2 orang
7.	Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu	2 orang
8.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Falahiah	7 orang
	Jumlah Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan di Kelantan	126 orang

Sekolah Menengah Kebangsaan di Kelantan dipilih memandangkan faktor demografi kajian yang lebih kurang sama dengan negeri lain yang mana pembelajaran secara maya memerlukan capaian internet. Faktor demografi yang dikatakan sama dengan negeri lain dalam kajian ini ialah persamaan yang meliputi kawasan bandar dan juga luar bandar. Di samping itu, sukatan kurikulum bahasa Arab yang digunakan di sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan kurikulum bahasa Arab melalui kelas KAA adalah sama seperti sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di negeri-negeri lain.

Penentuan jenis sekolah pula sama ada sesebuah sekolah tersebut dikira sebagai sekolah bandar dan sekolah luar bandar adalah mengikut penentuan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

3.5 RUMUSAN

Bab ini menjelaskan tentang prosedur-prosedur yang dilakukan oleh pengkaji dalam melakukan kajian penyelidikan merangkumi rekabentuk kajian dan proses penyelidikan yang terdiri daripada analisis dokumen/ sorotan literatur (teori dan kajian terdahulu), membentuk objektif, persoalan dan hipotesis kajian, membina instrumen soal selidik kajian, mendapatkan kesahan muka, menjalankan kajian rintis, menganalisis kajian rintis, memastikan kebolehpercayaan instrument kajian (soal selidik), menyediakan instrumen kajian yang sebenar (soal selidik), menjalankan kajian sebenar, mengumpul

data serta menganalisis data untuk mendapat keputusan. Bab ini juga menjelaskan pemilihan populasi dan sampel kajian serta jenis-jenis analisis yang dijalankan ke atas data kajian.

Universiti Malaya

BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan tentang analisis data yang dilakukan dan hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan.

4.2 ANALISIS SOAL SELIDIK

Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang telah ditebarkan kepada responden mengikut daerah masing-masing dan dianalisis menggunakan SPSS. Dapatan soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu mengenai demografi responden, tahap penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya, perbezaan penerimaan guru yang mengajar di bandar dengan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya serta faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya yang mana data kajian ini menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan di bab 1.

4.2.1 Analisis Data Demografi

Bahagian ini membincangkan hasil analisis yang dijalankan terhadap profil responden yang terlibat di dalam kajian ini. Analisis ini meliputi peratusan jantina, umur, daerah bertugas, jenis sekolah, pengalaman mengajar bahasa Arab, bilangan kursus bahasa Arab dan kursus teknologi maklumat yang pernah dihadiri sepanjang perkhidmatan.

4.2.1.1 Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan harian dan sekolah menengah kebangsaan agama di negeri

Kelantan. Seramai 65 orang responden terlibat dalam kajian ini yang mewakili 10 daerah seperti yang dijelaskan pada Bab 3.

Daripada jumlah tersebut, 51 orang (78.5%) merupakan responden perempuan manakala selebihnya iaitu 14 orang (21.5%) adalah lelaki. Dari segi umur pula, 52.3% berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun, 44.6% berumur dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun dan selebihnya sebanyak 3.1% berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun. Seramai 20 orang guru iaitu sebanyak 30.8% dalam kajian ini merupakan guru yang mengajar di sekolah bandar manakala baki selebihnya iaitu seramai 45 orang mewakili 69.2% terdiri daripada guru yang mengajar di sekolah luar bandar. Jika dilihat dari segi pengalaman mengajar pula, majoriti guru berpengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Arab melebihi 15 tahun iaitu sebanyak 49.2% (32 orang), sebanyak 18.5% (12 orang) berpengalaman mengajar bahasa Arab dalam tempoh 11 hingga 15 tahun, 13.8% (9 orang) berpengalaman mengajar bahasa Arab selama 6 hingga 10 tahun dan jumlah peratusan yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab kurang dari 5 tahun sebanyak 18.5% (12 orang). Taburan ini menunjukkan majoriti guru yang mengajar bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab melebihi 10 tahun. Seramai 32 orang guru (49.2%) telah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab melebihi 6 kali, 14 orang guru (21.5%) telah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 1 hingga 2 kali, 8 orang (12.3%) belum pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sepanjang perkhidmatan mereka, 7 orang (10.8%) pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 5 hingga 6 kali dan 4 orang (6.2%) pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 3 hingga 4 kali sepanjang mereka bertugas. Dari segi bilangan kursus teknologi maklumat yang pernah dihadiri sepanjang bertugas pula seramai 24 orang (36.9%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak satu hingga 2 kali sahaja, 12 orang (18.5%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak 3

hingga 4 kali, 11 orang (16.9%) telah menghadiri kursus teknologi maklumat melebihi 6 kali sepanjang mereka bertugas, 10 orang (15.4%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak 5 hingga 6 kali dan seramai 8 orang mewakili 12.3% belum pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sepanjang mereka bertugas. Ringkasan bagi profil responden adalah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 4.1.


Jadual 4.1. Ringkasan Profil Responden

Bil.	Item	Kategori	Kekerapan	Peratusan
1.	Jantina	Lelaki	14	21.5
		Perempuan	51	78.5
2.	Umur	20 – 30 tahun	0	0
		31 – 40 tahun	2	3.1
		41 – 50 tahun	34	52.3
		51 – 60 tahun	29	44.6
3.	Jenis Sekolah	Bandar	23	35.4
		Luar Bandar	42	64.6
4.	Pengalaman Mengajar Bahasa Arab	Kurang dari 5 tahun	12	18.5
		6 hingga 10 tahun	9	13.8
		11 hingga 15 tahun	12	18.5
		Lebih dari 15 tahun	32	49.2
5.	Bilangan Kursus Bahasa Arab yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	Belum Pernah	8	12.3
		1 hingga 2 kali	14	21.5
		3 hingga 4 kali	4	6.2
		5 hingga 6 kali	7	10.8
		Lebih dari 6 kali	32	49.2
6.	Bilangan Kursus Bahasa Arab yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	Belum Pernah	8	12.3
		1 hingga 2 kali	24	36.9
		3 hingga 4 kali	12	18.5
		5 hingga 6 kali	10	15.4
		Lebih dari 6 kali	11	16.9

4.2.1.2 Bilangan Responden Mengikut Daerah

Sebagaimana yang telah dijelaskan di bab 3 bahawa kajian ini dijalankan kepada guru bahasa Arab di semua sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab di seluruh negeri Kelantan yang meliputi 10 daerah. Bilangan responden kajian bagi setiap daerah di Kelantan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 4.1

Rajah 4.1. Bilangan Responden Mengikut Kelompok (Daerah/PPD)



Berdasarkan rajah 4.1, bilangan responden dari daerah Kota Bharu dan Pasir Mas adalah paling ramai iaitu 14 orang responden terdiri daripada guru yang mengajar di daerah Kota Bharu dan 14 orang responden lagi terdiri daripada guru yang mengajar di Pasir Mas diikuti dengan 9 orang responden terdiri dari guru yang mengajar di daerah Tanah Merah. 8 orang responden terdiri daripada guru yang mengajar di daerah Tumpat, 6 orang responden adalah guru yang mengajar di daerah Machang, 4 orang responden adalah guru yang mengajar di Jeli dan 4 orang responden yang lain adalah guru yang mengajar di daerah Pasir Puteh. Seterusnya 3 orang responden terdiri daripada guru yang mengajar di Bachok, 2 orang responden adalah guru yang mengajar di daerah Gua Musang dan jumlah responden yang paling sedikit adalah dari daerah Kuala Krai iaitu seorang responden sahaja dari daerah tersebut.

4.2.2 Persoalan Kajian 1: Bagaimanakah Tahap Penerimaan Guru Terhadap PdPc Secara Maya?

Bagi melihat tahap penerimaan guru terhadap pdpc bahasa Arab secara maya, analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai dijalankan. Dapatan kajian tahap penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab ini merangkumi elemen penerimaan dari segi penggunaan, penerimaan dari segi kelebihan dan penerimaan dari segi penglibatan pelajar. Dapatan kajian adalah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 4.2.

Jadual 4.2. Tahap Penerimaan Guru Terhadap PdPc Bahasa Arab

Penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab	Min	Sisihan Piawai
Penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab (penggunaan)	3.84	0.55
Penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab (kelebihan)	3.68	0.69
Penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab (penglibatan pelajar)	3.32	0.76
Min Keseluruhan	3.74	0.56

Berdasarkan 35 item yang diuji pada konstruk tahap penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab menunjukkan skor min yang sederhana tinggi pada keseluruhan item dengan nilai min 3.74. Jika dilihat satu persatu, bagi elemen penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab dari segi penggunaan yang melibatkan 24 item menunjukkan skor min yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.84, elemen penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab dari segi kelebihan yang melibatkan 6 item menunjukkan skor min yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.68 manakala elemen penerimaan guru terhadap PdPc bahasa Arab dari segi penglibatan pelajar yang melibatkan 5 item menunjukkan skor min yang juga sederhana tinggi dengan catatan nilai min 3.32.

Secara keseluruhannya, tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Jika diteliti setiap item dalam setiap elemen, dapatan kajian adalah sebagaimana di tunjukkan dalam jadual 4.3, 4.4 dan 4.5

Jadual 4.3. Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab dari Segi Penggunaan

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	Saya melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya.	4	2	59	3.98
		6.1%	3.1%	90.8%	
2	Saya tahu tujuan PdPc bahasa Arab dijalankan secara maya.	4	2	59	3.97
		6.1%	3.1%	90.7%	
3	Saya menggunakan aplikasi Zoom, Googlemeet atau video call telegram dalam pengajaran secara maya	11	7	47	3.60
		16.9%	10.8%	72.4%	
4	Saya menggunakan telegram atau whatsapp dalam pengajaran secara maya.	4	1	60	4.08
		6.1%	1.5%	92.3%	
5	Saya menguasai kemahiran teknologi asas untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya.	8	10	47	3.66
		12.3%	15.4%	72.3%	
6	Saya mampu mengendalikan PdPc bahasa Arab secara maya.	4	9	52	3.83
		6.2%	13.8%	80.0%	
7	Saya mampu menyesuaikan gaya pengajaran saya dengan kaedah PdPc secara maya.	3	12	50	3.77
		4.6%	18.5%	77.0%	
8	Saya mampu mengajar bahasa Arab dengan menggabungkan pedagogi, kandungan bahasa Arab dan teknologi pendidikan.	4	11	50	3.78
		6.2%	16.9%	76.9%	
9	Saya mampu mengajar kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya.	5	16	44	3.68
		7.7%	24.6%	67.7%	
10	Saya mampu mengajar kemahiran mendengar bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya.	8	15	42	3.60
		12.3%	23.1%	64.6%	
11	Saya mampu mengajar kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya.	9	13	43	3.58
		13.8%	20.0%	66.2%	
12	Saya mampu mengajar kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya.	8	15	42	3.58
		12.3%	23.1%	64.7%	
13	Saya menyalurkan bahan pengajaran dan sumber maklumat berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya.	4	5	56	3.95
		6.2%	7.7%	86%	
14	Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya.	5	13	47	3.75
		7.7%	20.0%	72.3%	
15	Saya menjadi rujukan pelajar apabila mereka menghadapi sebarang masalah berkaitan mata pelajaran bahasa Arab	3	6	56	3.94
		4.6%	9.2%	86.1%	
16	Saya membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya.	3	7	55	4.00
		4.6%	10.8%	84.6%	
17	Saya dapat mengesan kesilapan umum yang	6	5	54	3.83

	dilakukan oleh pelajar semasa PdPc bahasa Arab secara maya.	9.2%	7.7%	83.1%	
18	Saya mampu menilai tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab semasa PdPc bahasa Arab secara maya dijalankan.	5 7.7%	14 21.5%	46 70.8%	3.66
19	Saya akan memohon tunjuk ajar dari rakan setugas sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya.	3 4.6%	1 1.5%	61 93.8%	4.08
20	Saya selalu bertukar pandangan dengan rakan-rakan guru yang lain berkaitan teknik pengajaran secara dalam talian.	3 4.6%	2 3.1%	60 92.3%	4.03
21	Rakan-rakan setugas memberi galakan dan semangat untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya.	3 4.6%	4 6.2%	58 89.2%	3.98
22	Saya mendapat sokongan dan galakan daripada pentadbir untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya.	3 4.6%	6 9.2%	56 86.1%	3.94
23	Saya berminat untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran saya.	3 4.6%	5 7.7%	57 87.7%	4.02
24	Saya bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan kaedah pengajaran secara dalam talian.	3 4.6%	7 10.8%	55 84.6%	3.94
Min Keseluruhan					3.84

Terdapat 24 item diuji di bawah elemen penerimaan dari segi penggunaan. Bagi item pertama “Saya melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya”, 59 orang responden(90.8%) bersetuju bahawa mereka melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya. Bagi item kedua “Saya tahu tujuan PdPc bahasa Arab dijalankan secara maya”, 59 orang responden (90.7%) bersetuju bahawa mereka tahu tujuan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dijalankan. Bagi item ketiga “Saya menggunakan aplikasi video bersemuka seperti zoom, google meet atau video call telegram dalam pengajaran secara maya”, 43 orang responden (72.4%) bersetuju bahawa mereka menggunakan aplikasi tersebut. Bagi item keempat “Saya menggunakan telegram atau whatsapp dalam pengajaran secara maya”, 60 orang responden (92.3%) bersetuju bahawa mereka menggunakan aplikasi tersebut. Bagi item kelima “Saya menguasai kemahiran

teknologi asas untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya”, 47 orang responden (72.3%) bersetuju bahawa mereka menguasai teknologi asas untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Bagi item keenam “Saya mampu mengendalikan PdPc bahasa Arab secara maya”, 52 orang responden (80%) bersetuju bahawa mereka mampu mengendalikan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab secara maya. Bagi item ketujuh “Saya mampu menyesuaikan gaya pengajaran saya dengan kaedah PdPc secara maya”, 50 orang responden (77%) bersetuju bahawa mereka mampu menyesuaikan pengajaran mereka dengan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Bagi item kelapan “Saya mampu mengajar bahasa Arab dengan menggabungkan pedagogi, kandungan bahasa Arab dan teknologi pendidikan”, 50 orang responden (76.9%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar bahasa Arab dengan menggabungkan pedagogi, kandungan bahasa Arab dan teknologi pendidikan.

Bagi item kesembilan “Saya mampu mengajar kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya”, 44 orang responden (67.7%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran membaca bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kesepuluh “Saya mampu mengajar kemahiran mendengar bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya”, 42 orang responden (64.6%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran mendengar bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya. Bagi item kesebelas “Saya mampu mengajar kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya”, 43 orang responden (66.2%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Bagi item kedua belas “Saya mampu mengajar kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik melalui PdPc bahasa Arab secara maya”, 42 orang responden (64.7%) bersetuju bahawa mereka mampu mengajar kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik melalui pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item ketiga belas “Saya menyalurkan bahan pengajaran dan sumber maklumat berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya”, 56 orang responden (86%) bersetuju bahawa mereka menyalurkan bahan pengajaran dan sumber maklumat berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item keempat belas “Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya”, 47 orang responden (72.3%) bersetuju bahawa mereka menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kelima belas “Saya menjadi rujukan pelajar apabila mereka menghadapi sebarang masalah berkaitan mata pelajaran bahasa Arab”, 56 orang responden (86.1%) bersetuju bahawa mereka menjadi rujukan pelajar apabila pelajar menghadapi masalah berkaitan mata pelajaran bahasa Arab. Bagi item keenam belas “Saya membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya”, 55 orang responden (84.6%) bersetuju bahawa mereka membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan mata pelajaran bahasa Arab semasa pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Bagi item ketujuh belas “Saya dapat mengesan kesilapan umum yang dilakukan oleh pelajar semasa PdPc bahasa Arab secara maya”, 54 orang responden (83.1%) bersetuju bahawa mereka dapat mengesan kesilapan umum yang dilakukan oleh pelajar semasa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kelapan belas “Saya mampu menilai tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab semasa

PdPc bahasa Arab secara maya dijalankan”, 46 orang responden (70.8%) bersetuju bahawa mereka dapat menilai tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab semasa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dijalankan. Bagi item kesembilan belas “Saya memohon tunjuk ajar dari rakan setugas sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya”, 61 orang responden (93.8%) bersetuju bahawa mereka mendapatkan tunuk ajar dari rakan setugas sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Bagi item kedua puluh “Saya selalu bertukar pandangan dengan rakan-rakan guru yang lain berkaitan teknik pengajaran secara dalam talian”, 60 orang responden (92.3%) bersetuju bahawa mereka selalu bertukar pandangan dengan rakan-rakan setugas berkaitan teknik pengajaran secara dalam talian. Bagi item kedua puluh satu “Rakan-rakan setugas memberi galakan dan semangat untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya”, 58 orang responden (89.2%) bersetuju bahawa rakan-rakan setugas mereka memberi galakan dan semangat untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kedua puluh dua “Saya mendapat sokongan dan galakan daripada pentadbir untuk melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya”, 56 orang responden (86.1%) bersetuju bahawa pentadbir memberi sokongan dan galakan untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Bagi item kedua puluh tiga “Saya berminat untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran saya”, 57 orang responden (87.7%) bersetuju bahawa mereka berminat untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran mereka. Bagi item terakhir elemen penerimaan dari segi penggunaan iaitu item kedua puluh empat “Saya bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan kaedah pengajaran secara dalam talian”, 55

orang responden (84.6%) bersetuju bahawa mereka bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan kaedah pengajaran secara dalam talian.

Secara keseluruhannya dapatan ini menunjukkan penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa arab dari segi penggunaan berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.4. Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab dari Segi Kelebihan

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	PdPc secara maya membantu saya mengekalkan hubungan dengan pelajar.	7	18	40	3.58
		10.8%	27.7%	61.5%	
2	PdPc secara maya membantu saya menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan berkaitan bahasa Arab kepada pelajar.	7	12	46	3.71
		10.8%	18.5%	70.8%	
3	PdPc secara maya membantu saya dalam memastikan PDPC bahasa Arab tetap berjalan lancar walaupun institusi pendidikan ditutup.	4	10	51	3.86
		6.1%	15.4%	78.5%	
4	PdPc secara maya menjadikan saya lebih kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar	5	14	46	3.71
		7.7%	21.5%	70.7%	
5	Melalui PdPc bahasa Arab secara maya, saya dapat menyesuaikan penggunaan teknologi untuk aktiviti pengajaran.	6	9	50	3.74
		9.2%	13.8%	76.9%	
6	PdPc secara maya melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif.	8	18	39	3.49
		12.3%	27.7%	60.0%	
MIN					3.68

Terdapat 6 item diuji di bawah elemen penerimaan dari segi kelebihan. Bagi item pertama “PdPc secara maya membantu saya mengekalkan hubungan dengan pelajar”, 40 orang responden (61.5%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membantu mereka mengekalkan hubungan dengan pelajar. Bagi item kedua “PdPc secara maya membantu saya menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan berkaitan bahasa Arab kepada pelajar”, 46 orang responden (70.8%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membantu mereka menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan berkaitan bahasa Arab kepada pelajar. Bagi item ketiga “PdPc secara maya membantu saya dalam

memastikan PdPc bahasa Arab tetap berjalan lancar walaupun institusi pendidikan ditutup”, 51 orang responden (78.5%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membantu mereka dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab tetap berjalan lancar walaupun institusi pendidikan ditutup. Bagi item keempat “PdPc secara maya menjadikan saya lebih kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar”, 46 orang responden (70.7%) bersetuju bahawa Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya menjadikan mereka lebih kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Bagi item kelima “Melalui PdPc bahasa Arab secara maya, saya dapat menyesuaikan penggunaan teknologi untuk aktiviti pengajaran”, 50 orang responden (76.9%) bersetuju bahawa mereka dapat menyesuaikan penggunaan teknologi untuk aktiviti pengajaran melalui pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Bagi item keenam “PdPc secara maya melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif”, 39 orang responden (60.0%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dapat melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif. Secara keseluruhannya penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.5. Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab dari Segi Penglibatan Pelajar

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	PdPc bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan mendapat penglibatan yang positif daripada pelajar.	17	13	35	3.28
		26.1%	20.0%	53.8%	
2	Pelajar saya aktif memberi maklum balas sepanjang PdPc bahasa Arab secara maya berlangsung.	20	13	32	3.17
		30.8%	20.0%	49.2%	
3	Pelajar saya turut mencari maklumat atau bahan pembelajaran bahasa Arab secara sendiri	15	16	34	3.29
		23.0%	24.6%	52.3%	
4	Pelajar saya mendapatkan pandangan saya tentang bahan tersebut.	3	12	40	3.46
		20.0%	18.5%	61.5%	
5	Pelajar saya menunjukkan minat dan seronok untuk belajar semasa PdPc bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan.	12	15	38	3.40
		18.5%	23.1%	58.5%	
Min Keseluruhan					3.32

Terdapat 5 item diuji di bawah elemen penerimaan dari segi penglibatan pelajar. Bagi item pertama “PdPc bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan mendapat penglibatan yang positif daripada pelajar”, 35 orang responden (53.8%) bersetuju bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang mereka laksanakan mendapat penglibatan yang positif daripada pelajar. Bagi item kedua “Pelajar saya aktif memberi maklum balas sepanjang PdPc bahasa Arab secara maya berlangsung”, 32 orang responden (49.2%) bersetuju bahawa pelajar mereka aktif memberi maklum balas sepanjang pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya berlangsung. Bagi item ketiga “Pelajar saya turut mencari maklumat atau bahan pembelajaran bahasa Arab secara sendiri”, 34 orang responden (52.3%) bersetuju bahawa pelajar mereka turut mencari maklumat atau bahan pembelajaran bahasa Arab secara sendiri. Bagi item keempat “Pelajar saya mendapatkan pandangan saya tentang bahan tersebut”, 40 orang responden (61.5%) bersetuju bahawa pelajar mereka mendapatkan pandangan mereka tentang bahan yang dicari. Bagi item kelima “Pelajar saya menunjukkan minat dan seronok untuk belajar semasa PdPc bahasa Arab secara maya yang saya laksanakan”, 38 orang responden (58.5%) bersetuju bahawa pelajar mereka menunjukkan minat dan seronok untuk belajar semasa pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang mereka laksanakan. Secara keseluruhannya penerimaan guru terhadap penerimaan dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya juga berada pada tahap sederhana tinggi.

4.2.3 Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Perbezaan Penerimaan Guru Terhadap PDPC Secara Maya di antara Guru yang Mengajar di Bandar dan di Luar Bandar?

Hipotesis Penyelidikan : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Hipotesis Nul : Terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Analisis nonparametrik ujian *Mann-Whitney* dijalankan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan tahap penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dengan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar sekolah luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) bahasa Arab secara maya.

Hasil analisis menunjukkan sampel bagi kajian ini ($n = 65$), kumpulan guru bandar sekolah menengah kebangsaan di Kelantan ($n = 23$) dan kumpulan guru luar bandar sekolah menengah kebangsaan di Kelantan ($n = 42$), ujian statistik mempamerkan bahawa nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.592 > 0.05$ menunjukkan hipotesis kajian diterima. Ini disimpulkan bahawa secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan

antara penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Seterusnya setiap elemen di bawah konstruk penerimaan guru, iaitu penerimaan dari segi penggunaan, kelebihan dan penglibatan pelajar pula diteroka dan dianalisis bagi melihat sama ada terdapat perbezaan tahap penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dengan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di sekolah luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan(pdpc) bahasa Arab secara maya dari segi penggunaan, kelebihan dan penglibatan pelajar.

4.2.3.1 Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap PdPc Bahasa Arab Secara Maya dari Segi Penggunaan

Hipotesis Penyelidikan : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi penggunaan.

Hipotesis Nul : Terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi penggunaan.

Hasil analisis bagi sampel bagi kajian ini ($n = 65$), kumpulan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar ($n = 23$) dan kumpulan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar ($n = 42$) mempamerkan bahawa nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.630 > 0.05$ menunjukkan hipotesis kajian diterima. Ini disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penggunaan.

4.2.3.2 Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap PdPc Bahasa Arab Secara Maya dari Segi Kelebihan

Hipotesis Penyelidikan : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi kelebihan.

Hipotesis Nul : Terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi kelebihan.

Dapatan menunjukkan sampel bagi kajian ini ($n = 65$), kumpulan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar ($n = 23$) dan kumpulan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar ($n = 42$) menunjukkan nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.034 < 0.05$. Ini menunjukkan hipotesis kajian ditolak. Ini disimpulkan bahawa terdapat perbezaan antara penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi kelebihan.

4.2.3.3 Perbezaan Penerimaan Guru Bahasa Arab di Bandar dan Luar Bandar Terhadap PdPc Bahasa Arab Secara Maya dari Segi Penglibatan Pelajar

Hipotesis Penyelidikan : Tidak terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi penglibatan pelajar.

Hipotesis Nul : Terdapat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari segi penglibatan pelajar.

Dapatan analisis bagi kajian ini ($n = 65$), kumpulan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar ($n = 23$) dan kumpulan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar ($n = 42$) mempamerkan bahawa nilai Asymp. Sig. (2tailed) $0.928 > 0.05$ menunjukkan hipotesis kajian diterima. Ini disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penglibatan pelajar.

4.2.4 Persoalan Kajian 3: Apakah Faktor-Faktor yang Mempengaruhi PdPc Bahasa Arab Secara Maya?

Terdapat enam elemen yang diuji dalam kajian ini bagi melihat faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) bahasa Arab secara maya. Elemen-elemen tersebut merangkumi elemen sokongan pentadbiran, elemen sokongan teknikal, elemen sokongan sosial, elemen gaya pengajaran guru, elemen kesediaan pelajar dan elemen kandungan mata pelajaran. Analisis faktor dijalankan untuk melihat faktor-faktor terbentuk yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudacaraan bahasa Arab secara maya.

4.2.4.1 Analisis Faktor

Analisis faktor dilakukan terhadap 18 item yang mewakili enam elemen yang diuji dalam ujian ini. Bagi dapatan analisis yang pertama, hasil ujian *KMO & Bartlett's* diperhatikan untuk mengetahui kelayakan sesuatu item sama ada dapat dilanjutkan untuk dianalisis menggunakan analisis faktor. Berdasarkan hasil analisis, nilai *KMO* $0.821 > 0.5$ dan nilai sig. ($0.000 < 0.05$) menunjukkan analisis faktor dapat dilanjutkan.

Bagi dapatan kedua, *Anti Image Matrics* digunakan untuk mengetahui dan menentukan item mana yang layak untuk dianalisis menggunakan analisis faktor. Hasil analisis menunjukkan semua item memiliki nilai $MSA > 0.5$ menunjukkan bahawa semua item layak untuk dilakukan analisis faktor.

Dapatan ketiga iaitu *Communalities* menunjukkan nilai item yang diteliti sama ada mampu menjelaskan faktor atau tidak. Dapatan analisis menunjukkan semua item memiliki nilai $extraction > 0.5$, maka semua item dapat digunakan untuk menjelaskan faktor.

Seterusnya dapatan *Total Variance Explained* untuk melihat analisis *Initial Eigenvalues* dan *Extaction Sums of Square Loading*. *Initial Eigen Values* menunjukkan faktor yang terbentuk apabila nilai total dijumlahkan, maka akan menunjukkan jumlah item ($9.195 + 2.56 + 1.963 + 1.272 + 0.819 + 0.482 + 0.360 + 0.257 + 0.216 + 0.209 + 0.139 + 0.130 + 0.102 + 0.089 + 0.084 + 0.070 + 0.041 + 0.014 = 18$). Pada bahagian *Extraction Sums of Squared Loading* menunjukkan jumlah faktor yang terbentuk (nilai *Initial Eigenvalues* > 1). Hasil analisis menunjukkan terdapat empat faktor yang terbentuk. Selain itu, *Scree Plot* juga diteliti untuk melihat jumlah faktor yang terbentuk. Sebagaimana yang telah disebutkan, dapatan menunjukkan terdapat empat faktor yang terbentuk.

Dapatan seterusnya *Component Matrix* yang menunjukkan nilai korelasi item dengan faktor yang terbentuk. Nilai korelasi item 1 dengan faktor 1 adalah 0.490, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.631, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.320 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.129. Nilai korelasi item 2 dengan faktor 1 adalah 0.438, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.595, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.545 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.234. Nilai korelasi item 3 dengan faktor 1 adalah 0.540, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.639, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.402 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.192. Nilai korelasi item 4 dengan faktor 1 adalah

0.733, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.372, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.195 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.195. Nilai korelasi item 5 dengan faktor 1 adalah 0.781, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.344, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.129 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.222. Nilai korelasi item 6 dengan faktor 1 adalah 0.760, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.406, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.142 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.202. Nilai korelasi item 7 dengan faktor 1 adalah 0.685, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.150, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.570 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.307. Nilai korelasi item 8 dengan faktor 1 adalah 0.718, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.081, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.609 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.286. Nilai korelasi item 9 dengan faktor 1 adalah 0.702, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.051, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.609 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.286.

Nilai korelasi item 10 dengan faktor 1 adalah 0.794, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.286, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.031 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.280. Nilai korelasi item 11 dengan faktor 1 adalah 0.823, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.269, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.024 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.372. Nilai korelasi item 12 dengan faktor 1 adalah 0.845, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.266, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.077 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.216.

Nilai korelasi item 13 dengan faktor 1 adalah 0.812, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.175, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.215 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.171. Nilai korelasi item 14 dengan faktor 1 adalah 0.802, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.107, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.159 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.171. Nilai korelasi item 15 dengan faktor 1 adalah 0.851, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.212, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.129 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.154.

Nilai korelasi item 16 dengan faktor 1 adalah 0.563, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.391, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.343 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.427. Nilai korelasi item 17 dengan faktor 1 adalah 0.627, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.494, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.217 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.410. Nilai korelasi item 18 dengan faktor 1 adalah 0.715, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.488, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.175 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.296.

Dapatan seterusnya *Rotated Component Matrix* untuk melihat sesuatu item itu berada pada kelompok faktor yang mana. Faktor 1 terbentuk daripada item 4, item 5, item 6, item 10, item 11, item 12, item 13, item 14 dan item 15. Faktor 2 terbentuk dari item 7, item 8 dan item 9. Faktor 3 terbentuk daripada item 1, item 2 dan item 3 manakala faktor 4 terbentuk dari item 16, item 17 dan item 18.

Dapatan seterusnya *Component Transformation Matrix* yang menunjukkan nilai korelasi bagi setiap faktor. Faktor 1 nilai korelasinya $0.705 > 0.4$, faktor 2 nilai korelasinya $0.766 > 0.4$, faktor 3 nilai korelasinya $0.497 > 0.4$ dan faktor 4 nilai korelasinya $0.640 > 0.4$. Maka dapat disimpulkan bahawa keempat-empat faktor tersebut layak untuk merangkumi semua item yang dianalisis.

4.2.4.2 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya

Berdasarkan dapatan analisis faktor, terdapat empat faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dalam kajian ini. Faktor-faktor tersebut merangkumi faktor pelajar, guru dan teknikal, faktor sokongan pentadbiran, faktor sokongan sosial dan faktor kandungan mata pelajaran yang diajar. Seterusnya analisis deskriptif dilakukan untuk melihat tahap keberkesanan

setiap faktor tersebut dalam mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Hasil analisis adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.6

Jadual 4.6. Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesediaan Pelajar, Faktor Sokongan Sosial, Faktor Sokongan Pentadbiran dan Faktor Kandungan Mata pelajaran (N=65)

Bil	Faktor	Min	Sisihan Piawai
1	Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesediaan Pelajar	4.2991	0.5408
2	Faktor Sokongan Sosial	4.2821	0.7150
3	Faktor Sokongan Pentadbiran	4.1897	0.5335
4	Faktor Kandungan Mata pelajaran	3.9846	0.7081

Berdasarkan jadual 4.6, secara keseluruhannya faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya diikuti oleh faktor sokongan sosial, faktor sokongan pentadbiran dan faktor kandungan mata pelajaran.

4.2.4.2.1 Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesediaan Pelajar

Berdasarkan dapatan kajian bagi faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, faktor sokongan teknikal, gaya guru dan kesediaan pelajar yang merangkumi capaian internet yang stabil, kemudahan alat peranti, suasana yang kondusif untuk pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, penyesuaian gaya pengajaran guru dengan kaedah pembelajaran secara maya, penggunaan teknik pengajaran yang pelbagai dalam menyampaikan isi pengajaran bagi menarik minat pelajar, memastikan penglibatan semua pelajar dalam setiap pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan, kesedaran daripada pelajar tentang tujuan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, kesedaran tentang kepentingan belajar dan kesediaan untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri

secara keseluruhannya mencatat nilai min pada tahap yang tinggi 4.2991 dan sisihan piawai 0.5408 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.7

Semua item mencatat nilai min pada tahap yang tinggi. Item pertama “Capaian internet yang stabil dapat menjamin kelancaran PdPc secara maya” dan item ketiga “Suasana yang kondusif penting untuk memastikan PdPc bahasa Arab secara maya yang berkesan” mencatat nilai min yang sama 4.35 dan sisihan piawai masing-masing 0.759 dan 0.648. Item kedua “Alat peranti seperti telefon pintar atau komputer riba merupakan keperluan utama dalam melaksanakan PdPc bahasa Arab secara maya” mencatat nilai min paling tinggi 4.42 dan sisihan piawai 0.659.

Item keempat “Guru perlu menyesuaikan gaya pengajaran dengan kaedah pembelajaran secara maya” mencatat nilai min 4.29 dan sisihan piawai 0.605, item kelima “Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik untuk menarik minat pelajar” mencatat nilai min yang sama dengan item keempat iaitu 4.29 dan sisihan piawai 0.655 dan item keenam “Guru perlu melibatkan semua pelajar dalam setiap aktiviti yang dijalankan” mencatat nilai min 4.23 dan sisihan piawai 0.580.

Item ketujuh “Pelajar mesti tahu tujuan PdPc bahasa Arab dilaksanakan secara maya” mencatat nilai min 4.18 dan sisihan piawai 0.659, item kelapan “Pelajar perlu sedar kepentingan untuk belajar” mencatat nilai min 4.29 dan sisihan piawai 0.631 dan item kesembilan “Pelajar hendaklah bersedia untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri” mencatat nilai min 4.28 dan sisihan piawai 0.673.

Ini bermakna faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar memberi kesan positif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Responden percaya bahawa capaian internet yang stabil, kemudahan alat peranti, suasana yang kondusif untuk pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, penyesuaian gaya pengajaran guru dengan kaedah pembelajaran secara maya, penggunaan teknik pengajaran yang pelbagai dalam menyampaikan isi pengajaran bagi

menarik minat pelajar, guru memastikan penglibatan semua pelajar dalam setiap pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan, kesedaran daripada pelajar tentang tujuan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, kesedaran tentang kepentingan belajar dan kesediaan untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Jadual 4.7. Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesediaan Pelajar (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Capaian internet yang stabil dapat menjamin kelancaran PDPC secara maya.	4.35	0.76
2	Alat peranti seperti telefon pintar atau komputer riba merupakan keperluan utama dalam melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya	4.42	0.66
3	Suasana yang kondusif penting untuk memastikan PDPC bahasa Arab secara maya yang berkesan.	4.35	0.65
4	Guru perlu menyesuaikan gaya pengajaran dengan kaedah pembelajaran secara maya.	4.29	0.605
5	Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik untuk menarik minat pelajar	4.29	0.655
6	Guru perlu melibatkan semua pelajar dalam setiap aktiviti yang dijalankan	4.28	0.580
7	Pelajar mesti tahu tujuan PDPC bahasa Arab dilaksanakan secara maya.	4.18	0.659
8	Pelajar perlu sedar kepentingan untuk belajar	4.29	0.631
9	Pelajar hendaklah bersedia untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri.	4.28	0.673
Min Keseluruhan		4.299	0.5408

4.2.4.2.2 Faktor Sokongan Sosial

Faktor seterusnya yang dikaji adalah faktor sokongan sosial. Berdasarkan dapatan kajian, faktor sokongan sosial yang merangkumi sokongan ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah juga mencatat nilai min pada tahap yang tinggi 4.282 dan sisihan piawai 0.715 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.8. Semua item turut mencatat nilai min pada tahap yang tinggi yang mana item pertama “Sokongan daripada ibu bapa diperlukan untuk memastikan PdPc bahasa Arab yang berkesan” mencatat nilai min 4.35 dan sisihan piawai 0.738, item kedua “Sokongan daripada guru diperlukan untuk

memastikan PdPc bahasa Arab yang berkesan” mencatat nilai min 4.25 dan sisihan piawai 0.73 dan item ketiga “Sokongan daripada pihak pentadbir sekolah diperlukan untuk memastikan PdPc bahasa Arab yang berkesan” mencatat nilai min 4.25 dan sisihan piawai 0.73. Ini bermakna faktor sokongan sosial memberi kesan positif terhadap keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Responden percaya bahawa sokongan daripada ibu bapa, guru dan pihak pentadbir sekolah mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Jadual 4.8. Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Sosial (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Sokongan daripada ibu bapa diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan	4.35	0.738
2	Sokongan daripada guru diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan	4.25	0.730
3	Sokongan daripada pihak pentadbir sekolah diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan	4.25	0.730
	Min Keseluruhan	4.2821	0.715

4.2.4.1 Faktor Sokongan Pentadbiran

Berdasarkan dapatan kajian bagi faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, faktor sokongan pentadbiran iaitu sokongan dari pihak Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM) dari segi penyediaan platform pembelajaran secara maya yang sesuai, mendapatkan maklum balas daripada guru dari semasa dan mengambil tindakan terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru secara keseluruhannya mencatatkan nilai min pada tahap yang tinggi 4.1897 dan sisihan piawai 0.533 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.9. Semua item mencatat nilai min pada tahap yang tinggi. Item pertama “Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan platform yang sesuai untuk dilaksanakan PdPc secara maya” mencatat nilai min 4.23 dan sisihan piawai 0.553, item kedua “Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah sentiasa mendapatkan maklum balas

daripada guru-guru berkaitan pelaksanaan PdPc secara maya dari semasa ke semasa” mencatat nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.601 dan item ketiga “Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil tindakan dari semasa ke semasa terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru” mencatat nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.575. Ini bermakna faktor sokongan pentadbiran memberi kesan positif terhadap keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Responden percaya bahawa sokongan dari pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari segi penyediaan platform pembelajaran secara maya yang sesuai, mendapatkan maklum balas daripada guru dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru dapat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Jadual 4.9. Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Pentadbiran (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan platform yang sesuai untuk dilaksanakan PDPC secara maya.	4.23	0.553
2	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah sentiasa mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan pelaksanaan PDPC secara maya dari semasa ke semasa.	4.17	0.601
3	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil tindakan dari semasa ke semasa terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru	4.17	0.575
Min Keseluruhan		4.1897	0.533

4.2.4.6 Faktor Kandungan Mata pelajaran

Seterusnya faktor kandungan mata pelajaran yang merangkumi kesesuaian kandungan pelajaran untuk disampaikan secara dalam talian, sesuai dengan tahap pelajar dan diolah dalam bentuk yang menarik dan senang difahami secara keseluruhannya mencatat nilai min pada tahap sederhana tinggi 3.984 dan sisihan piawai 0.708 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.10. Item ketiga “Kandungan pelajaran diolah dalam bentuk yang menarik dan senang untuk difahami” mencatat nilai min pada tahap yang tinggi 4.06 dan sisihan piawai 0.747 manakala item pertama “Kandungan pelajaran yang

sesuai untuk disampaikan melalui pembelajaran secara dalam talian” mencatat nilai min pada tahap sederhana tinggi 3.91 dan sisihan piawai 0.765. Begitu juga dengan item kedua “Kandungan pelajaran sesuai dengan tahap pelajar” juga mencatat nilai min pada tahap sederhana tinggi 3.98 dan sisihan piawai 0.780. Ini menunjukkan faktor kandungan mata pelajaran dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya adalah pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.10. Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Kandungan Mata pelajaran (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Kandungan pelajaran yang sesuai untuk disampaikan melalui pembelajaran secara dalam talian	3.91	0.765
2	Kandungan pelajaran sesuai dengan tahap pelajar	3.98	0.780
3	Kandungan pelajaran diolah dalam bentuk yang menarik dan senang untuk difahami	4.06	0.747
Min Keseluruhan		3.9846	0.70816

4.3 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, dalam bab ini telah dijelaskan secara terperinci dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan instrumen soal selidik yang telah ditebarkan kepada responden.

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan ringkasan keseluruhan kajian berteraskan kepada objektif dan persoalan kajian. Perbincangan mengenai rumusan dan dapatan kajian ini dikaitkan dengan teori dan kajian-kajian lepas.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk meneroka elemen berkaitan konstruk penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian serta faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa arab secara dalam talian. Kajian ini melibatkan 65 orang responden yang terdiri daripada guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan Agama dan sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab yang mewakili setiap daerah dalam negeri Kelantan.

Kajian ini dimulakan dengan menentukan konstruk dan elemen yang ada dalam kajian ini. Konstruk dan elemen ini ditentukan berdasarkan hasil daripada kupasan sorotan literatur berkaitan kajian-kajian lepas serta teori-teori. Seterusnya pembinaan soal selidik yang terdiri daripada 53 item untuk ditadbirkan kepada responden. Soal selidik tersebut telah dikemukakan kepada pakar untuk mendapat kesahan muka dan kandungan. Penambahkan dibuat berdasarkan penilaian yang diberikan oleh pakar dan juga perbincangan dengan penyelia.

Seterusnya, soal selidik tersebut telah ditadbirkan kepada 35 orang responden yang terdiri daripada guru bahasa Arab dari pelbagai negeri selain dari negeri Kelantan sebagai kajian rintis. Maklum balas soal selidik tersebut telah dianalisis menggunakan

SPSS untuk melihat nilai kebolehpercayaan. Hasil analisis mendapati nilai *Chronbach Alpha* adalah tinggi dan berada pada tahap yang baik iaitu 0.9.

Setelah soal selidik tersebut dimurnikan, kajian sebenar dijalankan. Seramai 65 orang responden terdiri daripada guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan Agama dan sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab yang mewakili setiap daerah dalam negeri Kelantan sebagaimana yang telah disebutkan. Analisis dimulakan dengan analisis ujian kenormalan data untuk menentukan kaedah analisis seterusnya yang sesuai digunakan untuk menganalisis data kajian. Seterusnya data dianalisis melalui analisis deskriptif, analisis non parametrik iaitu Mann-Whitney dan analisis faktor.

5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan yang dijelaskan dalam subtopik ini adalah berdasarkan kepada analisis data yang didapati melalui soal selidik dan rujukan terhadap kajian-kajian terdahulu serta teori yang berkaitan.

5.3.1 Data Demografi Responden

Jumlah responden yang terlibat dalam menjawab soal selidik membabitkan seramai 65 orang guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan dalam negeri Kelantan. Analisis menunjukkan bahawa guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di negeri Kelantan yang terlibat dalam kajian ini, bilangan guru wanita 3 kali ganda melebihi bilangan guru lelaki. Dari segi umur pula, separuh dari mereka berada pada pertengahan umur iaitu dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun. Dari aspek jenis sekolah pula, bilangan guru yang bertugas di luar bandar hampir 2 kali ganda melebihi jumlah guru yang bertugas di bandar. Bagi aspek pengalaman mengajar bahasa Arab, lebih kurang separuh dari responden kajian ini adalah guru yang berpengalaman mengajar bahasa

Arab iaitu melebihi 15 tahun. Dari segi pengalaman mengikuti kursus mengajar bahasa Arab pula, hampir separuh dari mereka telah mengikuti kursus mengajar bahasa Arab melebihi 6 kali sepanjang perkhidmatan mereka manakala dari segi pengalaman mengikuti kursus teknologi maklumat pula majoriti daripada mereka pernah mengikuti kursus teknologi maklumat antara 1 hingga 2 kali sahaja sepanjang mereka berkhidmat.

5.3.2 Penerimaan Guru Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya

Dapatan Kajian menunjukkan penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian sebelum ini antaranya oleh Mahizer Hamzah dan Mohd Azli Yeop (2016) yang membincangkan tentang maklum balas penerimaan guru dan pelaksanaan Frog VLE di sekolah-sekolah menunjukkan ianya mendapat penerimaan yang positif daripada guru. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Amirudin Mohd Salim et al. (2016) untuk mengenal pasti tahap kesedaran, penerimaan dan impak e-pembelajaran dalam kalangan pensyarah menunjukkan penerimaan yang positif dan kajian oleh Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018) mendapati bahawa pelajar dan guru memperlihatkan penerimaan yang tinggi terhadap pembelajaran secara dalam talian.

Namun, hasil kajian ini berbeza dengan Zuraidah Abdullah yang berpendapat bahawa sebahagian besar murid, pelajar, guru dan ibu bapa belum bersedia sepenuhnya. Kaedah pembelajaran maya ketika itu hanya berada pada tahap sederhana memuaskan disebabkan beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dan pelajar terutamanya dari segi kemudahan prasarana (komputer, komputer riba, tab dan telefon pintar) serta capaian internet (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020). Perkara ini mungkin berlaku di peringkat awal pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Namun setelah pelbagai langkah yang diambil oleh guru untuk membuat penambahbaikan dalam mengendalikan kelas secara maya termasuklah berkongsi dengan rakan setugas berkenaan kaedah dan teknik yang terbaik dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya membuatkan guru semakin menerima pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya sebagaimana yang disebutkan oleh Mahizer Hamzah bahawa sebelum ini, guru menggunakan pembelajaran dalam talian ini sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan dalam bilik darjah di sekolah. Namun, pada peringkat awal penggunaannya, ia amat terbatas dan tidak semua guru menggunakannya. Pelaksanaan pemantauan penggunaan di setiap sekolah yang dijalankan oleh KPM telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan pembelajaran dalam talian ini dan semakin meluas digunakan serta menjadi medium utama semasa wabak Covid melanda Negara. Pandemik Covid-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020).

Konstruk penerimaan guru diteroka dan dibahagikan kepada tiga elemen iaitu elemen penerimaan dari segi penggunaan, elemen penerimaan dari segi kelebihan dan elemen penerimaan dari segi penglibatan murid.

5.3.2.1 Elemen Penerimaan dari Segi Penggunaan

Elemen penerimaan dari segi penggunaan merangkumi aspek guru menggunakan platform pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, menguasai kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya serta kesediaan guru untuk meneroka lebih mendalam tentang pelaksanaan PdPc bahasa Arab secara maya bagi menambahbaik mutu pengajaran mereka. Dapatan kajian penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap PdPc

bahasa Arab dari segi penggunaan yang melibatkan 24 item menunjukkan skor min yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.84.

Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018) yang mendapati bahawa pelajar dan guru memperlihatkan persepsi yang tinggi bagi keperluan penggunaan realiti maya dalam pendidikan *ICT*. Berdasarkan dapatan kajian oleh Nadia Abdul Hamid dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2017) menunjukkan tahap kemahiran guru terhadap aplikasi persekitaran pembelajaran maya Frog (*Frog VLE*) berada pada tahap sederhana dan tahap penggunaan guru terhadap persekitaran pembelajaran maya Frog (*Frog VLE*) juga menunjukkan tahap sederhana. Begitu juga kajian berbentuk tinjauan yang dijalankan oleh Lai Chee Sern et al. (2017) menunjukkan bahawa tahap penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT di sekolah luar bandar di Daerah Batu Pahat adalah sederhana. Secara kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan terdapat peningkatan terhadap penerimaan guru dari segi penggunaan yang merangkumi aspek pelaksanaan, penguasaan kemahiran dan kesediaan meneroka pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh penggunaan medium pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya secara meluas dan merupakan pilihan utama semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan akibat penularan wabak COVID 19.

5.3.2.2 Elemen Penerimaan dari Segi Kelebihan

Elemen penerimaan dari segi kelebihan bermaksud penerimaan guru terhadap PdPc secara maya disebabkan oleh kelebihan-kelebihan medium ini yang banyak membantu guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara berterusan walaupun sekolah ditutup. Elemen penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pdpc bahasa Arab dari segi kelebihan yang melibatkan

6 item menunjukkan skor min yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.68. Dapatan ini selari dengan pembentangan yang dilakukan oleh Ahmad Zaki Amiruddin et al. (2015) bahawa penggunaan aplikasi e-pembelajaran bukan sahaja memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), bahkan meningkatkan minat para pelajar untuk mempelajari sesuatu pelajaran. Pengajar dan para pelajar mempunyai masa yang lebih fleksibel untuk penyampaian dan pemahaman sesuatu pelajaran. Proses PdP boleh dilakukan berulang kali tanpa bergantung sepenuhnya kepada pengajar. Proses pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana, asalkan ada capaian internet.

Begitu juga kenyataan Najmi Syahiran Mamat (2020) bahawa pembelajaran secara dalam talian yang dijalankan semasa PKP menjadikan guru lebih kreatif serta memanfaatkan penggunaan teknologi yang ada bagi memastikan pembelajaran anak didik mereka tidak terabai. Dapatan ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Faiz Mohd Baharan et al. (2019) yang mendapati sistem *VLE Frog* telah memberi impak dan manfaat yang besar kepada warga pendidik khususnya terhadap murid dan guru. Medium *VLE Frog* adalah “one stop shop” di mana ia adalah sebuah kedai yang mengeluarkan produk pendidikan untuk menyelesaikan teknologi pendidikan dan menyokong pengajaran di sekolah. Analisis dapatan kajian mendapati fungsi dan peranan sistem *VLE Frog* telah memberikan kesan yang besar kepada guru dengan meningkatkan kualiti pengajaran guru, merapatkan jurang hubungan antara guru dengan murid secara maya, memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan meningkatkan penggunaan inovasi dalam kalangan guru. Manakala pembelajaran dalam kalangan murid akan meluaskan pengetahuan dan membantu murid memperoleh maklumat dan mengaplikasikan maklumat dengan mudah.

Begitu juga dapatan oleh Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid (2015a) bahawa pembelajaran persekitaran maya merupakan medium utama dalam pendidikan masa kini. Pengintegrasian blended learning dalam pengajaran dan pembelajaran *VLE FROG*

merupakan pendekatan yang mampu merubah pembelajaran berkonsepkan maya supaya lebih menarik dan mudah difahami. Penggabungan atau teradunnya pembelajaran tersebut seharusnya dapat menarik perhatian murid agar tidak merasa bosan dan hilang fokus terhadap mata pelajaran yang dipelajarinya. Pembelajaran persekitaran yang berkonsepkan maya ini mampu mengubah mentaliti pemikiran generasi masa kini untuk lebih kehadapan dan mampu mengubah corak pendidikan kita kepada yang lebih berteknologi seiring dengan negara maju yang lain melalui pelbagai perancangan dan strategi yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dapatan ini juga bertepatan dengan teori Connectivisme yang mana menurut teori ini, guru lebih mudah untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran dari pelbagai sumber yang boleh didapati secara percuma seperti laman web, *youtube*, *telegram* dan sebagainya yang mana bahan tersebut boleh didapati dengan mudah dan dapat dikongsi dengan murid. Selain itu, guru juga mampu berkongsi idea, ilmu, buah fikiran dan juga bahan pengajaran dengan rakan guru yang lain melalui perkongsian di *Telegram* atau kumpulan *Whatsapp* dan sebagainya untuk diaplikasikan dalam pengajaran mereka. Guru juga mampu mempelajari teknik-teknik dan kaedah mengajar yang pelbagai yang boleh disesuaikan dalam pengajaran mereka. Guru boleh menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dari semasa ke semasa dengan membandingkan dengan kaedah yang dikongsi di laman sosial untuk meningkatkan mutu pengajaran mereka bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang berkesan. Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya juga menjadikan guru lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran mereka (Najmi Syahiran Mamat, 2020).

Menurut Sajap Maswan (2019), pembelajaran secara maya menggalakkan perkongsian maklumat dalam sesebuah komuniti, memberi peluang yang lebih luas kepada ahli-ahli komuniti untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, memberi peluang kepada ahli komuniti yang tinggal jauh daripada universiti untuk

mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan lebih baik dan murah, menggalakkan ahli komuniti untuk terus belajar sepanjang hayat dan melahirkan anggota komuniti yang mempunyai kemahiran berfikir tahap tinggi. Menurut Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018), penggunaan realiti maya dapat dijadikan bahan bantu mengajar yang efektif kepada guru-guru sebagai tarikan kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman dan pencapaian kecemerlangan pendidikan terutama dalam mata pelajaran *ICT* di sekolah.

5.3.2.3 Elemen Penerimaan dari Segi Penglibatan pelajar

Elemen penerimaan dari segi penglibatan pelajar bermaksud penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara maya disebabkan mendapat respon yang positif daripada pelajar. Pelajar memberi kerjasama dengan hadir semasa pelaksanaan pemudahcaraan secara maya dan melibatkan diri dalam aktiviti sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya berlangsung. Dapatan kajian ini berdasarkan elemen penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap PdPc bahasa Arab dari segi penglibatan pelajar yang melibatkan 5 item menunjukkan skor min yang juga sederhana tinggi dengan catatan nilai min 3.32. Dapatan ini selari dengan kenyataan Letchmanan yang menyebut 2/3 daripada pelajarnya mengikuti pelajaran atas talian yang mana boleh menghantar kerja sekolah melalui *WhatsApp* atau *Google Classroom* yang mana mereka boleh memuat turun dokumen, lengkapkan dan kemudian memuat naiknya semula ke platform manakala 1/3 daripada murid tidak melakukan tugas yang diberi kerana kesilapan teknikal seperti masalah penyiaran dan isu-isu bunyi manakala kekurangan akses internet dan data merupakan isu lain yang dihadapi dalam melaksanakan pembelajaran atas talian (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020). 2/3 daripada pelajar dianggap berada pada tahap sederhana tinggi.

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abd Hadi Harun (2014) yang menunjukkan pelajar selesa menggunakan laman interaksi sosial web bagi melaksanakan kerja berkumpulan secara kolaboratif dan pelajar memberi maklum balas yang positif apabila melaksanakan kerja secara berkumpulan melalui aplikasi maya kerana pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang baru serta dapat berkongsi maklumat yang melibatkan isu-isu secara global sesama mereka. Hal ini bertepatan dengan Teori Connectivisme yang menerangkan teknologi internet membuka ruang baru bagi pelajar untuk membina dan berkongsi pengetahuan. Perkara ini turut diakui oleh Mahizer Hamzah bahawa pandemik COVID-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama berdasarkan situasi semasa yang menunjukkan golongan terlibat seperti murid, pelajar, penuntut universiti, tenaga pengajar serta ibu bapa sudah boleh menerima pembelajaran secara maya sebagai antara pendekatan yang boleh digunakan baik untuk PdPc mahupun PdP (Syahidatul Akmal Dunya, 2020).

Jika dibandingkan dengan dapatan kajian tinjauan oleh Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod (2018), menunjukkan sedikit perbezaan yang mana dapatan kajian tersebut menunjukkan kesediaan pelajar terhadap penggunaan *VLE Frog* berada pada tahap tinggi. Hal ini mungkin disebabkan oleh responden kajian yang berbeza. Responden dalam kajian yang dilakukan oleh Sumarni Lapammu dan Zamri Mahamod (2018) melibatkan pelajar itu sendiri yang menyatakan kesediaan mereka manakala responden dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdiri daripada guru dan guru menyatakan respon mereka berdasarkan pemerhatian mereka terhadap penglibatan pelajar semasa mereka melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Selain itu perbezaan dapatan kajian ini mungkin juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi penglibatan pelajar terhadap pembelajaran

pemudahcaraan secara maya seperti gaya pengajaran guru, sokongan sosial dan sebagainya. Jika dilihat secara keseluruhannya, perbezaan tersebut tidaklah begitu ketara iaitu pada tahap sederhana tinggi dan tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan dengan apa yang disebut oleh Wong Kooi Choon bahawa maklum balas daripada pelajar kurang menggalakan ketika melaksanakan pembelajaran dalam talian sama ada secara terus seperti *Zoom* atau tertangguh seperti *Whatsapp* dan *Telegram* kerana sesetengah pelajar tidak memberi maklum balas (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020). Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan tempoh kajian ini dijalankan yang mana kenyataan oleh Wong Kooi Choon adalah pada peringkat awal pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang menyebabkan sekolah ditutup dan medium pembelajaran secara maya digunakan manakala hasil dapatan kajian ini pula didapati setelah hampir dua tahun negara melaksanakan perintah kawalan pergerakan dan pelajar telah terbiasa dengan pembelajarana dan pemudahcaraan secara maya sebagaimana yang disebutkan oleh Mahizer Hamzah, pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya semakin meluas digunakan serta menjadi medium utama semasa wabak COVID melanda negara telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020)

5.3.3 Perbezaan Penerimaan Guru di Bandar dengan Guru Luar Bandar Terhadap Pembelajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya

Hasil analisis kajian, secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan antara penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di bandar dengan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan yang mengajar di luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan sama ada

guru di bandar atau luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Muhammad Azrin Abu Bakar dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketara dari segi penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya antara guru di bandar dan juga guru di luar bandar. Menurut kajian yang dijalankan oleh Muhammad Azrin Abu Bakar dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021), penerimaan guru bandar dan juga luar bandar terhadap pembelajaran secara maya berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan terdapat peningkatan dari segi penerimaan guru terhadap pembelajaran secara maya berbanding kajian sebelum ini. Ini mungkin disebabkan oleh tempoh masa guru menggunakan pembelajaran secara dalam talian membuatkan guru semakin bersedia dan mahir dalam mengendalikan kelas secara maya.

Kajian oleh Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin (2021) juga menunjukkan tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah di kawasan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya adalah tinggi. Ini menunjukkan tiada perbezaan dengan penerimaan guru di bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya sebagaimana kajian oleh Siti Nurfitri Moyang dan Khadijah Abdul Razak (2022), Mahizer Hamzah dan Mohd Azli Yeop (2016) dan Abd Hakim Abdul Majid et al. (2018). Tiada perbezaan dari segi penerimaan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya antara guru yang mengajar di bandar dengan guru yang mengajar luar bandar juga mungkin disebabkan oleh capaian internet yang turut dinikmati oleh golongan luar bandar setelah pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan agar kemudahan capaian internet dapat diperluaskan sehingga ke kawasan pedalaman. Antaranya kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah memuktamadkan proses pemberian tender bagi perkhidmatan capaian

jalur lebar menerusi satelit di 839 lokasi terpencil di negara ini meliputi 178 penempatan Orang Asli di Kelantan, Pahang, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Selangor, 138 tempat di pedalaman Sabah dan 523 lokasi di pedalaman Sarawak (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2021). Kerajaan telah menterjemah perancangan capaian Internet di seluruh negara termasuk kawasan pedalaman dan perkampungan Orang Asli supaya semua lapisan masyarakat dapat menikmati jaringan komunikasi yang lebih baik termasuk melakukan transformasi ke atas 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara sebagai pusat pendidikan bagi menangani masalah Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) (Syaherah Mustafa, 2021).

Pada ketika ini, kira-kira 94 peratus kawasan di seluruh negara mendapat liputan internet 4G. Usaha ke arahnya sedang giat dilakukan bagi mempercepat peningkatan tahap liputan, mengambil kira kepentingan dan keperluannya yang semakin meningkat. Kerajaan menyasarkan dapat meningkatkan tahap liputan internet 4G kepada 96.6 peratus di seluruh negara pada hujung tahun 2022 dan liputan internet 4G seluruh kawasan di negara ini termasuk luar bandar dan pedalaman sepenuhnya pada tahun 2025 (Mohamad Shofi Mat Isa, 2021). Usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan capaian internet dapat diperluaskan ke kawasan luar bandar dan juga pedalaman mungkin sedikit sebanyak telah menyumbang kepada faktor penerimaan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Jika dilihat pada setiap elemen penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penggunaan, kelebihan dan penglibatan pelajar pula, penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penggunaan menunjukkan tiada perbezaan antara penerimaan guru bandar dan guru luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Ini mungkin disebabkan oleh guru

bandar dan juga guru luar bandar menggunakan medium ini dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan yang berterusan semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan. Tiada perbezaan ini juga mungkin disebabkan oleh capaian internet yang turut dinikmati oleh golongan luar bandar setelah pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan agar kemudahan capaian internet dapat diperluaskan sehingga ke kawasan pedalaman sebagaimana yang telah dinyatakan dalam huraian sebelum ini.

Elemen penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi kelebihan pula menunjukkan terdapat perbezaan penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan antara guru bandar dengan luar bandar. Ini mungkin disebabkan oleh capaian internet di luar bandar tidak sebaik capaian internet di bandar (Mohd Hafiz Abd Mutalib & Nur Nazlina Nadzari, 2021). Walaupun capaian internet telah diperluaskan sehingga ke kawasan luar bandar, namun mungkin tidak sebaik capaian internet di bandar menjadikan kelebihan capaian internet yang dinikmati oleh golongan di bandar dan luar bandar berbeza.

Elemen penerimaan guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dari segi penglibatan pelajar pula menunjukkan tiada perbezaan penerimaan antara guru bandar dan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Ini mungkin kerana penglibatan pelajar semasa pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya bukan hanya dipengaruhi oleh faktor capaian internet sahaja. Namun ianya turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti kemudahan alat peranti (Jason Thomas & Durie Rainer Fong, 2020), suasana pembelajaran (Shanika Abdullatib, 2020), sokongan ibu bapa atau keluarga (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020) dan motivasi pelajar sendiri (Anim Zalina Azizan, 2020) yang mana faktor ini mempengaruhi penglibatan pelajar bandar dan juga luar

bandar dalam mengikuti pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang dilaksanakan.

5.3.4 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Arab Secara Maya

Daripada hasil analisis kajian, didapati min keseluruhan bagi faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar adalah 4.30 merupakan min tertinggi berbanding faktor-faktor yang lain. Ini menunjukkan faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa arab secara maya. Faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merangkumi capaian internet yang stabil, kemudahan kelengkapan alat peranti, suasana yang kondusif, kesesuaian gaya pengajaran guru, kepelbagaian kaedah dan teknik dalam menyampaikan isi pelajaran, kemahiran guru melaksanakan aktiviti yang melibatkan semua murid, kesedaran pelajar untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri. Dapatan ini selari dengan kenyataan Mahizer Hamzah bahawa bagi memastikan pembelajaran dalam talian yang berkesan memerlukan disiplin murid yang tinggi yang mana murid perlu menghadiri kelas maya yang dilaksanakan oleh guru secara konsisten serta memberi komitmen sepenuhnya, capaian internet yang baik, persekitaran yang kondusif serta kepelbagaian kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru untuk menarik minat pelajar (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Dzul kifli Abdul Razak juga berpandangan sama bahawa perkara paling utama untuk memastikan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan adalah semua pelajar mendapat akses pembelajaran yang adil iaitu memiliki alat peranti dan capaian yang baik. Kenyatannya disokong oleh Wan Marzuki Wan Jaafar bahawa capaian internet yang berkelajuan tinggi perlu ditingkatkan, alat peranti yang digunakan mestilah bersesuaian, guru

mestilah menguasai kemahiran menggunakan teknologi dan kreatif serta inovatif dalam mengendalikan kelas secara maya bagi menarik minat pelajar (Shanika Abdullatib, 2020).

Begitu juga dengan tinjauan oleh Azizi Ahmad (2020) bahawa ketersediaan peranti untuk setiap pelajar dan kecekapan guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya adalah penting bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan. Menurut Anuar Ahmad dalam Sinar Harian (2020a) dan Ahmed Harith, pembelajaran dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar dan pedalaman (Syahidatul Akmal Dunya, 2020). Menurut Rosninawati Hussin (2020) dan Zuraidah Abdullah pula, guru perlu kreatif mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih seronok dan menggalakkan pelajar mendapatkan ilmu dari pelbagai sumber dengan menjadikan guru sebagai moderator (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2020). Guru perlu menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang bersesuaian bagi menarik minat pelajar (Mazlina Abdul Majid, 2020; Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah, 2014). Begitu juga dapatan kajian yang dilakukan oleh Saiful Afzan Baru et al. (2014), Azlin Ariffin @ Riffin dan Muhamad Suhaimi Taat (2020) dan Mohammad Haafiz Ahmid et al. (2018) bahawa guru merupakan faktor penting dalam mempengaruhi sikap pelajar bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

Faktor sokongan sosial mencatatkan keseluruhan skor min 4.28. Faktor sokongan sosial merangkumi sokongan daripada ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah. Dapatan ini menunjukkan sokongan daripada ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang berkesan adalah positif. Dapatan kajian ini selaras dengan kenyataan Mahizer Hamzah dan Anuar Ahmad yang menyatakan bahawa bagi memastikan pembelajaran dalam talian yang berkesan, sokongan dan dorongan yang kuat daripada ibu bapa diperlukan. Ibu bapa

perlu memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran anak dengan menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa. Selain itu, ibu bapa juga perlu bersedia memainkan peranan sebagai fasilitator serta memberi galakan dan motivasi kepada anak, mewujudkan jadual pembelajaran yang khusus di rumah juga membantu anak menguasai pelajaran (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Menurut Azizi Ahmad (2020), ibu bapa perlu memainkan peranan besar dalam proses pembelajaran anak-anak. Keberanian, dedikasi yang tinggi dan kesungguhan dari pendidik, guru dan pemimpin pendidikan berbanding orang lain dalam perkhidmatan awam di seluruh negara diperlukan bagi menghasilkan pembelajaran secara maya yang berkesan. Kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan secara atas talian ini menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi maklumat, penyediaan peranti digital dan akses capaian internet yang berkualiti serta penyediaan kaedah penilaian yang bersesuaian bagi mengukur pencapaian pelajar. Semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu iaitu kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan secara atas talian secara menyeluruh demi kelangsungan proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan (Nor Fauziana Mohd Salleh, 2020).

Seterusnya faktor sokongan pentadbiran yang merangkumi sokongan daripada pihak kementerian pendidikan Malaysia dalam menyediakan platform yang sesuai untuk pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari masa ke semasa dan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru pula mencatat skor min 4.19. Faktor ini juga penting dan turut mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Menurut Muzaffar Syah Mallow (2020), kerajaan khususnya

